



JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

اوتتاین بیچارا

# MUTIARA MUFTI

SAHIBUS SAMAHAH PROF. MADYA  
DATO' DR. MOHD SUKKI BIN OTHMAN  
(MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG)



Cetakan Pertama Julai 2025

© **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang 2025**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Diterbitkan oleh  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 48, KOMTAR,  
10000 Georgetown, Pulau Pinang

☎ 04-2632975

📠 04-263-2985

Dicetak oleh  
Percetakan Hijrah  
No.19, (Grd Flor), Jalan Arowana 4, Kawasan Perniagaan Arowana,  
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

☎ 04-3900312 / 017-9449891



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-99781-2-1

## KANDUNGAN

Prakata Editor	5
Kata Pengantar	7
Zakat: Serah Kepada Pemerintah	9
Pembaikan Hati, Ilmu Fiqh Demi Mengislahkan Amalan	16
Contohi Kisah Syeikh Abdul Qadir Dengan Penyamun	22
Hidupkan Kasih Sayang Dalam Bermasyarakat	29
Perpaduan Umat Islam Tanpa Syarat, Perangi Zionis Israel	35
Perjuangan Pertahan Palestin Mesti Berterusan	41
Bina Sifat Kepahlawanan Bebas Budaya Jahiliah	47
Kuburkan Kepercayaan Ada Sial Sepanjang Safar	54
Umpama Sebilah Pisau Berguna Atau Ancaman	61
Fahami Ilmu Kedua-Dua Aliran Berdasar Sumber Sahih	66
Usah Lengah Cari Keredaan Allah	71
Allah Isytihar Perang Ke Atas Pelaku	77
Pemangkin Ke Arah Kecemerlangan Dakwah Islam	83
Tambah Kasih Pada Baginda	91
Umpama <i>Utrujah</i> Dan Kurma	98
Perbuatan Ditinggalkan Nabi SAW Tak Semestinya Haram	105

Istiqamah Bela Perjuangan Rakyat Palestin	110
Jangan Alpa Dan Abai Solat Dalam Kehidupan Sehari-hari	117
Azab Pedih Buat ' <i>Temannya</i> ' Bangsa Dimurkai Allah	121
Malang Amalan Kebajikan Hilang Ganti Hutang Atas Dunia	128
Kenali Perawakan Rasulullah SAW	132
Jauhi Perkara Direka-Reka Dalam Urusan Ibadat	138
Tangani Secara Baik Dengan Penuh Hikmah	144
Haram Hilangkan Kemampuan Reproduksi Kecuali Kes Darurat	150
Tanggungjawab, Cabaran Umat Islam Makin Hebat	157
Perbanyakkan Amalan Sunat Pada Bulan Syaaban	163
Pendekatan Hikmah Tangani Penghinaan Terhadap Islam	169
Siang Berlapar, Waktu Berbuka 'Berpesta Makan'	175
Khazanah Ilmu Membentuk Pemikiran Manusia	180
Mengapa Pandang Sepi Bonus <i>Lailatulqadar</i> ?	185
Bergembira Dengan Rohani Terisi	190
Rebutlah Ganjaran Seperti Berpuasa Setahun Penuh	197

Istiqamah Umpama Asiah Isteri Firaun	203
Rezeki Diperoleh, Barakah Diraih	208
Syaitan Sentiasa Cuba Menyesatkan Hamba Allah	214
Antara Cair Dan Beku	219
Haram Jual, Makan Harta Wakaf	226
Ajaran Sesat Diasaskan Abdullah bin Saba'	231
Lahir Masyarakat Malas Berusaha, Jumud	237
Perbezaan Sekadar Istilah	244
Biografi Penulis	252

## Prakata Editor

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta seluruh tabi' dan tabi' tabi'in yang mengikuti jejak langkah baginda dengan penuh keimanan dan keinsafan.

Buku yang berada di tangan para pembaca ini merupakan sebuah kompilasi artikel tulisan Sahibus Samahah **Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman**, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sepanjang tahun pertama beliau menjawat jawatan tersebut, iaitu dalam tahun 1446 Hijri.

Seiring dengan itu, naskhah ini dinamakan *Untaian Bicara Mutiara Mufti* sebagai lambang catatan fikrah dan suara keilmuan beliau sepanjang tempoh tersebut. Artikel-artikel ini asalnya telah diterbitkan dalam akhbar *Harian Metro*, terbitan NSTP (M) Berhad, kebanyakannya menerusi ruangan agama "Addin". Sebanyak 40 artikel telah dipilih untuk dihimpunkan dalam naskhah ini, merangkumi pelbagai bidang seperti syariah, akidah, tasawuf, serta isu-isu semasa yang menyentuh kehidupan masyarakat Islam.

Bagi penerbitan buku ini, pihak editor telah melakukan beberapa penambahbaikan. Antaranya termasuklah penambahan teks asal ayat al-Quran dan Hadis berserta rujukan lengkapnya berbanding hanya terjemahan dalam versi siaran akhbar. Perenggan turut disusun semula, kesilapan ejaan diperbetulkan, dan gaya bahasa ditatar mengikut panduan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Penyeragaman kaedah penulisan rujukan juga diambil perhatian agar naskhah ini tampil lebih kemas dan ilmiah.

Semoga usaha kecil ini memberi manfaat yang besar kepada para pembaca, dan menjadi sumbangan berterusan dalam menyuburkan kefahaman Islam dalam masyarakat.

**Salam hormat,**

Pasukan Editor,  
Muhammad Haniff bin Baderun (Ketua)  
Dr. Hj. Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim  
Azwati binti Zainol Abidin

## Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah SWT yang telah memberikan ruang, kekuatan dan ilham kepada hamba-Nya yang lemah ini untuk menyampaikan sedikit ilmu, nasihat dan pandangan melalui penulisan mingguan sejak dilantik sebagai Mufti pada 1 Julai 2024.

Kini, genap setahun pena ini menulis secara istiqamah dalam akhbar setiap minggu. Satu usaha kecil yang saya niatkan semata-mata kerana Allah, demi menyuburkan kefahaman Islam yang sebenar dalam kalangan masyarakat kita.

Buku ini menghimpunkan artikel-artikel yang telah diterbitkan sepanjang tempoh tersebut, yang merangkumi pelbagai topik berkaitan akidah, fiqh, akhlak, isu semasa dan cabaran masyarakat moden dalam mendepani kehidupan beragama. Artikel-artikel ini ditulis dengan pendekatan yang mudah difahami, bersifat membimbing, dan mengajak kepada renungan dan amal.

Penulisan ini juga secara tidak langsung menyokong dan mendukung usaha murni yang diterajui oleh YB Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan Agenda Pembangunan Agama Islam (APAI) 2030. Agenda ini menuntut kebersamaan semua pihak dalam memahami, menyambut dan merealisasikan matlamat pembangunan Islam secara lebih menyeluruh dan inklusif di negeri ini.

Saya amat menyedari betapa pentingnya peranan ilmu dalam membentuk kesedaran, manhaj pertimbangan dan ketenangan dalam masyarakat. Dalam dunia yang semakin laju bergerak, tulisan masih mempunyai nilai sebagai jambatan yang menghubungkan hati, akal dan iman.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pasukan yang membantu dalam proses penulisan, penyuntingan dan penerbitan buku ini. Tidak dilupakan juga pembaca yang setia mengikuti setiap nukilan mingguan. Moga Allah SWT mengurniakan keberkatan buat anda semua.

Semoga kumpulan tulisan ini menjadi salah satu amal jariah yang diterima di sisi-Nya, memberi manfaat buat umat Islam, dan menjadi saksi bahawa usaha dakwah tidak pernah terhenti walau hanya dengan sebatang pena.

وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

Sekian, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
1 Julai 2025M  
5 Muharam 1447H

# Trend PK Battle bercanggah dengan ajaran Islam



1

## ZAKAT: SERAH KEPADA PEMERINTAH

Allah SWT mensyariatkan zakat sebagai satu daripada ibadat utama dalam Islam dan termasuk dalam Rukun Islam. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis sahih:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَإِقَامَ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

**Maksud:** "Islam itu dibangunkan di atas lima perkara iaitu bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT, Nabi Muhammad SAW itu hamba-Nya dan pesuruhNya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji di Makkah serta berpuasa pada Ramadan."

(Muslim; 16)

Zakat ibadat yang sangat istimewa kerana memainkan peranan yang penting dalam membangun dan pemangkin pertumbuhan ekonomi umat Islam dan berupaya meningkatkan martabat ummah. Zakat kewajipan yang ditentukan Allah SWT kepada Muslimin. Namun, menurut Prof. Yusuf al-Qaradawi, pelaksanaan

ibadat zakat bukanlah kewajiban individu, akan tetapi kewajiban yang dilaksanakan di bawah pengawasan dan pengurusan pemerintah. Peranan pemerintah dalam pengurusan dan pentadbiran zakat menjadi elemen yang sangat penting dalam sistem pemerintahan Islam kerana ia berkait rapat dengan usaha meningkatkan kesejahteraan hidup dalam masyarakat serta salah satu sumber kewangan negara.

Dalil jelas yang menunjukkan tugas mengutip dan mengagihkan zakat tanggung jawab pemerintah ialah firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ  
إِنَّ صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٣١﴾

**Maksud:** "Ambillah sedekah (zakat) daripada sebahagian harta mereka supaya dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka serta doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(al-Taubah; 103)

Menurut Ibn Kathir dalam kitab tafsirnya, Allah SWT memerintahkan Rasul-Nya untuk mengambil zakat daripada harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka melalui zakat. Namun, terdapat sebahagian orang dalam kalangan arab badwi yang enggan membayar zakat dengan menganggap pembayaran zakat bukanlah kepada imam atau pemimpin sebaliknya khusus kepada Rasulullah SAW. Pemahaman yang salah ini dijawab dengan tegas oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan sahabat lain dengan

memerangi mereka hingga mereka bersedia membayar zakat kepada khalifah sebagaimana sebelumnya mereka membayar kepada Rasulullah SAW.

Dalam kes ini, Khalifah Abu Bakar r.a. pernah berkata: *"Demi Allah, seandainya mereka membangkang terhadapku dan tidak mahu menunaikan zakat ternak untanya yang biasa mereka tunaikan kepada Rasulullah SAW, sungguh aku benar-benar akan memerangi mereka kerana keengganan tersebut."*

Perkataan yang bermaksud 'ambillah' dalam ayat 103 Surah al-Taubah ini juga merupakan '*al-amr*' atau perintah yang ditujukan kepada pihak berkuasa supaya memungut zakat daripada orang yang layak mengeluarkan zakat. Sehubungan itu, menjadi suatu kewajipan kepada pemerintah untuk mengurus, memungut dan mengagihkan zakat. Perkara ini juga dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW ketika mengutus Muaz bin Jabal ke Yaman dan Rasulullah SAW berwasiat kepadanya:

فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدِ افْتَرَضَ  
عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ، تُوْحَذُ مِنْ أَغْنِيَاءِهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى  
فُقَرَائِهِمْ

**Maksud:** *"Apabila mereka patuh kepadamu untuk hal itu 'bersyahadah' maka beritahukanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan zakat kepada mereka pada harta mereka, yang diambil daripada orang kaya di antara mereka lalu diagihkan kepada fakir di antara mereka."*

(al-Bukhari; 1395 dan Muslim; 19)

Justeru, para ulama menyatakan bahawa ia dalil yang menunjukkan pemerintah mempunyai hak untuk menguruskan zakat iaitu dengan mengutip serta mengagihkannya sama ada dilakukan oleh pemerintah itu sendiri atau melalui wakilnya seperti memberi tanggung jawab khusus kepada organisasi zakat. Selain itu, pandangan Imam Syafii juga menyatakan pemimpin wajib mengutip zakat daripada golongan yang cukup syarat untuk mengeluarkannya.

Selain itu, firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ  
السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

**Maksud:** "Sesungguhnya sedekah (zakat itu) hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang mengurusnya, orang muafat dijinakkan hatinya, hamba hendak memerdekakan dirinya, orang berhutang dibelanjakan pada jalan Allah dan musafir (yang keputusan wang) dalam perjalanan."

(al-Taubah; 60)

Berdasarkan ayat ini, al-Kasani menyatakan bahawa seseorang imam atau khalifah berhak memungut zakat, oleh yang demikian disebutkan dengan jelas 'amilin' dalam ayat ini. Tambahan daripada itu, al-Jasas dalam kitab *Ahkam al-Quran* menegaskan orang yang wajib

membayar zakat tidak boleh mengagihkan zakatnya sendiri. Al-Qaradawi juga dalam kitabnya, *Fiqh al-Zakat* menyatakan fuqaha bersepakat bahawa pemerintah mempunyai hak mengutip dan mengagihkan zakat serta hendaklah mengurusnya secara sistematik lagi tersusun. Hal ini supaya zakat dapat diuruskan dengan efisien serta dapat memastikan disalurkan kepada asnaf yang benar-benar memerlukan.

Imam Nawawi dalam kitab *al-Majmuk Syarah al-Muhazzab* juga menyatakan apabila terdapat dalam kalangan masyarakat golongan yang tidak mengetahui kewajipan mengeluarkan zakat atau bersifat bakhil, menjadi wajib atas pemimpin untuk melantik wakil bagi memungutnya. Justeru, dalam menguruskan pungutan zakat terhadap golongan yang wajib berzakat (*muzakki*) dan harta yang wajib diberikan zakat, kerajaan akan melantik petugas zakat ataupun amil bagi mengutip seterusnya mengagihkan dana zakat kepada asnaf yang berhak (*mustahik*).

Antara hikmah sistem urus tadbir zakat dilaksanakan oleh pihak berkuasa atau pemerintah adalah seperti berikut:

**Pertama:** Golongan fakir yang berhak menerima zakat akan berasa lebih selesa dan terpelihara air muka mereka daripada berasa malu untuk meminta serta menerima bantuan zakat daripada pemerintah. Ini berbeza apabila mendapatkan simpati secara terus daripada mana-mana pihak atau individu tertentu.

**Kedua:** Kaedah agihan zakat institusi yang ditubuhkan pemerintah lebih bersifat menyeluruh dan sama rata daripada segi pembahagian zakat diterima oleh asnaf. Seseorang individu yang kaya mungkin tidak mampu secara persendirian untuk mengenal pasti dan mengagihkan dana zakat dengan nilai sama kepada penerima zakat.

**Ketiga:** Sesungguhnya harta zakat yang diberikan secara persendirian dan tidak melalui badan ditubuhkan pemerintah hanya akan terarah kepada beberapa golongan tertentu seperti individu fakir, miskin atau *ibnu sabil* (musafir). Sebaliknya, falsafah pungutan dan agihan zakat akan lebih bersifat menyeluruh jika dilaksanakan oleh institusi pungutan zakat sesebuah negara dengan menyasarkan kepada semua asnaf yang memerlukan bersesuaian dengan kemaslahatan umat Islam secara kolektif.

**Keempat:** Sesungguhnya Islam adalah agama yang tidak dapat dipisahkan daripada sistem pemerintahan syumul. Islam bertentangan dengan ideologi sekularisme yang memisahkan agama daripada institusi pemerintahan sesebuah negara. Dengan demikian untuk mengukuhkan lagi sistem pemerintahan dan pentadbiran Islam, institusi zakat adalah aset terpenting bagi memenuhi keperluan negara khususnya yang berkaitan aset kewangan serta harta sesebuah negara.

**Kelima:** Zaman Rasulullah SAW dan sahabat khususnya pada era Khulafa ar-Rasyidin adalah contoh terbaik bagaimana urusan zakat dikendalikan pemerintah.

Sayidina Abu Bakar r.a. memerangi golongan yang ingkar mengeluarkan zakat selepas kewafatan Rasulullah SAW. Selain itu, sekumpulan amil atau petugas zakat dilantik bagi mengendalikan urusan pemungutan dan pengagihan zakat kepada para asnaf.

**Keenam:** Kaedah dan mekanisme pungutan dan pengagihan zakat melalui badan mengurus zakat yang diwujudkan oleh pemerintah dapat memudahkan umat Islam untuk melaksanakan ibadat itu dan ekonomi umat Islam seterusnya negara dapat dipertingkatkan.

Mengikut undang-undang di Malaysia, kuasa memungut dan mengagihkan zakat diletakkan di bawah kuasa negeri. Tugas itu dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Justeru, tindakan mengagihkan sendiri zakat tanpa melalui wakil yang dilantik pemerintah adalah melanggar undang-undang dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-76 yang berlangsung pada 2006 juga menetapkan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui Baitulmal adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak. Bagaimanapun, perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang dalam perkara kebaikan seperti ini adalah berdosa. Hal ini kerana Islam mewajibkan umatnya untuk patuh dan taat kepada pemerintah (*ulil amri*) pada perkara yang membawa kebaikan.

2

## **PEMBAIKAN HATI, ILMU FIQH DEMI MENGISLAHKAN AMALAN**

Sering kali kita mendengar dewasa ini berkaitan penyelewengan dan kesesatan yang berlaku pada aliran tarekat sufi. Lalu pelbagai tanggapan negatif dilemparkan kepada sesiapa sahaja yang berjinak-jinak dengan ilmu tasawuf. Bak kata pepatah '*kerana nila setitik, rosak susu sebilangan*'. Begitulah juga apa yang terjadi pada tasawuf, dek kerana terdapat tarekat dan aliran tasawuf yang sesat, tasawuf secara keseluruhannya dianggap sesat oleh sebilangan orang. Oleh itu, marilah sama-sama kita menilai secara adil terhadap hakikat tasawuf itu sendiri. Yang sesat tetap dikatakan sesat, tetapi yang bertunjangkan syarak tetap dijunjung.

Mengikut al-Qadi Sheikh Zakaria al-Ansari, tasawuf ialah ilmu yang membicarakan hal ehwal penyucian hati, pembersihan akhlak, dan pembangunan jiwa secara zahir dan batin demi mencapai kebahagiaan abadi. Manakala, Sheikh Ahmad Zauruq ketika mendefinisikan tasawuf menyatakan bahawa tasawuf ialah ilmu yang

menumpukan masalah pembaikan hati, ilmu fiqh pula bertujuan mengislahkan amalan. Sesetengah ulama pula telah menyatakan bahawa tasawuf itu semuanya akhlak, sesiapa yang semakin baik akhlaknya, maka bertambahlah tasawufnya. Abu Hasan al-Syazili pula berkata tasawuf itu ialah suatu proses latihan kejiwaan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Namun, ada pandangan yang mengatakan bahawa perkataan tasawuf itu sendiri tidak wujud pada zaman sahabat dan tabiin, oleh itu mengapakah ia diadadikan? Pandangan ini tidak dapat diterima oleh akal yang sihat kerana bukan sahaja istilah tasawuf, tetapi banyak lagi istilah lain yang tidak digunakan pada zaman sahabat, sebaliknya digunakan pada zaman selepas zaman sahabat yang tidak diingkari oleh sesiapa pun penggunaannya seperti istilah *Nahu*, *Fiqh*, *Mantik* dan sebagainya.

Justeru, ulama menyatakan bahawa lafaz dan istilah itu tidak berapa penting, akan tetapi yang lebih penting ialah isi dan kandungan dan asasnya. Oleh itu, apa salahnya pengisian yang ada dalam ilmu tasawuf yang merangkumi pembersihan jiwa, penyucian hati dan pengislahan akhlak demi mencapai martabat al-Ihsan. Sesetengah orang mungkin juga tertanya-tanya mengapakah seruan ke arah tasawuf tidak wujud pada zaman awal Islam, begitu juga seruan ke arah tasawuf ini tidak wujud kecuali selepas dari zaman para sahabat dan *tabiin*?

Jawapan kepada persoalan ini ialah masyarakat Islam pada zaman awal Islam tidak berhajat kepada suatu ilmu yang dinamakan tasawuf kerana masyarakat awal Islam memang sudah terkenal dengan ketakwaan, warak, zuhud dan sebagainya ekoran hubungan yang dekat dan secara langsung dengan Rasulullah SAW. Justeru, para sahabat umpamanya sentiasa berlumba-lumba untuk mencontohi apa yang dilihat daripada nabi sama ada yang melibatkan perkataan, perbuatan atau pengakuan nabi. Walaupun mereka tidak menyeru ke arah tasawuf, tetapi hakikatnya tasawuf itu sudah berada dalam diri mereka. Para sahabat dan tabiin walaupun tidak dipanggil sebagai ahli sufi pada namanya, akan tetapi hakikatnya mereka memang ahli sufi. Mereka bukan sahaja beriman dengan akidah Islam dan melaksanakan kefarduan Islam, malah mereka menghubungkan pelaksanaan ketaatan kepada Allah dengan perasaan yang penuh khusyuk.

Tambahan daripada amalan fardu, mereka juga memperbanyakkan amalan sunat serta menjauhi segala perkara makruh lagi haram. Inilah sikap golongan yang disebut oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

حَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ

**Maksud:** *"Sebaik-baik manusia adalah kurunku, kemudian orang-orang yang setelah mereka, kemudian orang-orang yang setelah mereka."*

(al-Bukhari; 2533)

Apabila berlalunya zaman, Islam pun semakin berkembang dan pelbagai bangsa di dunia mula memeluk Islam. Seiring dengan kepesatan ajaran Islam yang berjaya 'menakluk' dunia, begitulah juga berkembangnya ilmu pengetahuan. Lalu, sebilangan ulama telah mengambil inisiatif untuk membukukan ilmu dalam bentuk yang lebih khusus agar mudah dipelajari dan difahami oleh umat Islam. Justeru, muncullah penyusunan dan pembukuan ilmu *Nahu, Fekah, Tauhid, 'Ulum al-Hadith, Usuluddin, Tafsir, Mantik, Mustalah al-Hadith, Faraid* dan sebagainya.

Selepas itu, terjadi sesuatu yang amat mendukacitakan apabila sentuhan rohani pada diri semakin berkurangan. Segelintir umat Islam mulai lupa kepentingan untuk mengabdikan diri dengan sebenar-benarnya kepada Allah yang berpaksikan kepada hati yang bersih dan suci. Ekoran daripada itu, ilmu tasawuf pula disusun dan dibukukan agar umat Islam kembali menghayati zuhud dalam kehidupan dunia yang fana ini.

Telah ditanya kepada al-Imam al-Hafiz al-Sayyid Muhammad Sadiq al-Ghumari, siapakah yang mengasaskan ilmu tasawuf? Adakah ia merupakan wahyu dari langit? Lalu soalan itu dijawab dengan katanya: "*Ketahuilah bahawa pengasasnya ialah wahyu dari langit yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, dan tidak syak lagi bahawa ia adalah konsep al-Ihsan yang juga salah satu dari rukun yang tiga (Islam-Iman-Ihsan) yang diajar oleh Jibril AS ketika berdialog*

*dengan nabi di hadapan para sahabat sebagaimana yang termaktub dalam hadis yang sahih."*

Islam ialah taat dan ibadat, iman pula ialah cahaya dan akidah, manakala ihsan ialah maqam *muraqabah* dan *musyahadah* sebagaimana sabda Nabi: "*Hendaklah kamu mengabdikan diri kepada Allah seolah-olah kamu melihat Allah, Sekiranya kamu tidak dapat melihat Allah, (namun yakinlah), Dia melihat kamu...*". Jelasnya, sesiapa yang meninggalkan 'ihsan', pegangan agamanya menjadi tidak sempurna kerana meninggalkan salah satu daripada rukun yang tiga. Oleh itu, tasawuf tidak lain tidak bukan ialah menyeru kepada martabat ihsan setelah wujudnya kesahihan pada Islam dan iman.

Ibnu Khaldun dalam bukunya *al-Muqaddimah* telah menyatakan: "*Ilmu tasawuf adalah ilmu syarak yang baru, yang pada asalnya merupakan jalan dan pegangan golongan salaf yang terdiri daripada para sahabat, tabiin dan golongan selepas mereka yang menuju ke arah kebenaran dan hidayah. Asalnya ialah memfokuskan pada ibadah, dan berpaling daripada kecantikan dan tipu daya dunia dan menanamkan sifat zuhud. Apabila cinta kepada dunia mula menghantui manusia pada kurun kedua dan selepasnya, mereka yang meneruskan pemfokusan semata-mata kepada ibadah disebut sebagai sufi."*

Al-Kindi pula menyatakan bahawa telah muncul di Iskandariah sekumpulan yang dinamakan sebagai ahli

sufi, mereka menyeru kepada perkara makruf dan mencegah perkara mungkar. Al-Mas'udi dalam kitabnya *Muruj al-Zahab* pula ketika menceritakan tentang Yahya bin Aktham telah berkata: Pada suatu hari Khalifah Makmun sedang duduk, lalu datang kepadanya Ali bin Soleh al-Hajib mempersembahkan kepada baginda: *"Ada seorang lelaki berdiri di pintu istana, berpakaian serba putih, meminta keizinan masuk untuk berdebat, dan setakat yang aku ketahui, beliau merupakan seorang ahli sufi"*. Daripada kenyataan di atas, membuktikan lagi kata-kata Ibnu Khaldun tentang kemunculan golongan sufi. Telah dinyatakan di dalam kitab *Kasyf al-Zunun* bahawa orang pertama yang digelar dengan sufi ialah Abu Hasyim al-Sufi yang meninggal dunia pada tahun 150 Hijrah.

Daripada perbincangan ringkas di atas, boleh dibuat kesimpulan bahawa tasawuf bukanlah perkara baru yang direka-reka lagi bidaah, sebaliknya ia diadaptasikan daripada perjalanan hidup Rasulullah SAW dan para sahabat baginda yang mulia.

# Umat Islam dilarang sertai Pesta Songkran - Mufti

## 3

### CONTOHI KISAH SYEIKH ABDUL QADIR DENGAN PENYAMUN

Hampir setiap hari terpampang di dada akhbar dan di kaca televisyen perihal keruntuhan akhlak terutama yang berlaku dalam kalangan remaja. Keruntuhan akhlak mengundang pelbagai salah laku jenayah seperti zina, rogol, minum arak, mencuri dan sebagainya. Sangat menyedihkan apabila kita dimaklumkan bahawa jenayah juvana semakin meningkat, ada antara pelajar yang belum menamatkan pengajian menggugurkan anak luar nikah, gejala dadah yang semakin menjadi-jadi dan lain-lain berita yang amat mendukacitakan dan menghiris jiwa. Menangani masalah keruntuhan akhlak ialah perkara yang seharusnya diberi perhatian secara bersungguh-sungguh. Usaha perlu dilakukan supaya masyarakat kita kembali menghayati dan mempraktikkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian mereka.

Akhlak ialah perkataan Arab yang diberikan definisi oleh Kamus Dewan sebagai budi pekerti, kelakuan dan tabiat. Menurut istilah, akhlak membawa maksud segala tingkah laku dan perbuatan yang menjadi adat kebiasaan pada

diri seseorang. Dalam Islam, akhlak adalah inti pati bagi segala ibadat. Tanpa akhlak, ibadat hanya adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai nilai dan faedah. Oleh itu, akhlak mulia yang terpancar daripada seseorang itu ialah tanda dan hasil daripada iman yang sebenar.

Dalam membincangkan soal akhlak ini, Islam sejak sekian lama menyediakan penyelesaian bagi masalah ini, bahkan persoalan akhlak adalah antara persoalan utama yang diketengahkan ajaran Islam yang disampaikan melalui Nabi Muhammad SAW. Akhlak mulia menjadi matlamat asas bagi risalah Islam. Nabi Muhammad bersabda dalam sebuah hadis sahih:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

**Maksud:** "Sesungguhnya aku (Muhammad) diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

(al-Bukhari; 273)

Nabi Muhammad sendiri mempamerkan akhlak terbaik yang boleh dijadikan contoh oleh setiap lapisan masyarakat. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿١﴾

**Maksud:** "Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai budi pekerti yang baik."

(al-Qalam; 4)

Kepentingan akhlak dalam masyarakat diakui juga oleh masyarakat barat dan masyarakat orang bukan Islam seperti ungkapan yang dinyatakan Wilson iaitu bekas Presiden Amerika Syarikat, beliau berkata: *"...jika tamadun kita tidak diselamatkan dengan unsur moral, ia tidak akan dapat bertahan dengan kebendaannya. Ia juga tidak mungkin selamat kecuali jika semangat agama menjalar pada seluruh liang romanya. Hal inilah yang harus menjadi perlumbaan untuk mencapainya oleh institusi-institusi politik kita, pada hartawan kita dan setiap individu yang takut kepada tuhan dan cintakan negara."* Bekas pemimpin India iaitu Mahatma Gandhi pernah berkata: *"Sesungguhnya agama dan akhlak tidak boleh dipisahkan, agama menyuburkan akhlak seumpama air yang menyuburkan tanaman."* Jelaslah, faktor agama adalah faktor yang paling penting dalam menangani masalah keruntuhan akhlak.

Kita jangan mudah menuding jari ke arah sesiapa dengan menyalahkan pihak tertentu dalam menangani masalah keruntuhan akhlak yang berlaku pada hari ini. Sebaliknya, semua pihak bertanggungjawab kembali kepada Islam dan mencari penyelesaiannya kerana setiap orang akan dipersoalkan oleh Allah di akhirat kelak sama ada mereka menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ataupun tidak. Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

**Maksud:** *"Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan kamu adalah bertanggungjawab*

*terhadap sesiapa yang berada di bawah kepemimpinan kamu."*

(al-Bukhari; 7138 dan Muslim; 1829)

Tanggungjawab menangani masalah sosial ini adalah tanggung jawab semua pihak meliputi setiap individu, keluarga, masyarakat dan negara. Individu yang *mukalaf (akil baligh)* mesti berusaha mewujudkan akhlak mulia dalam dirinya. Ini dapat dihasilkan sekiranya dia memahami tuntutan berakhlak mulia dalam Islam. Untuk memahami tuntutan ini, dia hendaklah berusaha bersungguh-sungguh menimba ilmu pengetahuan yang berkaitan.

Dalam persoalan ini, Imam al-Ghazali (1058 - 1111M) menyatakan bahawa cara pembentukan akhlak yang paling berkesan ialah dengan penyucian hati. Cara paling berkesan menyucikan hati ialah dengan menanamkan keyakinan sepenuhnya terhadap muraqabah (pengawasan) Allah terhadap diri kita walau di mana berada. Ulama salaf pernah menyarankan supaya setiap kali sebelum tidur, hendaklah dibisikkan dalam hati, *"Allah bersamaku, Allah melihat segala perbuatanku."*

Apabila seseorang individu terbabit sentiasa merasai pengawasan Allah terhadap dirinya pada setiap waktu dan ketika, maka akan terpancar akhlak yang baik daripada dirinya kerana dia tidak akan sanggup melakukan perkara maksiat sedangkan dalam masa sama dia menyedari Allah memerhatikan tingkah lakunya. Di samping itu, setiap individu juga mesti pandai

memilih kawan iaitu berkawan dengan seseorang yang baik, jujur serta bertakwa kepada Allah. Kajian mendapati bahawa antara faktor utama keruntuhan akhlak ialah pengaruh kawan dan rakan yang jah

Manakala ibu bapa pula, menjadi kewajipan mereka mendidik serta memberikan kefahaman kepada anak-anak mereka mengenai kepentingan berakhlak mulia. Mereka bertanggungjawab menyemai kepada anak-anak sejak kecil dengan sifat amanah, benar, hormat, berbuat baik kepada orang lain dan sebagainya.

Pada zaman awal Islam, ibu bapa sering membuat perjanjian dengan anak-anak mereka supaya berakhlak mulia walau di mana sahaja berada. Sebagai contoh kisah perjanjian antara Syeikh Abdul Qadir Jailani dengan ibunya. Syeikh Abdul Qadir Jailani menceritakan: *"Sejak kecil, aku sudah membuat perjanjian dengan keluargaku untuk bercakap benar. Suatu hari, aku bermusafir dari Mekah ke Baghdad untuk menimba ilmu, lalu ibuku memberikan kepadaku 40 dinar sebagai wang perbelanjaan dan aku dikehendaki untuk bercakap benar walaupun dengan sesiapa jua. Ketika dalam perjalanan, tiba-tiba muncul sekumpulan perompak lalu mereka merompak rombongan yang aku sertai. Datang seorang perompak kepadaku, lalu bertanya: "Apa yang kamu ada?" Aku menjawab bahawa aku mempunyai 40 dinar. Dia hairan dengan sikap jujurku, lalu dia membawaku bertemu ketua perompak. Ketua perompak pun bertanya apa yang ada padaku, lalu aku menjawab dengan jawapan sama juga.*

*Ketua perompak itu kehairanan dengan jawapanku lalu bertanya: "Apa yang membuatkan kamu bercakap benar?" Jawabku: "Aku sudah berjanji dengan ibuku untuk bercakap benar, oleh itu aku takut mengkhianati janji."Tiba-tiba ketua perompak itu gementar sambil berteriak: "Awak takut untuk mengkhianati janji dengan ibumu, sedangkan aku tidak takut mengkhianati janji Allah!" Kemudian ketua perompak mengarahkan supaya dikembalikan barang yang dirompak daripada rombonganku seraya berkata: "Aku bertaubat kepada Allah di hadapan kamu." Lalu semua perompak itu mengikut jejak langkah ketuanya dengan bertaubat kepada Allah, hasil daripada keberkatan bersikap jujur dan benar."*

Tanggungjawab masyarakat dan negara pula dalam menangani masalah keruntuhan akhlak ini adalah prihatin dan peka dengan persekitaran sekeliling. Pihak berkuasa pula hendaklah berusaha mencari jalan yang terbaik untuk menguatkuasakan undang-undang yang lebih berkesan bagi menangani masalah sosial ini. Nabi SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ  
فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

**Maksud:** "Sesiapa daripada kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia ubah dengan tangan (kuasa), sekiranya tidak mampu, hendaklah mengubahnya dengan lisan, sekiranya tidak mampu juga, hendaklah

*mengubahnya dengan hati. Mengubah dengan hati itu adalah selemah-lemah iman."*

(Muslim; 49)

Kesimpulannya, setiap pihak mesti melaksanakan amanah dan tanggungjawab menangani masalah keruntuhan akhlak ini dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

## Perkara asas dalam agama tidak boleh diperdebatkan – Mufti



4

### HIDUPKAN KASIH SAYANG DALAM BERMASYARAKAT

Rakyat Malaysia memang secara tradisinya amat menitikberatkan persaudaraan dan kasih sayang sesama anggota masyarakat. Hal ini dibuktikan melalui amalan kerjasama dan gotong-royong yang terpupuk sejak sekian lama. Sehubungan dengan itu, sekiranya diimbas dalam kehidupan masyarakat pada zaman lampau, unsur-unsur seperti gotong-royong amat terserlah dalam pelbagai aktiviti yang dilakukan. Kerjasama dan gotong-royong dijalinan ketika berlangsungnya kenduri kahwin, pembinaan surau, membersihkan persekitaran kampung dan sebagainya. Sesuatu yang sudah diterima dan diamalkan dalam kalangan masyarakat ialah '*muafakat membawa berkat*.' Bukan sekadar itu sahaja, malahan di atas dasar kasih sayang dan persaudaraan juga membawa kepada sifat prihatin kepada orang lain.

Tidak hairanlah apabila seseorang itu boleh menegur anak jiran yang dilihat melakukan sesuatu yang salah atau bercanggah dengan nilai budaya masyarakat atau pegangan agama. Menganggap anak jiran sebagai anak sendiri menjadi suatu perkara yang boleh diterima dalam masyarakat. Semua ini datangnya daripada kasih sayang

yang terjalin dalam masyarakat ketika itu. Sebenarnya persaudaraan dan kasih sayang seumpama ini memang sudah sedia maklum dituntut untuk dilaksanakan menurut ajaran Islam. Bahkan mengenai persoalan jiran, hadis Nabi SAW yang sahih menyatakan bahawa:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ

**Maksud:** "Jibril AS sentiasa memperingatkan aku tentang jiran sehingga aku menyangka bahawa mereka boleh mewarisi harta pusaka."

(al-Bukhari; 6014 dan Muslim; 2625)

Hadis ini menunjukkan betapa hubungan akrab yang wajib dijalinan dengan jiran. Begitu juga nilai kasih sayang terpapar melalui hadis Nabi SAW:

مَا آمَنَ بِي مَن بَاتَ شَبَعَانًا وَجَارُهُ جَائِعٌ إِلَى جَنْبِهِ وَهُوَ يَعْلَمُ بِهِ

**Maksud:** "Tidak sempurna iman seseorang apabila tidur dalam keadaan kekenyangan sedangkan jirannya berada dalam kelaparan sedang dia mengetahuinya."

(al-Bukhari; 112)

Di samping itu, Nabi SAW juga mengaitkan nilai kasih sayang itu dengan unsur penting yang boleh melahirkan keimanan kepada Allah. Seterusnya dengan unsur keimanan tersebut akan memudahkan laluan memperoleh syurga Allah SWT.

Nabi SAW bersabda:

لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تَتُومِنُوا وَلَا تَتُومِنُوا حَتَّى تَتَحَابُّوا

**Maksud:** *"Kamu tidak boleh masuk syurga selagi kamu tidak beriman dan kamu tidak dianggap beriman selagi tidak berkasih sayang sesama kamu..."*

(Muslim; 54)

Dari sini, jelaslah betapa nilai persaudaraan, kasih sayang, prihatin sesama anggota masyarakat terbina sejak sekian lama ialah hasil ajaran Islam yang suci murni. Namun, sesuatu yang amat menyedihkan berlaku mutakhir ini ialah nilai kasih sayang dan persaudaraan dalam kalangan masyarakat kian pudar serta terhakis. Ini berikutan pengaruh kebendaan, pentingkan diri sendiri dan pelbagai lagi aspek negatif yang kian menular dalam masyarakat bukan sahaja menghakis budaya masyarakat Malaysia, bahkan mencemarkan nilai ajaran Islam yang murni.

Apa tidaknya, sesetengah orang dalam masyarakat pada hari ini sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan dan *survival* 'perut', 'nafsu' dan 'material' semata-mata. Justeru, nilai kasih sayang dan persaudaraan kian dilontar jauh-jauh. Nabi SAW mengaitkan sikap ini dengan penyakit yang dinamakan '*wahan*' iaitu cinta dunia dan benci kepada kematian.

Dalam konteks masyarakat kini, seseorang tidak lagi boleh menegur anak jirannya yang melakukan maksiat dan kemungkaran dalam masyarakat. Konsep '*anak aku ialah anak aku*' dan '*anak kamu ialah anak kamu*' kian menjadi-jadi. Lalu dengan alasan '*jangan jaga tepi kain*

*orang'*, segala apa yang dilakukan langsung tidak boleh ditegur sebaliknya jika dinasihati akan keluarlah kemarahan dan seumpamanya. Bukan sekadar itu sahaja, malahan ada yang menyatakan '*kubur masing-masing, tak perlu ambil tahu apa yang aku buat.*' Sikap sebegini sudah tentu menjejaskan nilai kasih sayang dan persaudaraan dalam masyarakat. Sebaliknya ia hanya akan mewujudkan permusuhan dan kebencian.

Aktiviti dalam masyarakat juga kian terhakis terutama dari sudut nilai kerjasama dan gotong-royong. Sebagai contohnya, semakin tidak wujud lagi konsep tolong-menolong dan bantu-membantu dalam aktiviti kenduri. Amalan mendirikan khemah bersama, menyusun kerusi, masak beramai-ramai, '*bentara*' yang bertugas pada hari kenduri pun kian pupus. Semuanya kini bergantung kepada katering. Ya, memang ia sesuatu yang lebih memudahkan, tetapi ia mengakibatkan terhakisnya nilai gotong-royong dan kerjasama dalam masyarakat.

Pada peringkat politik pula, amat memalukan apabila berlaku pergaduhan politik yang begitu ketara sehingga terbawa-bawa dalam perbahasan di Parlimen. Ada masanya ia dipenuhi dengan pertikaman lidah dan pergaduhan yang tidak sewajarnya berlaku. Jawatan politik bukan lagi dianggap sebagai amanah untuk dipikul, tetapi direbut untuk mendapatkannya.

Mengapakah beria-ia untuk mendapatkan jawatan? Tak lain dan tak bukan ia berkaitan dengan kepentingan '*perut*' dan peribadi semata-mata. Sehubungan itu, '*politik*

wang' (rasuah) diamalkan dengan berleluasa untuk merebut jawatan. Akhirnya timbullah permusuhan yang sudah tentu menghancurkan semangat persaudaraan dan kasih sayang. Bukan itu sahaja, perbuatan seumpama ini jelas dilaknat dan dikutuk oleh Allah SWT sebagaimana sabda Nabi SAW:

الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ

**Maksud:** "Pemberi rasuah dan penerimanya di dalam neraka."

(al-Tirmizi; 1337)

Begitu juga sesuatu yang amat memalukan berlaku dalam masyarakat hari ini iaitu pergeseran dalam kalangan ahli agama dalam perkara khilaf. Semangat berlapang dada sudah tidak diamalkan, sebaliknya masing-masing berusaha untuk menjuarai sesuatu isu itu dengan disokong pula pengikut yang fanatik. Natiujahnya kasih sayang semakin terhakis sebaliknya yang wujud ialah saling bermasam muka antara satu sama lain dan perasaan kebencian terhadap saudara sendiri menguasai diri. Tidak ada jalan dan cara lain untuk mengatasi segala masalah dan kemelut yang berlaku dalam masyarakat kini melainkan dengan kembali menghayati dan mengamalkan ajaran Islam secara keseluruhannya.

Hayatilah konsep persaudaraan dan kasih sayang yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah terutama dalam peristiwa hijrah apabila Rasulullah mempersaudarakan antara kaum *Aus* dan *Khazraj* serta golongan *Muhajirin*

dan *Ansar*. Marilah kembali untuk menghidupkan kasih sayang dan persaudaraan dalam kalangan kita dan menjauhi pergeseran serta pergaduhan yang tidak memberi manfaat. Moga dengan kasih sayang, masyarakat Malaysia akan kembali bersatu padu dan menjadi kuat serta hebat di persada dunia.

# Bayaran Imam jangan berlebihan

## 5

Mufti Ingatkan Imbuan

diberikan pada Masjid

Salah satu ingatkan masyarakat agar tidak

terpaut yang membolehkan masjid untuk

### **PERPADUAN UMAT ISLAM TANPA SYARAT, PERANGI ZIONIS ISRAEL**

Apabila bangun sahaja daripada tidur dan selepas selesai menunaikan solat Subuh, kita sudah membayangkan apakah sarapan untuk diambil pada pagi itu roti canai, nasi lemak, mihun goreng dan sebagainya. Namun, berbeza sekali dengan saudara kita di Palestin yang apabila bangun sahaja daripada tidur, fikiran terus tertumpu kepada usaha menyelamatkan diri daripada terus dibelenggu kekejaman tentera Zionis Israel. Ketika kita enak bersarapan pagi dengan roti canai dan teh tarik di warung dan restoran di Malaysia, saudara kita di Palestin pula bertarung nyawa untuk mendapatkan '*sesuap roti*'. Ini gambaran fenomena yang berlaku di Palestin apabila saban hari hak mereka dirampas, dizalimi dan dianiayai daripada rejim Zionis Israel dan proksinya Amerika Syarikat.

Kekejaman dan kezaliman rejim Israel Zionis diteruskan apabila mereka melakukan tindakan bacul dengan membunuh pemimpin kanan Hamas, Ismail Haniyeh di Tehran ketika beliau tidur di penginapannya. Tindakan Zionis ini menunjukkan sifat mereka yang pengecut

sehingga sanggup membunuh secara '*pukul curi*' yang sangat memalukan. Mereka beranggapan dengan pembunuhan Ismail Haniyeh mereka dapat menewaskan pejuang Palestin secara keseluruhannya. Anggapan mereka silap kerana tindakan bunuh curi yang dilakukan itu akan menambahkan semangat Pejuang Palestin untuk terus berjuang.

Seorang Ismail Haniyeh yang syahid, akan lahir lebih ramai '*Ismail Haniyeh*' yang akan memimpin perjuangan rakyat Palestin membebaskan diri dari cengkaman Zionis, seterusnya usaha membebaskan Masjid al-Aqsa dapat dilaksanakan. Realitinya sekarang ini, keadaan di Palestin amat menyedihkan, saban hari berhadapan kekejaman rejim Zionis Israel. Bahkan setiap hari rakyat Palestin dibom dan dibunuh oleh tentera rejim.

Kehidupan sangat sulit dan mencabar. Boleh dikatakan setiap hari ada masalah. Selain pembunuhan dan kekejaman itu, rejim Zionis juga masih meneruskan usaha mengorek bawah tanah Masjid al-Aqsa kononnya untuk mencari Haikal Sulaiman sehingga menyebabkan struktur masjid dan bangunan berhampiran semakin goyah. Memang itu yang mereka kehendaki iaitu meruntuhkan Masjid al-Aqsa!. Apakah Yahudi dapat diusir keluar dari bumi Palestin?

Semuanya bergantung pada kekuasaan Allah. Kalau dikehendaki Allah, maka Yahudi akan dapat diusir dari bumi Palestin. Tetapi, secara realitinya sekarang ini, mengusir Yahudi dari bumi Palestin seakan-akan suatu

perkara yang sukar. Hal ini kerana tidak wujudnya keseimbangan dari sudut kekuatan dan kelengkapan ketenteraan di antara Israel dan Palestin. Boleh dikatakan bahawa kekuatan tentera Palestin adalah '*kosong*', manakala ketenteraan dan kekuatan Israel pada waktu ini amat hebat, sehinggakan mereka bukan sahaja dapat meranapkan Palestin, bahkan dapat menentang semua negara Arab yang berjiran dengan Palestin. Di samping itu, keadaan dunia umat Islam yang agak '*tenat*' dan '*sakit*' pada zaman ini memberikan lagi kelebihan ke Israel dalam menghadapi umat Islam sejagat. Oleh itu, umat Islam tidak boleh membuang masa begitu sahaja, sebaliknya hendaklah bekerja lebih gigih dan kuat sebagaimana yang dikehendaki dalam ajaran Islam.

Sebagaimana janji Rasulullah, umat Islam akan kembali menguasai Palestin dan membebaskan Masjid al-Aqsa, namun ia tidak akan berlaku tanpa pengorbanan dan kesatuan dalam kalangan umat Islam. Justeru, kita amat mengharapkan supaya perpaduan dan kesatuan umat Islam dapat dilaksanakan secepat yang mungkin. Umat Islam hendaklah duduk berbincang demi mewujudkan perpaduan dan kasih sayang dalam kalangan umat Islam. Musuh kita ialah bukan sesama Islam, tapi yang jelasnya ialah musuh kita ialah rejim Zionis Israel yang juga penceroboh dan yang bertindak zalim. Kita sangat yakin rejim Zionis boleh ditewaskan. Kalau tidak hari ini, esok dan kalau bukan esok, lusa.

Sehubungan itu, tidak ada pilihan dan tidak cara lain lagi melainkan kita mestilah bersatu. Persengketaan dan pergeseran sesama kita hanya merugikan kita sendiri dan hendaklah ditamatkan serta-merta kerana keadaan ini akan diambil kesempatan oleh rejim Zionis untuk terus mencengkam kuasanya ke atas umat Islam terutama di Palestin. Oleh itu, diharapkan supaya persengketaan dan perselisihan sesama kita dapat diselesaikan di meja rundingan dan perbincangan secepat mungkin. Umat Islam bukan sahaja di Palestin, bahkan umat Islam keseluruhannya untuk berpegang teguh dengan ajaran Islam. Sama-sama kita memahami isi kandungan ajaran Islam supaya dapat mempraktikkannya dalam kehidupan kita. Jangan kita menjadi golongan yang ekstrem dan pelampau yang hanya akan merugikan umat Islam itu sendiri.

Umat Islam hendaklah belajar dan memahami Islam dengan baik serta berpegang teguh dengan ajaran Islam yang mulia ini supaya memperoleh keredaan dan pertolongan Allah SWT. Faham Islam, segalanya akan menjadi mudah, Insya-Allah. Sama-sama juga kita berusaha menghulurkan bantuan kepada saudara kita di Palestin dalam apa bentuk sekalipun sama ada doa, wang ringgit, memboikot barangan Yahudi dan sebagainya.

Buat penagih rokok, sudah tiba masa bagi mereka memboikot rokok. Tidak usah kita menjadi macam sesetengah orang Islam yang begitu hebat mengecam dan marah pada Yahudi, tetapi pada masa sama masih

memegang rokok Yahudi di jari!. Al-Quds adalah antara jujuk daripada akidah umat Islam yang perlu dipelihara sebagaimana memelihara agama itu sendiri. Ini adalah berlandaskan perkara berikut:

- a. Terdapat ikatan yang kukuh antara al-Quds dan Masjid al-Aqsa dengan akidah umat Islam. Ini adalah kerana ia adalah bumi yang dipilih oleh Allah sebagai tempat berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj.
- b. Ia juga ialah kiblat pertama umat Islam. Umat Islam menghadapkan wajah mereka ke Baitulmaqdis ketika mengerjakan solat iaitu ketika mereka berada di Makkah sebelum peristiwa hijrah dan selama 18 bulan ketika berada di Madinah.
- c. Masjid al-Aqsa adalah masjid yang disabdakan oleh Rasulullah SAW supaya umat Islam berusaha untuk mendekatinya.
- d. Rasulullah SAW juga menerangkan dan memberitahu mengenai kelebihan dan fadilat tinggal di Baitulmaqdis dan kawasan sekitarnya. Sabda nabi SAW:

لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي عَلَى الْحَقِّ ظَاهِرِينَ لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ  
حَدَلَهُمْ وَلَا مَنْ خَالَفَهُمْ حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَذَلِكَ

**Maksud:** "Akan sentiasa ada segolongan dari umatku yang tetap teguh di atas kebenaran, mereka tidak akan dibahayakan oleh orang yang menghinakan mereka dan tidak pula oleh orang yang menyelisihinya mereka, hingga datangnya

*perintah Allah (Kiamat), dan mereka tetap dalam keadaan demikian."*

(al-Bukhari; 7311 dan Muslim; 1037)

قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَأَيْنَ هُمْ؟ قَالَ: «هُمْ بَيْتِ الْمَقْدِسِ  
وَأَكْثَافِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ

**Maksud:** Sahabat bertanya: "Di manakah mereka tinggal?". Jawab Nabi: "Mereka tinggal di Baitulmaqdis dan kawasan-kawasan sekitarnya."

(Ahmad; 22,294)

Orang Islam sejak menerima kunci pembukaan al-Quds ketika pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab lagi, menunaikan amanah penjagaannya dengan begitu baik sekali. Orang Islam ketika berkuasa terhadap al-Quds telah memberikan kebebasan kepada penganut agama lain untuk melaksanakan upacara ibadat mereka tanpa sebarang halangan. Keadilan Islam itu dapat dilihat dengan jelas apabila gereja yang dibina oleh orang Kristian tidak terusik.

## 6

### **PERJUANGAN PERTAHAN PALESTIN MESTI BERTERUSAN**

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyambut ulang tahun kelahiran pada 10 Ogos. *Itizam membara seiring usia, moga teguh memikul amanat, Allah berkati hidup bahagia.*" Itu antara ucapan yang ditujukan kepada PMX sempena ulang tahun kelahiran beliau ialah rakyat mendoakan agar panjang umur, murah rezeki, sihat, sentiasa berkhidmat untuk rakyat, dan istiqamah dalam membela nasib Palestin. Membela umat Islam Palestin serta perjuangan rakyat Palestin bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan kalau tidak mempunyai keberanian tinggi dan takut berhadapan dengan risiko.

Pada kala negara umat Islam terutama negara Arab yang dilihat tidak begitu berani dalam memperjuangkan isu Palestin, Malaysia yang diterajui oleh PMX begitu berani dan lantang di persada antarabangsa dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang telah ditindas sejak sekian lama oleh rejim Zionis. Justeru, tidak hairanlah umat Islam di seluruh dunia amat

mengharapkan Malaysia terus berperanan dalam membela Palestin menghadapi kekejaman dan kezaliman Zionis yang tidak pernah kunjung padam. Sememangnya rakyat sangat yakin dengan keberanian PMX dalam menangani isu Palestin, apatah lagi apabila dilihat hubungan akrab dan kemesraan yang terjalin antara beliau dengan al-Syahid Ismail Haniyeh yang dibunuh oleh rejim Zionis di Tehran, Iran, baru-baru ini.

Perjuangan membela Palestin sememangnya mempunyai risiko yang besar dan amat memerlukan keberanian tinggi. Hal ini kerana apabila berjuang menentang rejim Zionis Israel, ia sekali gus terpaksa berhadapan dengan kuasa besar dunia yang sentiasa memberi sokongan 100 peratus ke Israel seperti Amerika Syarikat.

Justeru, perjuangan membela Palestin akan turut mengheret risiko berhadapan dengan tekanan daripada kuasa besar dunia ini. Apatah lagi, Kongres Amerika bernombor (106) menyatakan bahawa bandar al-Quds sepatutnya menjadi ibu negara Israel untuk selamlamanya.

Dunia Islam dikejutkan dengan keputusan Kongres Amerika yang telah mengisytiharkan al-Quds sebagai milik Israel. Sesungguhnya keputusan Kongres Amerika itu telah menggambarkan permusuhan mereka yang nyata dengan akidah setiap umat Islam di atas muka bumi ini. Amerika Syarikat dan Israel juga bersatu untuk mengembangkan kezaliman dan permusuhan mereka

terhadap bumi Palestin sejak Israel mengisytiharkan penguasaan mereka ke atas Palestin pada 1948 sehinggalah ke hari ini.

Kekejaman Israel bukanlah perkara baharu. Sejak mereka berjaya menguasai wilayah Palestin secara kekerasan dan rampasan, mereka sering sahaja melakukan siri serangan dan kezaliman kepada penduduk Palestin. Dalam pada itu, terdapat usaha yang dilakukan untuk berdamai dengan negara haram Israel. Apakah tindakan perdamaian dengan Israel sesuatu yang wajar dan dibenarkan oleh hukum syarak? Sebenarnya, perselisihan yang terdapat dalam kalangan ulama hanyalah meliputi perkara berkaitan perdamaian antara golongan Islam dengan golongan yang memerangi Islam (*ahlul harbi*).

Sebahagian daripada ulama melarang keras perdamaian ini, malahan tidak harus untuk bekerjasama dengan golongan yang memerangi umat Islam. Kenyataan ini adalah berdasarkan ayat Allah yang menyeru supaya berjihad menentang golongan yang memerangi Islam sehinggalah mereka menyerah kalah dan patuh kepada pemerintahan Islam. Firman Allah SWT:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ  
مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا  
الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

**Maksud:** "Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada Hari Akhirat dan mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar (agama Allah), (iaitu orang) yang diberikan al-Kitab kepada mereka, sampai mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk."

(al-Taubah; 29)

Begitu juga firman Allah:

فَإِذَا لَقِيتُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضَرْبَ الرِّقَابِ حَتَّىٰ إِذَا أَخْنْتُمْهُمْ  
فَشُدُّوا أَلْوَتَاقَ فَإِمَّا مَنًّا بَعْدَ وَإِمَّا فِدَاءً حَتَّىٰ تَضَعَ الْحَرْبُ  
أُورْزَارَهَا<sup>ع</sup>

**Maksud:** "Apabila kamu bertemu dengan orang kafir (di medan perang) maka pancunglah leher mereka. Sehingga apabila kamu telah mengalahkan mereka maka tawanlah mereka dan sesudah itu kamu boleh membebaskan mereka atau menerima tebusan sampai perang berhenti."

(Muhammad; 4)

Sesungguhnya ayat al-Quran ini menyeru kepada peperangan terhadap golongan yang memerangi Islam sehinggalah mereka menyerah atau menghentikan peperangan. Sesungguhnya apabila umat Islam masih diperangi mereka, maka tiada perdamaian dan tiada kerjasama dengan mereka.

Ulama yang mengharuskan perdamaian dengan golongan yang memerangi umat Islam pula berhujah bahawa ayat al-Quran yang diturunkan tidak pun menentang perdamaian. Ini dapat dilihat dengan jelas pada permulaan dakwah Islam sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ

**Maksud:** "Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah."

(al-Anfal; 61)

Selain itu, Rasulullah juga pernah mengadakan beberapa perjanjian damai dengan musuh Islam seperti yang terdapat pada Perjanjian Hudaibiyah di samping beberapa perjanjian yang dimeterai oleh Rasulullah dengan puak Yahudi. Inilah sebenarnya hujah yang digunakan oleh segelintir ulama dalam menegakkan pendapat mengenai keharusan membuat perdamaian dengan Israel tatkala umat Islam tidak mampu untuk berhadapan dengan musuh mereka itu. Sememangnya terdapat para ulama yang mengharuskan perdamaian sebagaimana yang terkandung dalam beberapa ayat al-Quran di samping perdamaian yang dilaksanakan oleh baginda Rasulullah sendiri.

Akan tetapi harus diingat bahawa ulama telah mengharuskan perdamaian dengan musuh Islam adalah dengan syarat sekiranya umat Islam betul-betul berada dalam keadaan 'darurat' serta perdamaian itu akan

membawa maslahat dan kebaikan kepada umat Islam sendiri. Bagaimanapun, pendapat ulama yang mengharuskan perdamaian dengan musuh Islam adalah tidak termasuk perdamaian dengan negara haram Israel.

Perdamaian hanya berlaku dengan musuh yang mempunyai negara, raja dan pemerintahan sendiri yang ingin menguasai serta menawan negara lain. Negara haram Israel pula, mereka langsung tidak mempunyai negara, sebaliknya merampas tanah umat Islam. Sekiranya perdamaian dilaksanakan dengan mereka, ini akan membawa erti bahawa umat Islam menyerahkan bumi mereka kepada musuh yang merampasnya dan seterusnya mengiktiraf kependudukan Israel yang dilakukan dengan secara zalim itu. Ia sesuatu perkara yang tidak boleh diterima oleh sesiapa pun jua!

Siapakah yang berani mengatakan bahawa perdamaian dengan Yahudi itu mendatangkan masalah dan kebaikan? Apa masalah yang didapati oleh umat Islam apabila mereka meninggalkan bumi Palestin untuk dicengkam dan dikuasai oleh Yahudi, seterusnya umat Islam Palestin akan menjadi mangsa pelarian di tanah air sendiri. Sesungguhnya umat Islam mestilah meneruskan perjuangan yang jitu untuk mengembalikan bumi Palestin daripada tangan Yahudi yang durjana. Oleh itu, umat Islam seluruh dunia hendaklah terus berjuang untuk menyelamatkan Palestin daripada terus dinodai. PMX diharap untuk terus menerajui dunia menentang kezaliman Zionis Israel walau terpaksa menghadapi risiko yang besar.

# KUNJUNGAN TAK DIHARUSKAN

7

## **BINA SIFAT KEPAHLAWANAN BEBAS BUDAYA JAHILIAH**

Jalur Gemilang mulai dikibarkan tanda kebanggaan rakyat Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan. Rakyat Pulau Pinang diseru mengibarkan Jalur Gemilang di tempat kediaman, tempat kerja, tempat beriadah serta di mana-mana ruang awam di negeri tersebut bagi memeriahkan sambutan bulan kebangsaan. Ia diumumkan Ketua Menteri Pulau Pinang pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang awal bulan ini.

Merdeka bererti bebas, bebas daripada penjajahan Barat dan bebas daripada ideologi mereka. Sesuatu yang lebih penting adalah bebas daripada '*jahiliah*'. Tanggungjawab mempertahankan negara ialah tanggungjawab semua. Ia tidak terhad kepada askar dan tentera sahaja. Sebaliknya, setiap kita sewajarnya menginsafi diri dan berusaha membuat persediaan untuk mempertahankan tanah air daripada sebarang ancaman yang boleh menggugat keamanan negara.

Maruah bangsa wajib dibela dan kesejahteraan negara perlu dipertahankan. Bagi mereka yang mempunyai semangat kepahlawanan tidak sanggup membiarkan negara terjajah kerana ia akan menjatuhkan maruah agama, bangsa dan negara yang tercinta. Semangat jihad dan kepahlawanan perlu ditanam di dalam setiap jiwa dan sanubari umat Islam agar perasaan sayang negara serta tanah air sentiasa membara. Berjihad untuk mempertahankan negara ialah sifat yang mulia dan disanjung tinggi di sisi Allah. Firman Allah SWT:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرِ أُولِي الضَّرَرِ  
وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ  
الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَّ  
اللَّهُ الْحُسْنَىَ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا  
عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

**Maksud:** "Tidaklah sama (keadaan) orang yang duduk (tidak berperang) dari kalangan orang yang beriman dengan orang yang berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang yang tinggal duduk dengan satu darjat (kelebihan)."

(al-Nisa'; 95)

Ayat al-Quran tersebut memberi semangat kepada setiap umat Islam agar lebih berani berkorban dan yakin dengan

janji Allah. Mereka yang menegakkan keadilan, mempertahankan kesucian agama dan kedaulatan negara adalah berjihad di jalan Allah. Jika agama Islam dan negara dicerobohi maka menjadi kewajiban setiap individu mempertahankannya. Untuk mempertahankan negara, kita mesti mempunyai kekuatan mental dan fizikal. Selain daripada memiliki kelengkapan pertahanan perlu juga kepada kerohanian yang mantap berteraskan sifat mahmudah dan keimanan kepada Allah, umpamanya melaksanakan segala perintah Allah, meninggalkan segala larangan-Nya, berdisiplin, amanah, jujur ikhlas dan sebagainya. Atas dasar inilah kedaulatan dapat dikekalkan dan akidah umat Islam terpelihara dan sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah.

Oleh itu sebagai warga yang inginkan agama dan negara terpelihara maka kita perlu berganding bahu bersatu padu, bekerjasama dan membina ciri-ciri kepahlawanan dalam setiap diri. Umat Islam perlu mempunyai semangat dan ketahanan untuk mempertahankan negara. Negara tidak akan maju dan selamat sekiranya golongan muda dan tua berada dalam keadaan lemah. Generasi muda masa kini perlu dibina supaya mempunyai sifat kepahlawanan yang berkualiti. Negara juga akan menjadi lemah apabila budaya hedonisme dan hiburan yang keterlaluan menjadi amalan apatah lagi semasa menyambut perayaan ulang tahun kemerdekaan negara. Setiap individu perlu menyumbangkan peranan masing-masing dalam mempertahankan keharmonian negara. Ketahanan negara akan tercapai apabila kita mempunyai kekuatan akidah, ekonomi yang mantap,

gejala sosial yang sifar, di samping masyarakat yang bersatu padu demi mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanah air.

Pada zaman Rasulullah, kita dapat menyaksikan bagaimana setiap golongan yang terlibat dalam mempertahankan agama dan tanah air. Jihad pada zaman Rasulullah bukan sahaja disertai oleh lelaki dewasa, akan tetapi golongan wanita dan kanak-kanak juga bersungguh-sungguh untuk bersama-sama menunaikan kewajipan mempertahankan agama serta negara. Telah diriwayatkan bahawa Abdullah bin Zubair ketika berumur tujuh tahun pergi ke rumah Rasulullah SAW bersama rakan yang sebaya dengannya. Apabila berjumpa sahaja dengan Rasulullah, Abdullah dengan semangat kepahlawanan yang wujud dalam dirinya menyatakan dengan tegas: *"Kami datang kepada mu wahai Rasulullah adalah dengan satu tekad iaitu untuk sama-sama berjihad di jalan Allah"*.

Begitulah semangat kanak-kanak pada zaman Rasulullah, walaupun baru berumur tujuh tahun, tetapi semangat untuk mempertahankan agama dan negara daripada dihancurkan oleh musuh Islam sentiasa berkobar-kobar di dalam sanubari dan jiwa. Selain daripada kanak-kanak, wanita Islam juga ingin turut serta dalam jihad walaupun mereka tidak pernah diminta berbuat demikian. Ummu Atiyyah berkata: *"Aku bersama-sama Rasulullah SAW dalam tujuh peperangan. Semasa dalam peperangan, aku bertugas menyediakan makanan dan merawat tentera yang luka."*

Dalam Peperangan Uhud, Ummu Aiman bertindak membekalkan air kepada tentera Islam di samping merawat mereka yang luka. Begitulah semangat juang yang ada pada wanita zaman Rasulullah. Mempertahankan kedaulatan agama dan negara amat besar ganjarannya di sisi Allah.

Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW, daripada Muaz r.a. daripada Nabi Muhammad SAW baginda bersabda:

مَنْ قَاتَلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَوْقَ نَاقَةٍ وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ، وَمَنْ سَأَلَ  
اللَّهَ الشَّهَادَةَ بِصِدْقٍ ثُمَّ مَاتَ أَوْ قُتِلَ فَإِنَّ لَهُ أَجْرَ شَهِيدٍ، وَمَنْ  
جُرِحَ جُرْحًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ نُكِبَ نَكْبَةً فَإِنَّهُ يَجِيءُ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ وَجُرْحُهُ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ أُصِيبَ لَوْنُهُ كَالزَّعْفَرَانِ وَرِيحُهُ  
كَالْمِسْكِ

**Maksud:** "Sesiapa berperang di jalan Allah walaupun sebentar iaitu sekadar masa orang memerah susu unta maka wajib baginya syurga. Dan sesiapa yang bermohon kepada Allah bersungguh-sungguh untuk berjihad kemudian dia mati atau dibunuh, maka sesungguhnya baginya balasan syahid. Dan sesiapa terluka di jalan Allah atau ditimpa kemalangan, maka dia datang pada Hari Kiamat sederas darah yang mengalir ketika luka, warnanya seperti za'faran dan baunya bagaikan wangi kasturi."

(Abu Daud; 2541 dan al-Tirmizi; 1657)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah bersabda:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ مِائَةَ دَرَجَةٍ أَعَدَّهَا اللَّهُ لِلْمُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ  
اللَّهِ، مَا بَيْنَ الدَّرَجَةِ إِلَى الدَّرَجَةِ كَمَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

**Maksud:** *"Sesungguhnya di dalam syurga itu ada 100 darjah yang disediakan Allah bagi orang yang berjihad pada jalan Allah. Di antara satu darjah dengan darjah yang lain seperti langit dan bumi."*

(al-Bukhari; 2790)

Sesungguhnya kejayaan dalam medan pertempuran atau dalam mempertahankan negara, tidak hanya terletak pada ramainya bilangan tentera serta kelengkapan peralatan yang canggih sahaja. Akan tetapi perlu juga kepada kekuatan dalaman iaitu kekuatan mental, jiwa dan rohani. Inilah sikap yang patut ada pada diri umat Islam. Kekuatan hakiki tentera Islam itu bukanlah terletak daripada segi ramainya tentera atau kecanggihannya peralatan perangnya sahaja, tetapi bersumber daripada kekuatan iman dan ikhlas berjuang kerana Allah.

Jika diimbas kembali perjuangan Rasulullah dalam mempertahankan agama Islam, banyak perkara yang dapat dijadikan iktibar dan contoh. Antaranya seperti dalam peperangan Badar, angkatan tentera Islam yang bilangannya lebih kecil, hanya seramai 313 orang, dibandingkan dengan bilangan tentera musyrikin Makkah seramai 1,000 orang, tetapi dengan keimanan yang kuat, keikhlasan dalam berjihad dan banyak berdoa kepada

Allah serta sentiasa berzikir dan bersatu hati dalam mempertahankan agama dan negara. Akhirnya tentera Islam dapat mengalahkan tentera musyrikin dalam peperangan Badar tersebut, walaupun tentera musuh lebih ramai bilangannya disertai dengan kelengkapan senjata yang mencukupi.

Apa yang lebih menakjubkan ialah bagaimana kekuatan keimanan dalam diri umat Islam menjadi faktor utama kemenangan mereka dalam Peperangan Mu'tah, di mana 3,000 orang tentera Islam berjaya menewaskan 200,000 orang tentera musuh yang disokong Rom. Ini membuktikan bahawa tanggungjawab mempertahankan negara mesti berasaskan iman kepada Allah, bukan sekadar melindungi tanah air, tetapi juga membentengi negara daripada penjajahan ekonomi, budaya, dan pemikiran.

## 8

### **KUBURKAN KEPERCAYAAN ADA SIAL SEPANJANG SAFAR**

Apabila tibanya Safar terdapat segelintir umat Islam yang masih terbelenggu dengan amalan dan kepercayaan karut serta bidaah yang diamalkan dalam bulan itu. Walaupun sekarang amalan itu tidak begitu ketara, masih ramai yang percaya Safar membawa celaka dan sial. Justeru, terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang menggunakan kertas atau papan yang ditulis dengan ayat tertentu dan mandi dengan air yang direndam ayat berkenaan untuk menolak bala.

Safar ialah bulan kedua mengikut perkiraan kalendar Islam yang berdasarkan tahun Qamariah. Safar bermaksud kosong. Ia juga memberi erti meninggalkan sesuatu tempat apabila merujuk kepada perkataan '*safir*'. Dinyatakan juga bahawa dinamakan Safar kerana kebiasaan orang Arab yang selalu meninggalkan kampung halaman untuk berperang dan mengembara pada bulan berkenaan.

Pada zaman jahiliah, orang yang hendak bermusafir akan melepaskan seekor burung. Apabila burung itu terbang ke atas atau ke kanan, ia akan membawa petanda baik, tetapi jika ia terbang ke kiri atau ke bawah, mereka akan menanggungkan perjalanan kerana beranggapan bala akan menimpa sekiranya perjalanan diteruskan. Seterusnya, amalan khurafat dan bidaah yang bertentangan dengan syariat Islam diamalkan pada bulan Safar sebagai kesinambungan kepada warisan zaman jahiliah. Ini kerana menurut kepercayaan turun-temurun sesetengah orang Islam yang jahil, Safar ialah bulan turunnya bala bencana dan malapetaka, khususnya pada Rabu minggu terakhir.

Oleh sebab itu setiap tahun mereka akan melakukan amalan karut dan bidaah sebagai cara untuk menolak bala. Sama ada sedar atau tidak, masyarakat Melayu Islam di Malaysia masih dibelenggu amalan khurafat dan tahyul seumpama ini pada bulan itu. Antara amalan khurafat yang pernah muncul di alam Melayu ialah upacara Pesta Mandi Safar. Amalan ini menjadi popular pada suatu waktu dahulu. Apabila tiba Safar, umat Islam terutama yang tinggal berhampiran pantai atau sungai akan mengadakan upacara mandi beramai-ramai dengan kepercayaan perbuatan itu boleh menghapuskan dosa dan menolak bala.

Pada kebiasaannya, amalan mandi Safar ini dilakukan pada Rabu minggu terakhir Safar. Selain itu, dalam kalangan masyarakat Melayu juga, khususnya orang tua, mereka tidak mahu mengadakan majlis perkahwinan

pada bulan itu. Ini kerana mereka berpendapat dan mempercayai kedua-dua pengantin tidak akan mendapat zuriat sekiranya majlis perkahwinan dilangsungkan dalam bulan ini.

Amalan dan kepercayaan seperti ini jelas bercanggah dengan syariat Islam dan boleh menyebabkan rosaknya akidah seseorang. Sebenarnya sial dan bala bencana tidak berlaku hanya pada Safar. Firman Allah SWT:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ

فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

**Maksud:** "Katakanlah (wahai Muhammad), tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah pengawal yang menyelamatkan kami dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal."

(al-Taubah; 51)

Rasulullah SAW menyatakan melalui sabdanya:

لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةٌ وَلَا هَامَةٌ وَلَا صَفَرٌ

**Maksud:** "Tidak ada penularan penyakit (tanpa izin Allah), tidak ada penentuan nasib dengan burung, tiada kemudaratan burung hantu dan tiada bala bencana bulan Safar."

(al-Bukhari; 5707 dan Muslim; 2220)

Tambahan daripada itu, Rasulullah SAW juga mengingatkan bahawa orang yang mempercayai keburukan itu datangnya daripada sesuatu selain Allah ialah syirik, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

الطَّيْرَةُ شِرْكٌ، الطَّيْرَةُ شِرْكٌ، ثَلَاثًا، وَمَا مِنَّا إِلَّا، وَلَكِنَّ اللَّهَ

يُذْهِبُهُ بِالتَّوَكُّلِ

**Maksud:** “Tiarah (kepercayaan sial terhadap sesuatu tanda atau petanda) adalah syirik. Tiarah adalah syirik. (Baginda mengulangnya sebanyak) tiga kali. Dan tidak seorang pun daripada kami (yang benar-benar terlepas daripadanya), namun Allah menghapuskannya dengan (sifat) tawakal (kebergantungan kepada-Nya).”

(Abu Daud; 3910 dan Al-Tirmizi; 1619)

Sesuatu yang tambah menyedihkan lagi ialah apabila terdapat umat Islam yang melakukan pelbagai upacara menolak bala pada bulan berkenaan dengan tidak menganggapnya sebagai suatu perkara khurafat. Mereka seolah-olah tidak memahami apa itu khurafat, lalu melakukan amalan berkenaan dengan sewenang-wenangnya. Khurafat ialah mempercayai sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kesan paling besar yang akan dihadapi oleh umat Islam apabila mempercayai perkara khurafat ini akan menjerumuskan mereka ke lembah kekufuran dan kesyirikan. Mengamalkan perkara khurafat atau kepercayaan karut nyata ditegah oleh syarak. Di samping itu, amalan

khurafat tidak mendatangkan sebarang faedah, sebaliknya hanya boleh merosakkan akidah seseorang.

Oleh yang demikian, umat Islam hendaklah menjauhkan diri daripada sangkaan atau kepercayaan karut tersebut supaya terselamat daripada amalan yang boleh membawa kepada syirik. Amalan khurafat juga boleh menjejaskan kegiatan sosial dan ekonomi umat Islam. Ia akan melahirkan budaya malas berusaha, minda menjadi jumud, kegiatan ekonomi terbantut, mudah berputus asa, tidak bertawakal kepada Allah serta menjejaskan martabat Islam yang syumul. Apabila seseorang itu percaya kepada makhluk selain Allah, ia akan membawa kepada lenyapnya keimanan kepada Rukun Islam keenam iaitu percaya kepada qadak dan qadar Allah SWT. Kepercayaan dan amalan khurafat yang masih membelenggu umat Islam hari ini berpunca daripada akidah yang tidak mantap dan tidak mempunyai kefahaman jelas tentang mengenai hukum-hakam dalam Islam.

Perlu diingatkan sebagai seorang Islam, sewajarnya hanya memohon dan meminta sesuatu kepada Allah. Kepercayaan dan amalan khurafat hanya boleh dibanteras jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran Islam dengan menjadikan al-Quran dan sunah sebagai rujukan dalam segala tindakan. Dalam hal ini, Nabi SAW menjelaskan kepada kita melalui sabda baginda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ  
وَسُنَّتِي

**Maksud:** "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya sekiranya berpegang dengan kedua-dua perkara itu iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunahku."

(Malik; 1628 dan Al-Hakim; 319)

Kepercayaan dan amalan khurafat memang tidak memberikan manfaat langsung, malah lebih menjerumuskan kepada perkara negatif. Oleh itu, bagi menangani masalah khurafat ini termasuk kepercayaan khurafat pada Safar, akidah umat Islam hendaklah diperteguhkan agar tidak terus berada dalam kepompong kejahilan. Apabila akidah sudah mantap, minda umat Islam tidak mudah terpengaruh dengan unsur khurafat, sebaliknya akan lebih terbuka serta berpijak di bumi nyata. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَأَلَا تَمَّ  
وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا  
وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

**Maksud:** "Katakanlah: 'Yang diharamkan Tuhanku hanyalah segala yang keji, baik lahir mahupun batin, maksiat dan melampaui batas tanpa kebenaran serta kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tiada diberi keterangan

*kepadanya dan kamu katakan kepada Allah  
sesuatu yang tidak kamu ketahui."*

(al-A'raf; 33)

## Fahami pengertian istito'ah sebelum tunai haji

GEORGE YONG, Pengerusi  
Asas Kemasyarakatan Islam  
di Kuala Lumpur berkata, ramai  
orang yang pergi berhaji  
tanpa memahami konsep  
istita'ah yang penting.  
Istita'ah bermaksud  
sedia diri untuk menerima  
keputusan Allah SWT  
dengan hati yang tenang.

9

### **UMPAMA SEBILAH PISAU BERGUNA ATAU ANCAMAN**

Stres secara umumnya ialah satu gambaran mengenai tekanan perasaan seseorang sehingga tidak mampu menjalani kehidupan normal. Sebenarnya ini hanya satu persepsi mengenai stres. Mungkin satu perkara dianggap stres bagi seseorang, dianggap positif pula bagi orang lain. Sebagai contoh, seseorang yang dibebankan dengan tugas yang banyak oleh majikannya mungkin akan mengalami tekanan perasaan padanya. Bagi individu yang lain pula, mungkin ia satu motivasi baginya kerana dia menganggapnya sebagai satu kepercayaan yang diberikan majikan kepadanya.

Oleh itu, kita boleh memperumpamakan *stres* sebagai sebilah pisau yang boleh menjadi alat berguna atau ancaman terhadap diri seseorang. *Stres* ialah tekanan. Tekanan ialah fitrah dalam kehidupan manusia. Allah menegaskan bahawa kehidupan manusia tidak sunyi daripada ujian, cabaran dan dugaan. Ujian ini yang akan membentuk tekanan dan stres dalam diri manusia.

Tekanan yang dialami oleh seseorang boleh membawa kesan positif dan negatif. Kesan positifnya dapat meningkatkan keyakinan diri, berusaha bersungguh-sungguh dan membina peribadi yang mantap, berdisiplin dan mempunyai kreativiti yang tinggi.

Sebaliknya, unsur negatif yang mungkin dihadapi oleh orang yang mengalami stres apabila tidak dapat menghadapi dan mengawalinya dengan baik ialah gangguan terhadap emosi dan fizikal. Seorang Muslim yang cemerlang ialah mereka yang dapat mengawal tekanan yang dihadapi dengan baik. Seseorang itu tidak dapat lari daripada tekanan sama ada tekanan yang membabitkan masalah kerja, kesihatan, keluarga, masyarakat dan sebagainya. Orang yang menghadapi tekanan hendaklah berusaha menanganinya dengan kaedah terbaik.

Justeru, antara cara mengatasi masalah stres ketika berhadapan dengan kerenah orang lain ialah melakukan perkara berikut:

**a. Menghiasi diri dengan sifat pemaaf**

Dalam al-Quran Allah SWT memuji orang yang menahan kemarahan dan memaafkan orang lain. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ وَالصَّغِيرِ  
وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣١﴾

**Maksud:** ... *laitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasihi orang yang berbuat perkara yang baik.*

(Ali Imran; 134)

Sirah Rasulullah SAW, rasul dan para nabi penuh dengan kisah kemaafan kepada umat mereka. Walaupun mereka ditentang habis-habisan, dimaki hamun, dicerca dan diancam akan dibunuh, namun mereka tetap memaafkan umat dan berharap umat mereka akan sedar dan menerima hidayah. Sebagai contoh ialah ketika Rasulullah SAW mengalami luka di muka dan patah giginya dalam peperangan Uhud, namun baginda menolak cadangan supaya memohon diturunkan bala kepada kaum musyrikin. Sebaliknya baginda berdoa, *"Ya Allah Ya Tuhanku, berilah hidayah kepada kaum ku. Sesungguhnya mereka tidak memahami."* Kesabaran dan sifat pemaaf itu menjadi sumber ketenangan rasul dan nabi dalam menghadapi pelbagai ujian dan tribulasi dalam usaha dakwah mereka.

**b. Mengelakkan diri daripada faktor-faktor yang menimbulkan stres.**

Kita hendaklah mengenali diri kita terlebih dahulu. Apa yang kita suka dan apa yang kita benci. Kita hendaklah mengelakkan diri daripada perkara yang kita benci supaya tidak menimbulkan stres. Sebagai contoh, jika kita tidak suka kepada tabiat merokok rakan kita, kita hendaklah menyatakan kepadanya dengan penuh hikmah. Apabila rakan kita memahaminya, dia akan cuba menghindari tabiat buruknya apabila bersama kita.

**c. Berdoa**

Berdoa langkah yang amat berkesan mengelakkan diri kita daripada mudah rasa stres. Oleh yang demikian, Nabi SAW sudah menjelaskan bahawa '*doa itu senjata bagi orang yang beriman*'. Antara doa yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW ialah:

اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَرَزِّقْهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ رَزَّاهَا،  
أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا  
يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ،  
وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا

**Maksud:** "*Ya Allah, berikanlah ketakwaan kepada jiwaku, dan sucikanlah ia, Engkaulah sebaik-baik yang mensucikannya, Engkaulah walinya dan*

*tuannya. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari ilmu yang tidak bermanfaat, dari hati yang tidak khusyuk, dari jiwa yang tidak pernah kenyang, dan dari doa yang tidak dikabulkan."*

اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ، رَبِّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكُهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا أَنْتَ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ  
الشَّيْطَانِ وَشَرِّكَهِ

**Maksud:** "Ya Allah, Pencipta langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Rabb segala sesuatu dan Pemiliknya. Aku bersaksi bahwa tidak ada ilah yang berhak diibadahi kecuali Engkau. Aku berlindung kepada-Mu dari keburukan diriku, dan dari keburukan syaitan dan kesyirikannya."

Doa ini diajarkan Rasulullah SAW kepada Abu Bakr al-Siddiq r.a. Di samping itu ada banyak lagi doa lain yang boleh diamalkan yang boleh diambil daripada buku doa yang dijual di pasaran.

## **FAHAMI ILMU KEDUA-DUA ALIRAN BERDASAR SUMBER SAHIH**

Istilah salafiah (aliran salafi) bermaksud mengikut apa-apa yang didatangkan oleh Rasulullah SAW serta memahami al-Quran dan al-Sunnah bertepatan dengan yang difahami oleh para sahabat dan tabi'in dengan tanpa sebarang takwil. Manakala istilah sufiyyah (aliran sufi) pula merujuk kepada zuhud dan mujahadah diri. Sehubungan dengan itu, daripada pengertian dan maksud kedua-dua istilah tersebut, didapati tidak terdapat sebarang khilaf dan percanggahan di antara sufiyyah dan salafiah. Ini kerana salafiah merujuk kepada fahaman dan amalan yang sahih, begitu juga sufiyyah yang juga merujuk kepada amalan kerohanian yang sahih berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Apabila ditinjau pada zaman permulaan Islam, didapati ramai para sahabat dan tabi'in merupakan golongan Salafi dan Sufi sekali gus, iaitu mereka mengikut sunnah dan pada masa sama mereka mempraktikkan zuhud dalam kehidupan, walaupun istilah Sufi dan Salafi belum pun wujud pada ketika itu. Oleh itu, didapati nama-nama

seperti Sa'id Bin Musayyib, Sa'id Bin Jubayr, Ibrahim al-Nakhaei, Abdullah Bin Mubarak, Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Syafii, Imam Ahmad Bin Hanbal, Ishak Bin Rahawayh, al-Awza'ei dan ramai lagi tokoh salaf merupakan juga golongan Sufi. Begitu juga boleh dianggap tokoh terkemudian daripada itu juga termasuk dalam golongan sufi seperti Ibnu Taimiyyah, Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, Ibnu Hajar al-'Asqalani, Ibnu Kathir dan lain-lain lagi.

Dalam pada itu, tokoh sufi seperti Ibrahim bin Adham, al-Junayd al-Baghdadi, al-Fudhail bin 'Iyad, Ma'ruf al-Karkhi, Abdul Qadir al-Jailani dan ramai lagi boleh dianggap golongan yang sealiran dengan salafi. Hujah yang melayakkan tokoh ulama salaf dikenali dengan golongan sufi ialah kerana kezuhudan dan kewarakan mereka yang sememangnya bertepatan dengan apa yang difokuskan oleh golongan sufi. Sesiapa jua yang membaca dan meneliti riwayat hidup para sahabat dan tabi'in serta para ulama selepas mereka akan dapat melihat dengan jelas tentang perwatakan mereka yang selari dengan apa yang ditekankan oleh golongan sufi ini. Manakala hujah yang menyatakan tokoh sufi juga dianggap sebagai pendokong aliran salafi adalah seperti yang berikut:

1. al-Qusyairi dalam *al-Risalah al-Qusyairiah*, halaman 3-4 berkata: "*Ketahuilah bahawa syeikh golongan ini (tokoh sufi) membina kaedah mereka di atas usul yang sahih di dalam tauhid serta memelihara akidah mereka daripada perkara*

*bidaah. Mereka berpegang dengan aliran salaf serta ahli sunnah dalam persoalan tauhid yang bebas daripada menyerupakan Allah dengan makhluk..."*

2. Syeikh al-Islam Ibnu Taimiah telah memindahkan kata-kata Ma'mar Bin Ahmad al-Asbahani (tokoh sufi) dalam kitabnya *Majmu'ah al-Rasa'il al-Kubra* yang mana kata Ma'mar: *"Aku suka berpesan kepada sahabat-sahabatku dengan wasiat daripada al-sunnah serta pengajaran daripada hikmah dan aku menghimpunkan pegangan golongan hadis, ma'rifah, tasawwuf. Sesungguhnya Allah bersemayam di atas 'arasy tanpa diketahui keadaannya serta tanpa tasybih dan tanpa takwil..."*
3. Ibnu Taimiah juga telah menyatakan dalam bukunya *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, 3/150 suatu jawapan ulama salaf terhadap persoalan kalam Allah dengan katanya: *"Dan inilah pandangan salaf iaitu al-Quran kalam Allah bukannya makhluk....dan jawapan ini merupakan jawapan daripada tokoh ahli hadis, tasawuf, feqah dan beberapa kumpulan daripada ahli al-Kalam dan para pemimpin mereka."*
4. Al-Sya'rani dalam *Tobaqat al-Kubra* menyatakan tasawuf merupakan ilmu yang terbit di dalam hati para wali apabila mereka mempraktikkan al-Quran dan al-Sunnah.

5. Sariy al-Saqati dalam kitab *Mabadi' al-Tasawwuf al-Islamiy* karangan Abdul Hafiz Faraghli Ali Al-Qarni telah dipetik berkata: "*Tasawuf ialah kata nama untuk tiga perkara iaitu cahaya makrifatnya tidak menghilangkan cahaya kewarakannya, tidak berbicara tentang ilmu batin yang disanggah oleh al-Quran dan al-Sunnah, kekeramatannya tidak mendorong ia melanggar perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah.*"

Daripada beberapa hujah yang dikemukakan di atas, didapati tidak terdapat sebarang percanggahan antara aliran sufi dan aliran salafi. Namun, apabila seseorang itu tidak memahami dengan jelas berdasarkan ilmu yang mantap terhadap kedua-dua aliran ini berdasarkan sumber yang sahih, maka timbullah percanggahan dan perselisihan yang tidak sepatutnya berlaku. Apatah lagi apabila terdapat golongan yang syirik kepada Allah, lalu mendakwa mereka membawa ajaran tasawuf menyebabkan kejernihan tasawuf dicemari. Bak kata pepatah, '*kerana nila setitik, rosak susu sebelanga*'. Apa yang lebih malang berlaku apabila pihak yang melihat unsur syirik berlaku pada ajaran sesat yang mendakwa sebagai tasawuf itu terus menyalahkan tasawuf secara keseluruhannya, sedangkan beliau sendiri tidak tahu dan tidak pernah terlibat dalam aktiviti ajaran tasawuf yang sebenar berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Begitu juga berlaku pada aliran salafi. Apabila wujudnya golongan kurang berilmu yang mendakwa bahawa mereka pendokong ajaran salafi sedangkan mereka ini

tidak mendalami ajaran Islam serta tidak mempunyai asas yang kukuh dalam pembelajaran agama. Lalu mereka bersikap kasar, fanatik, asyik membidaahkan amalan yang dilakukan dalam masyarakat tanpa mengetahui unsur khilaf yang berlaku dan tidak menggambarkan langsung pendokong ajaran Islam yang suci murni. Lalu ada golongan yang kurang faham telah menolak aliran salafi secara keseluruhannya tanpa membezakan antara ajaran salafi yang benar dan yang palsu.

Percanggahan yang berlaku dapat di atasi sekiranya kedua-dua belah pihak berlapang dada dan menjadikan matlamat mencari keredaan Allah sebagai agenda yang utama untuk mencari penyelesaian. Akan tetapi sekiranya nafsu menjadi landasan, maka akan berterusanlah perpecahan berlaku dalam kalangan masyarakat Islam!

## Nasyiatul Melayaia peribumi pemahaman betul tentang Islam

SHAH ALAM - Insialff men-  
dangunkan suatu siltus atau di-  
siplin - akademik ... mengenai  
bismofoba dan cara menanganinya  
bagi insialff pengalari tngg adwah  
baik untuk membati per-  
sekitaran kepada siltus

betul supaya dapat ditahani." Kasa-  
nya kepada Sihar Hanan.  
Tambahan, mentrusi insialff  
insialff juga akan membaharui  
syarakat yang Tamora, Insialff berse-  
terangan dan Insialff  
insialff Insialff

11

### **USAH LENGAH CARI KEREDAAN ALLAH**

Individu serta organisasi terdedah kepada pelbagai risiko boleh membawa kepada kerugian, seperti risiko kematian akibat kemalangan atau penyakit, kerosakan dan kemusnahan harta benda akibat kebakaran, banjir, taufan, dan lain-lain. Bayangkan jika ia terjadi kepada kita yang mempunyai tanggungan keluarga, pembiayaan rumah, kenderaan dan sebagainya. Adakah kita ada wang yang cukup untuk hadapi situasi ini? Kewujudan risiko ini asas pembentukan sistem insurans bagi mengurangkan bebanan kewangan dialami akibat gangguan risiko disebutkan tadi.

Insurans wujud sejak dahulu lagi. Ia bermula apabila pedagang Arab berlayar ke serta dunia untuk berniaga dan menyebarkan dakwah Islam. Semasa dalam pelayaran tersebut, mereka menghadapi pelbagai risiko seperti taufan dan ribut petir yang membahayakan diri serta merosakkan barang dagangan dibawa. Justeru, mereka mewujudkan sistem insurans sebagai

perlindungan sehingga lahirah insurans yang tertua di dunia iaitu insurans marin.

Begitu juga konsep takaful, ia bukan sesuatu yang baharu, malahan sejak permulaan Islam lagi, konsep seumpama ini dijalankan. Apabila datangnya Islam dan tertegaknya Negara Islam di Madinah yang diterajui Rasulullah, beberapa sistem berasaskan kerjasama dan bantu-membantu diamalkan seperti *Aqilah* dan *al-Qasamah*. Kedua-dua sistem ini konsep jaminan antara anggota masyarakat yang memberi kebaikan dan kemudahan dalam kehidupan.

*Aqilah* ialah satu sistem berasaskan tanggungjawab dan kerjasama antara anggota masyarakat. Mereka berpakat mewujudkan tabung dikenali sebagai *Khanz*. Segala pungutan wang tabung atau caruman mengikut tempoh yang dipersetujui. Antara manfaat yang terhasil daripada konsep ini dapat membantu ahli atau peserta yang terlibat dalam pembunuhan secara tidak sengaja, dan menebus tawanan perang daripada musuh. Manakala *al-Qasamah* pula ialah tabung yang diwujudkan untuk membantu mereka yang teraniaya berhubung dengan nyawa manusia. Contohnya ialah manfaat daripada tabung itu akan diberikan kepada waris mangsa bunuh tidak diketahui siapakah pembunuhnya, sebagai mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh waris.

Sistem insurans konvensional diamal hari ini bercanggah dengan hukum syarak. Hasil kajian mendalam para ulama dan di antaranya ialah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 1972 mendapati kontrak insurans

konvensional ialah kontrak jual beli, tetapi tidak menepati syariat Islam yang akhirnya ada tiga unsur dalam kontrak dan operasi insurans konvensional iaitu *gharar* (ketidakpastian dalam kontrak), *maisir* (unsur perjudian dalam kontrak) dan riba. Namun insurans amat diperlukan bagi menghadapi risiko yang mengakibatkan kerugian kewangan kepada individu atau organisasi.

Justeru, para ulama' memutuskan sistem insurans selaras dengan landasan syarak adalah berasaskan takaful. Sistem insurans berasaskan takaful ini bukan sesuatu yang baharu, tetapi wujud pada zaman permulaan Islam lagi. Namun, konsep diketengahkan pada hari ini lebih sistematik dan profesional. Takaful bermaksud saling jamin menjamin di antara satu sama lain. Konsep takaful amat berbeza sekali dengan konsep insurans konvensional. Ia bukan kontrak yang diasaskan kepada kontrak jual beli sebagaimana insurans konvensional kerana ciri-ciri kontraknya tidak memungkinkan ia menepati rukun jual beli dalam Islam.

Konsep takaful menggambarkan satu rancangan insurans berasaskan hubungan persaudaraan, rasa saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam kalangan peserta takaful yang menyertai pakatan ini. Inilah yang dikehendaki Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

**Maksud:** *"Tolong-menolonglah kamu pada perkara kebajikan dan takwa dan janganlah kamu tolong-menolong pada perkara-perkara dosa dan yang boleh menimbulkan permusuhan."*

(al-Maidah; 2)

Takaful bukanlah satu proses pemindahan risiko kepada pihak lain sebagaimana kontrak insurans konvensional di mana syarikat insurans memindahkan risiko kepada pelanggan dengan pembayaran premium. Dalam konsep takaful, risiko tidak dipindah kepada mana-mana pihak, tetapi ditanggung bersama dalam kalangan peserta menyertai pakatan takaful ini. Bagi melicinkan perjalanan dan pengendalian dana, sebuah badan dilantik sebagai pengurus dana dan pemegang amanah. Pengurus dana ini dikenali sebagai Pengendali Takaful (*Takaful Operator*).

Peserta yang menyertai pakatan takaful dikehendaki membuat pembayaran sumbangan takaful dikenali sebagai *tabarru'*. *Tabarru'* bermaksud menderma secara ikhlas. Penyertaan dengan niat ikhlas untuk membantu atas konsep *tabarru'* inilah yang membuatkan penyertaan dalam takaful ini mendapat pahala di sisi Allah SWT. Jika berlaku malapetaka atau kerugian dalam kalangan peserta, maka setiap peserta bekerjasama membantu peserta mengalami musibah tersebut. Justeru, sumbangan bentuk kewangan daripada peserta itu untuk membantu meringankan bebanan peserta yang mengalami musibah dianggap sumbangan khairat untuk tujuan kebajikan.

Pengendali takaful bukan pemilik dana sumbangan peserta, tetapi bertindak sebagai pemegang amanah dengan mengurus dana sumbangan dalam hal-hal berkaitan dengan takaful seperti membuat pelaburan yang selari dengan syarak untuk tujuan pengembangan dana, mengurus kos operasi terlibat dan membuat pembayaran perlindungan kewangan kepada peserta yang menerima nasib malang ditimpa malapetaka yang menyebabkan kerugian. Konsep takaful dan *tabarru'* inilah menjadi teras utama yang menghindarkan perlindungan takaful daripada unsur *gharar* (ketidakpastian), *maisir* (perjudian) dan riba. Unsur *maisir* (perjudian) yang wujud setelah adanya elemen *gharar* dalam kontrak insurans konvensional dapat dihindarkan dan tidak menjadi persoalan lagi dalam kontrak takaful.

Begitu juga dengan persoalan riba, kontrak takaful bukannya kontrak pertukaran wang sebagaimana dalam kontrak insurans konvensional iaitu pertukaran antara bayaran premium dengan janji pembayaran ganti rugi oleh *insurer*, maka elemen riba *al-buyu'* dapat dihapuskan dalam kontrak takaful. Di samping itu, bagi tujuan pengembangan dana sumbangan takaful, pengurus dana membuat pelaburan berasaskan konsep *mudarabah*. Keuntungan akan dibahagikan bersama mengikut nisbah dipersetujui ketika kontrak dibuat.

Istilah *mudarabah* juga dikenali sebagai *qiradh* atau *muqaradhah*. Ia berkonsepkan perkongsian keuntungan. Secara khususnya, *mudarabah* ialah perjanjian melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak iaitu *rabb al-*

*mal* (pemodal atau pelabur) dan *mudharib* (pengusaha atau pengurus). Pemodal memberikan *ra'sul mal* (modal) kepada pengusaha untuk pelaburan projek tertentu dan hasil keuntungan dibahagi mengikut peratusan dipersetujui.

Dalam operasi takaful, peserta setuju menyerahkan sebahagian wang sumbangan sebagai modal *mudarabah*, modal ini diperniagakan untuk satu tempoh dipersetujui bersama dan jika ada keuntungan, ia akan dibahagikan mengikut peratus yang dipersetujui. Pada masa sama, sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan diberikan sebagai *tabarru'* untuk tujuan saling jamin-menjamin sesama peserta jika berlaku malapetaka. Wang sumbangan *tabarru'* inilah yang diambil untuk tujuan pembayaran manfaat takaful kepada peserta yang menerima musibah.

Kesimpulannya, kontrak perlindungan takaful amat berbeza sekali dengan kontrak insurans konvensional. Ia suatu konsep jelas yang merupakan pakatan saling jamin-menjamin antara peserta sementara menanti pulangan pelaburan berasaskan kontrak perkongsian keuntungan. Sehubungan dengan itu, setiap individu Muslim wajib bertukar daripada berurusan dengan insurans konvensional kepada insurans takaful. Jangan berlengah lagi untuk mencari keredaan Allah!



12

## ALLAH ISYTIHAR PERANG KE ATAS PELAKU

Islam menentang keras amalan riba. Pengharaman riba jelas disebut dalam al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah. Bahkan semua ulama mujtahid bersepakat mengharamkan riba. Al-Quran al-Karim telah meletakkan beberapa bentuk hukuman kepada orang yang terlibat dengan riba.

Antara bentuk hukuman itu ialah:

1. Dibangkitkan di akhirat nanti dalam keadaan terhuyung-hayang. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي  
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ

**Maksud:** "Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu."

(al-Baqarah; 275)

2. Dikurangkan kebaikan atau keberkatan pada harta. Firman Allah SWT:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ

**Maksud:** "Allah susutkan (kebaikan harta yang diuruskan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah dan zakatnya."

(al-Baqarah; 276)

3. Diisytiharkan perang. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 279:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ

**Maksud:** "Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan daripada Allah dan Rasul-Nya."

(al-Baqarah; 279)

Sila renungi hukuman yang dinyatakan dalam ayat suci al-Quran itu. Tiada satu pun daripada hukuman berkenaan mampu ditanggung oleh kita. Cuba kita ambil hukuman yang paling ringan iaitu kurang keberkatan dalam harta. Apa gunanya jika seseorang itu berniaga, tetapi tiada keberkatan di dalam harta yang diraih melalui perniagaannya. Walaupun secara zahirnya dia mungkin mendapat keuntungan dan kekayaan, namun kekayaan itu tidak akan dapat memberi kebahagiaan kepada kehidupannya. Apa gunanya wang jika tiada kebahagiaan. Wang hanyalah perantara untuk

memenuhi keperluan dan kebahagiaan. Kebahagiaan pula merangkumi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Apa ertinya jika seseorang itu kelihatan bahagia di dunia yang sementara, tetapi merana di akhirat. Orang yang memakan riba tidak akan memperoleh kebahagiaan di akhirat kerana Allah menyediakan neraka sebagai tempat baginya sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat ke-275 daripada Surah al-Baqarah itu. Selain daripada hukuman itu Allah SWT juga turut melaknat orang yang terlibat dengan riba dalam apa bentuk sekalipun. Amaran ini disampaikan kepada kita oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya:

لَعْنَةُ اللَّهِ آكِلِ الرَّبَا وَمُؤْكِلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ

**Maksud:** *"Allah melaknat pemakan riba (pengambil), pemberinya, penulisnya, dan dua orang saksinya."*

(Muslim; 1598)

Tiada yang lebih berat daripada dilaknat oleh Allah SWT. Namun itulah hukuman yang dikenakan kepada orang yang memakan riba. Pada hari ini amalan meminjam secara riba tidak menjadi persoalan lagi bagi sebahagian umat Islam. Mereka tidak rasa bersalah dalam hal ini. Asalkan ada modal untuk memulakan perniagaan dan tidak melanggar undang-undang serta mampu menjana keuntungan ia sudah mencukupi. Sikap seperti ini mungkin juga disebabkan kejahilan mereka tentang hakikat riba itu sendiri. Mereka tidak berusaha untuk mempelajari apakah itu riba? Apakah hukuman

mengambil riba? Kejahilan seumpama ini tiada kemaafan di dalam Islam. Selagi seorang mukalaf mampu belajar atau sekurang-kurangnya bertanya kepada yang lebih arif dia wajib mengetahui hukum penting dalam muamalat termasuk riba.

Di sinilah terserlah kepentingan mempelajari ilmu fiqh al-muamalat sebagaimana yang kita tekankan pada tajuk sebelum ini. Bukankah Ibnu Abbas r.a. pernah berkata: *"Tidak boleh berniaga di dalam pasar kami melainkan orang yang faqih (mengetahui hukum hakam), jika tidak seseorang itu akan makan riba sama ada sengaja atau pun tidak."*

Sebenarnya dalam Islam konsep pinjam-meminjam diasaskan atas dasar tolong-menolong bukan untuk mencari keuntungan sebagaimana perniagaan. Ini jelas pada firman Allah SWT:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ  
لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

**Maksud:** *"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, berilah tempoh sehingga dia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak)."*

(al-Baqarah; 280)

Memberi tangguh dalam melunaskan hutang dan bersedekah bukanlah satu perniagaan. Ia lebih kepada kebajikan. Namun ada yang beranggapan agensi kewangan yang mengambil faedah atas pinjaman tidak salah kerana ia ialah perniagaan. Sudah semestinya perniagaan memerlukan keuntungan. Anggapan ini bukan fenomena baharu, sebaliknya sudah wujud sejak zaman Rasulullah SAW malah sebelum daripada itu lagi.

### **Jenis riba:**

1. Riba al-Duyun (muncul daripada hutang):
  - (a) Riba *al-Qard*: syarat pertambahan bayaran bagi sesuatu pinjaman kewangan. Contohnya ialah meminjam daripada bank konvensional RM100,000 dan dikehendaki membayar sebanyak RM200,000 dalam tempoh yang ditetapkan.
  - (b) Riba *al-Jahiliyyah*: Tambahan bayaran akibat gagal membayar pinjaman pada tempoh yang ditetapkan.
2. Riba dalam jual-beli:
  - (a) Riba *al-Nasa'*: Jual-beli antara dua barangan *ribawi* yang sama jenis secara bertangguh. Contohnya membeli rantai emas dengan bayaran pada keesokan harinya.
  - (b) Riba *al-Fadl*: Jual beli antara dua item *ribawi* yang sama jenis dengan kadar berbeza. Contoh, menukar 10 gram emas 916 dengan

lapan gram emas 999. Sepatutnya mesti sama timbangan.

\*\*\* item *ribawi* atau barangan *ribawi* ialah kategori mata wang (emas dan perak) dan kategori makanan.

**Persoalan:** Bagaimana kalau membeli makanan dan ditangguhkan bayaran termasuk dalam riba *al-Nasa'*?

Jawapannya tidak riba sebab makanan dan wang daripada kategori berbeza bukan sejenis.

**Persoalan:** Mengapakah mesti sama daripada sudut timbangan apabila menukar emas dengan emas atau gandum dengan gandum dalam kualiti yang berbeza? Bukankah nilai kedua-dua barangan itu tidak sama?

Jawapannya ialah supaya barangan itu diapungkan dalam perniagaan dan jual beli agar aktiviti ekonomi berjalan serta supaya ia tidak hanya berlegar dalam kalangan orang tertentu menyebabkan yang kaya bertambah kaya.

## Haram buka aib

13

### **PEMANGKIN KE ARAH KECEMERLANGAN DAKWAH ISLAM**

Sikap pemaaf dan lemah lembut (bersopan santun) ialah satu sikap yang amat luhur dan murni serta memberikan banyak kebaikan. Tiada ruginya memaafkan kesalahan orang lain walaupun nyata mereka bersalah. Namun, apabila seseorang itu mempunyai hati yang keras dan penuh dendam, maka amat sukar sekali untuk memaafkan orang lain. Contoh pemaaf dan lemah lembut yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW ialah suatu sifat yang sepatutnya dicontohi oleh setiap generasi umat Islam. Melatih diri untuk memiliki akhlak seumpama ini dapat dimulai dengan menahan diri ketika marah dan mempertimbangkan baik buruknya sesuatu perkara sebelum bertindak.

Ini kerana setiap manusia tidak pernah terpisah daripada masalah dalam hidup, jika ia tidak membekalkan dirinya dengan akhlak ini, nescaya ia akan gagal untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi.

Hebatnya sifat lemah lembut dapat dilihat melalui pujian Rasulullah terhadap sahabatnya Asyaj Abdul Qais dengan sabdanya:

إِنَّ فِيكَ خَصْلَتَيْنِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ الْحِلْمُ وَالْأَنَاءَةُ

**Maksud:** "Sesungguhnya pada dirimu ada dua perangai yang dicintai Allah iaitu sifat lemah lembut (sabar) dan ketenangan (tidak tergesa-gesa)."

(Muslim; 17)

Antara akhlak Rasulullah SAW yang hebat ialah sifatnya yang lemah lembut dan pemaaf. Selain daripada menunjukkan keperibadian mulia dan kesopanan seseorang, sifat lemah lembut dan pemaaf juga sebenarnya dapat melunakkan hati yang keras, juga boleh menundukkan manusia yang kasar dan akhirnya menimbulkan rasa hormat pada diri. Sifat lemah lembut dan pemaaf juga boleh menunjukkan dan menyatakan pendirian yang tegas demi menegakkan kebenaran, tetapi pada masa sama tidak bertolak ansur terhadap kemungkaran dan kekufuran. Allah SWT telah mengajar baginda Rasulullah untuk bersikap pemaaf dan berlembut semasa berurusan dengan orang lain. Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ  
لَأَنْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي  
الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

**Maksud:** *"Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat dan pengikutmu) dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari sekelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) serta mohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepadaNya."*

(Ali Imran; 159)

Rasulullah SAW bersifat lemah lembut dalam pertuturan, pergaulan dan tindakan. Sifat mulia yang dipamerkan oleh Rasulullah ini menyebabkan ramai golongan musyrikin tertarik kepada ajaran Islam. Orang yang berhati keras dan menentang dakwah berubah menjadi seorang yang beriman dan cinta kepada Allah dan Rasul-Nya setelah mengenali peribadi luhur junjungan Nabi Muhammad SAW ini. Pernah suatu ketika, seorang musyrik telah menghunuskan pedangnya kepada Rasulullah seraya bertanya: *"Siapakah yang dapat melindungi engkau daripada aku membunuhmu sekarang?"*. Lalu jawab Rasulullah: *"Allah yang*

*melindungi aku daripada sebarang tindakan jahat engkau."*

Setelah mendengar jawapan Rasulullah itu, pedang yang berada pada tangan lelaki tersebut tiba-tiba terjatuh menyebabkan lelaki tersebut tergamam dan tidak dapat berbuat apa-apa. Lantas Rasulullah mengambil pedang itu, seraya bertanya: "*Siapakah pula yang akan melindungi engkau?.*" Lelaki itu sambil terketar-ketar menjawab: "*Kemaafanmulah sahaja yang dapat melindungiku.*" Setelah Rasulullah memaafkan perbuatan lelaki itu dan melayannya dengan baik, maka lelaki tersebut begitu tertarik dengan sikap pemaaf dan akhlak yang ditonjolkan oleh Rasulullah, lantas memeluk Islam.

Rasulullah SAW selalu memaafkan kesalahan yang dilakukan terhadap baginda. Nabi Muhammad SAW tidak pernah menyimpan perasaan dendam kepada orang lain walaupun terhadap musuh yang sentiasa menghalang dakwah baginda.

Sebaliknya, baginda sentiasa berdoa mereka dikurniakan hidayah untuk menerima ajaran Islam.

Firman Allah SWT:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

Maksud: "*Jadilah engkau pemaaf dan serulah (manusia) mengerjakan yang makruf (baik) dan berpalinglah daripada orang bodoh.*"

(Al-A'raf; 199)

Ketika turun ayat itu, Rasulullah SAW bertanya Jibril. *"Apakah maksud ayat ini, wahai Jibril?"* Jibril menjawab: *"Sesungguhnya Allah menyuruhmu memaafkan orang menzalimimu dan bersilaturahmi kepada orang memutuskan hubungan denganmu."*

Dicatatkan dalam *Fiqh al-Sirah* oleh Said Ramadan al-Buti, ketika golongan Thaqif di Ta'if menolak mentah-mentah dakwah dan seruan nabi kepada Islam, baginda tetap bersabar dan menadah tangan berdoa pada Allah: *"Ya Allah, kepada Engkau aku mengadu kedaifan tenagaku..."*.

Dalam pada itu, Rasulullah SAW juga berdoa agar generasi mereka menerima hidayah Islam dengan sabda baginda: *"Bahkan apa yang aku mahu ialah moga Allah mengeluarkan daripada sulbi mereka (anak cucu mereka) golongan yang mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa dan tidak mensyirkannya dengan sesuatu."* Ini sebagaimana dicatatkan dalam kitab *Muhammad al-Insan al-Kamil*, oleh al-Sayyid Muhammad bin al-Sayyid 'Alawi al-Maliki.

Pada hari pembukaan Kota Makkah, Abu Sufyan memeluk Islam bersama isterinya Hindun binti 'Utbah. Walaupun pasangan suami isteri ini pernah menjadi penentang dakwah Islam dengan begitu kuat namun Rasulullah SAW menerima keislaman mereka serta memaafkan perbuatan mereka bersama orang Quraisy

yang lain. Rasulullah SAW telah mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai kepada musyrikin Makkah yang pernah memusuhi baginda.

Rasulullah SAW berkata pada hari pembukaan kota Makkah: *"Apakah yang kamu sangka aku akan lakukan terhadap kamu sekarang ini?"* Mereka menjawab: *"Kami bersangka baik terhadap tuan, engkau orang yang mulia dan putera kepada orang yang mulia."* Lalu Rasulullah SAW bersabda: *"Pergilah, kamu semua dibebaskan!."*

Rasulullah SAW juga telah memaafkan Hubur bin Aswad, seorang yang terkenal memusuhi Islam dan banyak menyakiti hati golongan Muslimin. Bahkan dia juga pernah menyakiti puteri Rasulullah SAW yang bernama Zainab iaitu apabila unta yang dinaiki oleh Zainab dalam perjalanan ke Madinah telah dipanah oleh Hubur sehingga menyebabkan unta itu jatuh lalu mati. Zainab yang ketika itu mengandung terhumban dari atas unta menyebabkannya keguguran. Namun setelah itu, iaitu pada peristiwa pembukaan kota Makkah, Rasulullah memaafkan Hubur apabila beliau menemui Rasulullah untuk memohon maaf daripada baginda dan seterusnya menjadi pengikut agama Islam.

Begitulah hebatnya akhlak yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

وَلَمَن صَبَرَ وَعَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنَ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

**Maksud:** "Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)."

(Al-Syura; 43)

Firman Allah SWT lagi dalam Surah ali Imran ayat 133-134:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ  
وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ  
وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ  
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

**Maksud:** "Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertakwa; iaitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang yang menahan kemarahannya dan orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihani orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."

(Ali Imran; 133-134)

Demi natsu, Suami rela kongsi isteri -  
Aktiviti 'group swinger' terbongkar

14

## TAMBAH KASIH PADA BAGINDA

Saban tahun majlis sambutan Maulidur Rasul biasanya disambut meriah dengan selawat ke atas nabi secara beramai-ramai, majlis berzanji, jamuan makan dan sebagainya. Namun secara sedar atau pun tidak di sebalik kehangatan sambutan tersebut, berapa ramaikah yang benar-benar mengenali Rasulullah? Berapa ramaikah yang memahami isi kandungan berzanji yang dialunkan dengan begitu merdu menceritakan tentang kehidupan nabi itu? Allah SWT sendiri menyatakan dalam al-Quran:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

**Maksud:** "Tidak Kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk memberi rahmat kepada sekalian alam."

(Al-Anbiya'; 107)

Sesuatu yang tidak diragukan lagi bahawa Rasulullah SAW diutus untuk memimpin ummah. Baginda contoh terbaik yang bersifat universal iaitu keseluruhan hidup junjungan dapat dijadikan ikutan dan contoh di sepanjang

zaman. Dalam hal ini, Allah SWT menyatakan dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

**Maksud:** "Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah itu menjadi contoh yang paling baik untuk (menjadi ikutan) kamu."

(Al-Ahzab; 21)

Mengenali perawakan Rasulullah juga menghindarkan diri daripada tertipu dengan mainan dan tipu daya syaitan. Pernah kita dengar ada orang berkata dia bermimpi bertemu Rasulullah? Memang bermimpi bertemu Rasulullah sesuatu yang istimewa. Menurut para ulama', ada tiga kategori bagi mimpi iaitu:

- a) Mimpi baik daripada Allah
- b) Mimpi buruk daripada syaitan
- c) Mimpi yang terjadi hasil fikiran yang menghantui diri mengenai sesuatu perkara.

Bermimpi Rasulullah termasuk dalam kategori pertama iaitu mimpi baik daripada Allah. Rasulullah SAW bersabda;

مَنْ رَأَى فِي الْمَنَامِ فَقَدْ رَأَى، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَتِمَّتُّ بِي

**Maksud:** "Sesiapa yang melihatku di dalam mimpi, maka sesungguhnya benarlah dia melihat diriku kerana syaitan tidak dapat menyerupaiku."

(Bukhari; 6993 dan Muslim; 2266)

Imam Abu 'Isa Muhammad Ibn Isa al-Tirmizi menyatakan adalah di luar kemampuan manusia untuk melukis gambaran rupa bentuk Rasulullah SAW. Imam al-Qurtubi menyatakan keseluruhan kekacakan Rasulullah tidaklah dizahirkan, sekiranya dizahirkan manusia tidak dapat menoleh sedikit pandangan pun ke arah baginda.

Telah dinyatakan dalam kitab *al-Syifa Bita'rif Huquq al-Mustafa* (1986) Cetakan Dar al-Faiha', Amman, Juz 1, halaman 147-149 oleh al-Qadi 'Iyad al-Andalusi bahawa ada hadis-hadis dan athar-athar sahih yang banyak didatangkan para sahabat tentang perawakan Nabi SAW. Antara sahabat menceritakan tentang rupa bentuk Rasulullah ialah Ali bin Abu Talib, Anas bin Malik, Abu Hurairah, al-Barra' bin 'Azib, Aisyah Ummul Mukminin, Ibnu Abbas, Abu Tufail dan lain-lain lagi. Antara gambaran Rasulullah dinyatakan para sahabat ialah kulitnya yang putih, mata yang cantik, rambut lebat, wajah bersinar, bulu kening halus memanjang hingga ke penghujung mata, hidung yang mancung, janggut yang tebal hingga ke dada, dada yang bidang, sederhana tinggi iaitu tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah, apabila bercakap seolah-olah cahaya keluar dari gigi baginda dan lain-lain lagi.

Al-Barra' bin 'Azib berkata, beliau tidak pernah melihat sesiapa yang terlebih tampan daripada Rasulullah SAW. Jabir pula meriwayatkan pada suatu ketika semasa malam bulan purnama terang-benderang, beliau melihat kepada wajah Rasulullah dan juga melihat ke arah bulan, dan mengikut pandangannya wajah Rasulullah terlebih

cantik dan berseri dari bulan dan cahayanya. Anas pernah berkata bahawa: "*Rasulullah SAW tidak tersangat tinggi dan tidak tersangat rendah dan warna wajah Rasulullah tidak terlalu putih seumpama air kapur dan tidak pula pucat pudar (warna kulit putih kemerahan), rambut Rasulullah tidak terlalu lurus dan tidak terlalu kerinting (rambut ikal mayang) dan uban pada rambut dan janggutnya tidak melebihi dua puluh helai.*"

Manakala Saidina Ali pula ketika menceritakan perawakan Rasulullah SAW, beliau berkata: "*Rasulullah tidaklah tersangat tinggi dan tidak juga tersangat rendah tetapi memiliki tubuh badan sederhana, rambut baginda tidak terlampau lurus dan tidak juga terlampau berketak-ketak tetapi berkeadaan berombak (ikal). Badannya tidak gemuk. Wajahnya tidak bulat tetapi bujur. Warna wajah Rasulullah putih dengan sedikit kemerah-merahan. Matanya tersangat hitam dan bulu keningnya panjang. Tulang-tulang sendi di badannya tebal (besar)-(pergelangan tangan, siku, lutut). Bahagian di antara kedua-dua bahu dipenuhi daging-daging (berisi).*"

*Badan Rasulullah tidak berbulu di seluruh tubuh badan, walau bagaimanapun ada suatu garisan bulu daripada dada terus ke pusat. Tangannya yang mulia penuh dengan isi-isi daging. Apabila Rasulullah berjalan, baginda melangkah ke hadapan dengan kukuhnya, seolah-olah baginda berjalan menuruni tanah curam iaitu menuruni dari tempat yang tinggi ke tempat yang rendah. Apabila baginda menumpukan perhatian kepada seseorang, baginda melakukannya dengan seluruh*

*jasadnya (memusingkan seluruh tubuh dan menoleh mukanya). Di antara dua bahunya ada tanda kenabian. Pangkat kenabian berakhir padanya.*

*Baginda terlebih dermawan daripada segala makhluk dan paling dipercayai percakapannya dan terlebih lembut hatinya daripada semua manusia." Ini sebagaimana dicatatkan dalam kitab *Insan Teladan Sepanjang Zaman* oleh Mufti Ahmed Ibrahim Bemat, 1996, cetakan Dar al-Nu'man, halaman 10-11.*

Kitab-kitab sirah juga menggambarkan Rasulullah sebagai insan yang paras mukanya manis dan indah, tidak terlampau tinggi, juga tidak pendek dengan bentuk kepala yang besar, berambut hitam antara keriting dan lurus. Dahinya lebar dan rata di atas sepasang alis yang lengkung lebat dan bertaut, sepasang matanya lebar dan hitam, di tepi-tepi putih matanya agak kemerah-merahan, tampak lebih menarik dan kuat, pandangan matanya tajam dengan bulu-mata yang hitam pekat.

Hidungnya halus dan merata dengan barisan gigi yang bercelah-celah. Jambangnya lebar, berleher panjang dan indah. Dadanya lebar dengan kedua bahu bidang. Kulitnya terang dan jernih dengan kedua telapak tangan dan kakinya tebal. Bila berjalan badannya agak condong ke depan, melangkah cepat-cepat dan pasti. Air mukanya membayangkan renungan dan penuh fikiran, pandangan matanya dengan kewibawaan, membuat orang patuh padanya.

Ringkasnya perawakan Rasulullah seperti yang berikut:

- (1) Seorang yang kacak.
- (2) Rasulullah SAW jauh lebih cantik daripada sinaran bulan, Rasulullah SAW juga seumpama matahari yang bersinar. Apabila Rasulullah SAW berasa gembira, wajahnya bercahaya seperti bulan purnama. Kali pertama memandangnya, sudah tentu akan terpesona
- (3) Wajahnya tidak bulat tetapi lebih cenderung kepada bulat. Wajahnya seperti bulan purnama.
- (4) Dahi baginda luas, raut kening tebal, terpisah di tengahnya. Urat darah kelihatan di antara dua kening dan nampak semakin jelas semasa marah.
- (5) Mata baginda hitam dengan bulu mata yang panjang. Garis-garis merah di bahagian putih mata, luas kelopaknya.
- (6) Hidungnya agak mancung.
- (7) Mulut baginda sederhana luas dan cantik.
- (8) Giginya kecil dan bercahaya, indah tersusun, renggang di bahagian depan. Apabila berkata-kata cahaya kelihatan memancar dari giginya.
- (9) Janggutnya penuh dan tebal menawan.
- (10) lehernya kecil dan panjang, terbentuk dengan cantik seperti arca. Warna lehernya putih seperti perak yang sangat indah.

- (11) Kepalanya besar tapi elok bentuknya.
- (12) Rambutnya sedikit ikal. Rambutnya tebal sehingga kadang-kala menyentuh pangkal telinga dan kadang-kala mencecah bahu namun ia disisir rapi. Rambutnya juga terbelah di tengah.
- (13) Di tubuhnya tidak banyak bulu kecuali satu garisan bulu menganjur dari dada ke pusat.
- (14) Dadanya bidang dan selaras dengan perut. Luas bidang kedua bahunya lebih daripada biasa. Kedudukan kedua-dua bahunya seimbang.
- (15) Pergelangan tangannya lebar, lebar tapak tangannya, jarinya juga besar dan tersusun dengan cantik. Tapak tangan Rasulullah SAW amat lembut.
- (16) Perut betisnya tidak lembut tetapi cantik.
- (17) Kakinya berisi, di tapak kakinya terlalu licin sehingga tidak melekat air. Terlalu sedikit daging di tumit kakinya.
- (18) Warna kulitnya tidak putih seperti kapur atau coklat tapi campuran antara coklat dan putih. Warna putihnya lebih banyak. Warna kulit Baginda putih kemerah-merahan.
- (19) Binaan badannya sempurna, tulang-temulangnya besar dan kukuh. Badannya tidak gemuk. Perutnya tidak buncit. Badannya tidak

tinggi dan tidak pula rendah, kecil tapi berukuran sederhana. Dalam kalangan orang ramai, baginda kelihatan lebih tinggi daripada mereka.

Demi nafsu, Suami rela kongsi isteri –  
Aktiviti 'group swinger' terbongkar

15

## UMPAMA UTRUJAH DAN KURMA

Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) ke-64 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur yang menampilkan 92 orang peserta dari 71 buah negara terdiri daripada 53 bagi tilawah dan 39 hafazan telah melabuhkan tirainya. Qari dan qariah Malaysia dinobatkan sebagai johan tilawah al-Quran bagi kategori masing-masing pada MTHQA ke-64 terbabit. Manakala peserta dari Niger muncul sebagai johan dalam kategori hafazan al-Quran lelaki dan wanita. Majlis tilawah al-Quran diharap dapat menyuntik semangat dan kecintaan kepada umat Islam untuk terus mendampingi al-Quran melalui pembacaan, hafazan serta mentadaburkan ayat suci al-Quran.

Hadis Nabi SAW daripada Abi Musa al-Ash'ari R.A., beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْأُتْرُجَةِ، رِيحُهَا طَيِّبٌ  
وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ، وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ  
الثَّمَرَةِ، لَا رِيحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ

**Maksud:** “Perumpamaan orang mukmin yang membaca al-Quran adalah seperti al-*utrujah*, baunya harum rasanya enak, manakala perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca al-Quran adalah seperti buah kurma, tiada bau, tetapi rasanya manis”.

(Al-Bukhari; 5059 dan Muslim; 797)

Dalam hadis ini ada dua bidalan dan perumpamaan yang boleh dijadikan renungan kepada orang yang mencari hidayah dan petunjuk Allah SWT. Bidalan tersebut ialah:

1. Bidalan orang Mukmin yang membaca al-Quran dan beramal dengan isi kandungannya.
2. Bidalan orang Mukmin yang tidak membaca al-Quran, tetapi beriman dengan isi kandungannya.

Nabi Muhammad SAW mengumpamakan golongan yang pertama iaitu orang Mukmin yang membaca al-Quran dan beramal dengan isi kandungannya dengan *al-utrujah* iaitu sejenis buah limau yang mempunyai bau yang wangi dan sedap, di samping rasanya yang enak. Hal ini menunjukkan bahawa golongan Mukmin terbabit terdiri daripada mereka yang sudah sampai tahap kesempurnaan dalam keimanan mereka yang luhur dan murni kepada Allah sama ada dari sudut zahir mahupun batin. Ini dinyatakan oleh Muhammad Ali al-Sabuni dalam *Min Kunuz al-Sunnah*, Dar al-Irshad, Beirut, hlm. 71.

Menurut al-Mubarakfuri dalam *Tuhfat al-Ahwadhi* (8/138-139), golongan mukmin yang membaca al-Quran itu diumpamakan dengan *al-utrunjah* kerana buah ini ialah buah terbaik yang memiliki saiz besar, mempunyai rupa yang cantik serta mempunyai rasa enak, kelazatannya dirasai walaupun belum menjamahnya. Begitu cantik dan indahnya mereka yang berdamping dengan al-Quran sehingga diibaratkan dengan buah yang enak dan lazat serta mempunyai bau yang amat menyelerakan yang menjadi idaman setiap manusia.

Manakala golongan kedua pula iaitu orang Mukmin yang tidak membaca al-Quran, tetapi beriman dengan isi kandungannya, Nabi SAW mengumpamakan mereka dengan buah kurma yang mempunyai rasa enak, tetapi tidak mempunyai bau. Seharusnya diketahui bahawa bau terhadap sesuatu makanan itu ialah pembuka selera kepada makanan terbabit. Seterusnya hal ini menunjukkan golongan mukmin ini terdiri daripada mereka yang suci batinnya kerana penuh keimanan laksana rasa kurma yang sedap, namun pada zahirnya tidak sedemikian kerana mereka tidak membaca ayat Allah, laksana kurma yang tidak mempunyai bau. Ini dinyatakan oleh Muhammad Ali al-Sabuni dalam *Min Kunuz al-Sunnah*, Dar al-Irshad, Beirut, hlm. 71.

Penggunaan bidalan dan perumpamaan dalam hadis ini amat berkesan kepada mereka yang mendengarnya kerana ia dapat memberikan gambaran amat menarik mengenai kedudukan orang mukmin. Perumpamaan dan kiasan dalam hadis ini dapat memaparkan keimanan secara zahir dan batin yang sukar dikenal pasti. Keimanan terbabit dijelaskan dengan baik apabila ia diumpamakan dengan sesuatu perkara yang sudah jelas dalam kalangan masyarakat Arab iaitu sejenis buah-

buah yang terdiri daripada *utrujah* (sejenis limau) dan kurma.

Melalui bidalan dan kiasan dalam hadis ini, menunjukkan bahawa betapa penting membaca al-Quran kerana fadilat dan ganjarannya amat besar sekali. Oleh itu, semua umat Islam hendaklah beristiqamah dalam membaca, menghayati serta beramal dengan isi kandungan al-Quran supaya jantung hati mereka sentiasa disinari cahaya taufik dan hidayah daripada Allah.

### **Fadilat membaca al-Quran**

Al-Quran ialah mukjizat terbesar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan panduan kepada seluruh manusia. Pengertian dan definisi al-Quran sudah disepakati oleh ulama sebagai 'kalam Allah yang mengandungi mukjizat, diturunkan dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad, ditulis dalam mushaf, dipindahkan secara mutawatir dan pembacaannya dikira sebagai ibadah. Ini sebagaimana dinyatakan oleh al-Zarqani dalam *Manahil al-'Urfan fi 'Ulum Al-Qur'an*, hlm. 19.

Al-Quran yang diwahyukan Allah adalah bertujuan untuk memberikan hidayah dan pedoman kepada umat manusia supaya dapat hidup dengan sejahtera di dunia dan di akhirat. Oleh demikian adalah tidak wajar bagi seseorang itu hanya membeli al-Quran lantas menyimpan di dalam atau atas almari tanpa dibaca dan diambil pedoman daripadanya. Ada pula hanya mengenali al-Quran pada bulan Ramadan, tetapi apabila Ramadan berlalu, maka al-Quran sudah tidak dikenali lagi. Sesungguhnya al-Quran itu apabila dibacanya

sahaja pun akan mendapat pahala dan ganjaran di sisi Allah. Nabi SAW menyatakan bahawa setiap huruf daripada al-Quran apabila dibaca, maka digandakan pahala sebanyak sepuluh pahala. Nabi juga menyatakan bahawa bukan alif, lam dan mim itu dikira sebagai satu huruf, sebaliknya alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf. Oleh itu, bagi mereka yang membaca alif, lam, mim sahaja pun akan mendapat sebanyak 30 pahala.

Daripada hadis di atas, amat jelas menunjukkan kepada kita betapa ganjaran dan pahala yang disediakan bagi orang beriman yang membaca al-Quran itu amat banyak dan mudah diperoleh. Dalam sebuah hadis Nabi bersabda:

اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

**Maksud:** *"Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan memberi syafaat kepada pembacanya pada Hari Kiamat."*

(Muslim; 804)

Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah bersabda:

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ، وَالَّذِي يَقْرَأُ

الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

**Maksud:** *"Mereka yang membaca dan mahir al-Quran, ia akan bersama para malaikat pencatat yang mulia. Mereka yang membaca al-Quran, tetapi tidak lancar bacaannya dan susah baginya untuk membaca maka untuknya dua pahala."*

(al-Bukhari; 4937 dan Muslim; 798)

## Ketenangan jiwa

Tambahan daripada itu, bagi mereka yang menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan harian, ia juga akan menghasilkan ketenangan kepada jiwa. Tiada sesuatu yang lebih membahagiakan daripada ketenangan yang dimiliki oleh jiwa. Apa gunanya harta berlimpah-ruah dan wang berjuta sekiranya hidup dalam keadaan sengsara dan gundah-gulana. Antara cara paling berkesan untuk mengingati Allah ialah dengan membaca ayat suci al-Quran. Firman Allah SWT:

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

**Maksud:** "Bukankah dengan mengingati Allah itu, hati akan menjadi tenang".

(al-Ra'd; 28)

## Ubat hati

Setiap penyakit ada ubatnya. Namun, ramai orang hanya menumpukan kepada penyakit jasmani dan fizikal sahaja, maka apabila salah satu anggota badannya sakit sama ada demam, selesema, sakit kepala, darah tinggi, kencing manis, sakit jantung atau sebagainya, maka doktor, klinik dan hospital segera dicari supaya dapat diubati penyakit yang dihadapi secepat mungkin. Tetapi, bagaimanakah cara mengubati penyakit hati? Penyakit hati lebih berbahaya daripada penyakit fizikal kerana ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi apabila ia menghinngapi seseorang, ia merebak begitu cepat sehingga boleh menghancurkan diri seseorang itu di dunia dan di akhirat kelak.

Akibat tidak memberikan perhatian kepada penyakit hati, maka begitu ramai dalam kalangan masyarakat Islam

sendiri yang mempunyai penyakit hati yang kronik seperti hasad dengki, dendam, ujub, sombong, takabbur dan sebagainya. Lalu, apakah cara paling ampuh dan berkesan bagi merawat penyakit hati? Tidak lain dan tidak bukan, cara paling berkesan merawat hati adalah dengan berdamping dengan ayat Allah melalui kitab suci al-Quran.

Tokoh sufi bernama Ibrahim al-Khawwas menyatakan bahawa ubat bagi hati itu antaranya membaca al-Quran dengan penuh penghayatan dan *tadabur*. Sehubungan itu, mari sama-sama kita membaca, meneliti serta memahami kandungan dan pengertian yang disampaikan dalam al-Quran.

## 16

### **PERBUATAN DITINGGALKAN NABI SAW TAK SEMESTINYA HARAM**

Persoalan yang sering timbul dalam masyarakat kita dewasa ini adanya segelintir anggota masyarakat yang tidak memahami dengan sebenar-benarnya persoalan bidaah. Lalu mereka menganggap segala apa jua perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan sahabat semuanya bidaah.

Akhirnya wujud dalam kalangan masyarakat yang menyatakan bahawa amalan seumpama talkin jenazah setelah dikebumikan, membaca tahlil, membaca Yasin pada malam Jumaat, berwirid secara berjemaah selepas solat fardu, membaca lafaz *usalli* atau melafazkan niat sebelum takbir, Sambutan Maulidur Rasul dan sebagainya ialah amalan bidaah yang tidak diterima di sisi Allah. Kefahaman seumpama itu ialah fahaman yang tidak benar. Sesuatu yang dianggap bidaah itu sebenarnya ialah perkara khilafiah yang ulama' berselisih pandangan terhadapnya.

Menurut istilah syarak, bidaah ialah sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan masalah agama (untuk mendekati diri kepada Allah) yang tidak ada contoh sebelumnya daripada Nabi SAW, tidak disuruh oleh

baginda untuk melakukannya, juga tidak dipersetujui dan tidak diakui oleh Nabi SAW dan tidak pernah dilakukan sahabat Rasulullah. Ini menurut Jum'at Amin Abdul Aziz dalam kitab *Fahmul Islam fi Zilal Usul al-'Isyrin lil Imam Hasan al-Banna* (1991) terbitan Dar al-Da'wah, Iskandariah, hlm. 195.

Menurut Abdul Malik Abdul Rahman al-Sa' dalam *al-Bid'ah fi al-Mafhum al-Islamiy al-Daqiq* (2008) terbitan Matba'ah al-Azhar, Jordan, hlm. 8, bidaah juga ditakrifkan sebagai mewujudkan sesuatu perbuatan atau perkataan yang tidak datang keizinan daripada syarak dalam al-Quran, sunah, ijmak atau qias dan tidak termasuk dalam kaedah serta asas umum ajaran Islam. "*Oleh itu, bidaah ialah perbuatan yang bertentangan dengan sunah kerana sunah itu petunjuk. Sedangkan bidaah ialah perbuatan yang dilakukan tanpa landasan wahyu (al-Quran) atau sunah Nabi SAW dan ijmak ulama.*"

Oleh itu, apabila berlaku sesuatu perkara atau amalan, hendaklah dilihat sama ada amalan tersebut ada dalam al-Quran, sunah, ijmak atau qias. Sekiranya tidak ada, hendaklah dilihat pula sama ada amalan itu menepati kaedah umum ajaran Islam atau tidak. Sekiranya amalan itu termasuk dalam kaedah umum Islam, ia tidak dinamakan bidaah. Jika sebaliknya, iaitu amalan yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam, barulah dianggap bidaah. Persoalannya, adakah setiap amalan atau ibadah yang tidak dilakukan oleh Rasulullah terus dianggap bidaah?

Sesuatu yang perlu difahami juga dalam persoalan bidaah ini adalah ibadah yang dilakukan oleh Nabi SAW boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

1. Amalan Nabi SAW yang dikaitkan (dikhususkan) dengan masa, tempat, bilangan tertentu dan sebagainya seperti bilangan rakaat solat, waktu solat, hari yang diwajibkan berpuasa, cara ibadah haji dan sebagainya. Amalan seumpama ini hendaklah dilaksanakan tanpa menambah atau mengurang kadar yang telah ditetapkan. Sekiranya sengaja menambah bilangan rakaat solat Maghrib umpamanya daripada tiga rakaat kepada empat rakaat maka inilah amalan yang dikatakan sebagai bidaah.
2. Adapun, amalan Nabi SAW atau apa yang datang daripadanya dalam bentuk suruhan, galakan, wasiat dan sebagainya yang tidak dikaitkan (dikhususkan) dengan waktu tertentu untuk melakukannya serta tidak pula ada larangan baginda terhadap waktu tertentu untuk melakukannya dengan itu umat Islam bebas memilih waktu disukai untuk melaksanakan amalan tersebut.

Syaratnya, tidak menyandarkan kepada Rasulullah dengan mengatakan baginda menyuruh melakukan amalan tersebut pada waktu yang dilakukan itu. Bahkan amalan itu boleh dilakukan berasaskan bahawa ia sesuatu yang termasuk dalam dasar ajaran Islam.

### **Ilmu elak bidaah**

Imam Hasan al-Banna mengkategorikan bidaah itu kepada dua iaitu:

1. **Bidaah hakiki yang wajib diperangi**

Contoh bidaah dalam kategori pertama iaitu yang wajib diperangi tidak menggunakan hukum dan perundangan diturunkan oleh Allah, menyambut perayaan yang mempunyai kaitan dengan agama selain Islam, adat dan budaya haram yang divedok dari Barat seperti pergaulan bebas, tidak menutup aurat dan sebagainya.

2. **Bidaah yang termasuk dalam khilaf dalam kalangan ulama**

Adapun bidaah kategori ini yang menjadi perselisihan dalam kalangan ulama adalah berselawat kepada Nabi SAW secara kuat selepas azan, membaca surah al-Kahfi dengan suara yang kuat oleh seorang qari di masjid sebelum didirikan solat Jumaat, membaca ayat al-Quran atau zikir tertentu dengan bilangan yang ditetapkan seperti 100 dan 1,000; menyambut ulang tahun keputeraan Rasulullah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, bidaah kategori pertama sahaja yang diharamkan manakala bidaah kategori kedua bukanlah bidaah hakiki yang diharamkan. Kekeliruan timbul dalam kalangan masyarakat tentang bidaah ini ekoran kefahaman seolah-olah segala apa yang tidak dilakukan oleh Rasulullah menjadi suatu orang bidaah apabila dilakukan. Sedangkan sesuatu yang sedia dimaklumi secara darurat bahawa nabi tidak melakukan semua perkara yang diharuskan kerana perkara yang harus terlalu banyak.

“Oleh itu, sesiapa yang mendakwa pengharaman sesuatu atau mengaitkan dengan bidaah dengan alasan nabi tidak melakukannya, bererti dia telah membuat dakwaan yang salah.” Terdapat kaedah usul fiqh yang menyebut: “Rasulullah meninggalkan sesuatu bukan bererti mengharamkannya.”

Begitu juga sesuatu yang dimaklumi secara *darurah* bahawa Nabi SAW tidak mengerjakan semua amalan yang sunat. Hal ini kerana kesibukan baginda melakukan perkara dan urusan lain yang lebih penting dan besar seperti menyampaikan dakwah, berdebat dengan golongan Musyrikin dan ahli kitab, berjihad menentang musuh Islam demi memelihara kesucian agama Islam, mengasaskan sebuah kerajaan Islam dan sebagainya. Namun, Rasulullah menggariskan nas syarak yang umum meliputi segala hal yang disunatkan.

### ISTIQAMAH BELA PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN

Konflik yang berpanjangan di antara Palestin dan negara haram Israel adalah berpunca daripada kezaliman dan kekejaman rejim Zionis Israel yang tidak pernah berhenti bertindak merampas hak dan kedaulatan rakyat dan negara Palestin. Israel bertambah angkuh apabila mereka disokong oleh kuasa besar dunia dalam melangsungkan kezaliman dan kekejaman yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh mereka saban hari dan waktu. Sehubungan dengan itu, atas asas persaudaraan, umat Islam wajib beristiqamah menolong, membantu serta membela saudara seakidah yang dijajah, diperangi dan dizalimi serta dinafikan hak mereka oleh rejim Zionis Israel. Firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ  
الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ  
عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

**Maksud:** "Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah daripada yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(al-Taubah; 71)

Imam al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Quran* menyatakan bahawa ayat al-Quran ini memberikan panduan kepada umat Islam bahawa hati mereka adalah satu dari sudut berkasih sayang dalam kalangan orang yang beriman. Mereka sanggup berkorban dan memberikan pertolongan dalam apa jua situasi dan keadaan sama ada ketika susah mahupun senang. Dalam ayat yang lain, Allah SWT menggambarkan memberikan pertolongan kepada sesama Muslim ialah petunjuk kepada benarnya iman seseorang kepada Allah dan mempunyai tanda kesempurnaan sebagai seorang Muslim. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوَأُوا وَنَصَرُوا أُولَٰئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِّنْ وَلِيَّتِهِم مِّنْ شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ التَّصَرُّ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَاقٌ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

**Maksud:** *"Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwanya pada jalan Allah dan orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang muhajirin), mereka itu satu sama lain lindung-melindungi. Dan (terhadap) orang yang beriman, tetapi belum berhijrah, maka tidak ada kewajiban sedikit pun atasmu melindungi mereka, sebelum mereka berhijrah. (Akan tetapi) jika mereka meminta pertolongan kepadamu dalam (urusan pembelaan) agama, maka kamu wajib memberikan pertolongan kecuali terhadap kaum yang telah ada perjanjian antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."*

(al-Anfal; 72)

Apabila disoroti lipatan sejarah, didapati selama ini Palestin yang berada di bawah pemerintahan Islam, rakyatnya hidup dalam suasana aman damai. Namun, keadaan aman damai bertukar menjadi pergolakan yang berpanjangan dan tiada berkesudahan apabila Yahudi mulai menapak dan merampas tanah di Palestin. Mereka bukan sahaja merampas hak rakyat Palestin dengan merompak tanah, rumah, kebun dan sebagainya, bahkan mereka tanpa segan dan silu telah mengisytiharkan kependudukan haram mereka sebagai sesuatu yang sah dan dengan angkuhnya menubuhkan negara bagi Israel pada 15 Mei 1948.

Sejak sekian lama Palestin menjadi sebahagian daripada dunia Islam. Ia berikutan Pembukaan Baitul Maqdis yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar al-Khattab RA pada tahun ke-16 hijrah bersamaan tahun 637 Masihi daripada penguasaan empayar Rom. Orang Islam sejak menerima

kunci pembukaan al-Quds semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab lagi, telah menunaikan amanah penjagaannya dengan begitu baik sekali. Orang Islam ketika berkuasa terhadap al-Quds telah memberikan kebebasan kepada penganut agama lain untuk melaksanakan upacara ibadat mereka tanpa sebarang halangan. Keadilan Islam itu dapat dilihat dengan jelas apabila gereja yang dibina oleh orang Kristian tidak terusik.

Namun keadaan sekarang ini amat berbeza, apabila Yahudi dengan sikap kejamnya bukan sekadar membunuh ribuan jiwa tidak berdosa yang terdiri daripada kanak-kanak, wanita dan orang tua, bahkan mereka juga sengaja menghancurkan masjid, gereja, hospital, sekolah, universiti, rumah dan sebagainya. Ramai daripada para sahabat dan tabiin tinggal di Palestin dan mereka menjadikan Palestin sebagai pusat perkembangan tamadun Islam. Justeru, Palestin berkembang pesat dengan pembinaan sekolah, masjid, hospital, pasar dan sebagainya. Palestin telah menjadi tumpuan para ulama dari segenap ceruk rantau sehinggalah al-Quds menjadi terkenal sebagai pusat ilmu dan ulama.

Bumi Baitul Maqdis ini terus dipelihara oleh pemerintah Islam manakala ulama pula mengambil inisiatif untuk terus mengekalkan peradaban Islamnya. Mereka sangat mengambil berat dengan bumi suci ini lebih daripada penjagaan terhadap diri mereka sendiri. Sultan Abdul Hamid telah membuat kenyataan dengan katanya: *"Sesungguhnya setiap inci bumi Palestin telah diperoleh dengan pengorbanan darah datuk nenek kita, oleh itu kita tidak boleh mempersia-siakan walau seinci dari bumi ini..."* dan katanya lagi: *"Kita tidak sekali-kali*

*akan membenarkan Palestin yang telah dibuka dengan darah datuk nenek kita menjadi Negara Yahudi..."*

Justeru, Sultan Abdul Hamid telah berusaha dengan sedaya upaya menjaga dan memelihara Baitul Maqdis daripada ketamakan Yahudi. Sultan Abdul Hamid bertindak dengan mengeluarkan arahan supaya melarang golongan Yahudi membina penempatan mereka di Palestin. Dalam usaha memelihara Palestin daripada dicerobohi, baginda memisahkan Baitul Maqdis daripada pentadbiran Syria dengan memindahkannya kepada pentadbiran *Khilafah Islamiah* dengan secara langsung.

Sejak detik itu, bermulalah usaha menjatuhkan *Khilafah Uthmaniah*. Musuh-musuh Islam berusaha menempatkan Yahudi di Palestin agar *Khilafah Uthmaniah* dapat ditewaskan dengan mudah. Manakala orang Inggeris yang diketuai oleh Lawrence pula berusaha sedaya upaya meniupkan semangat perkauman kepada orang-orang Arab demi menjatuhkan *Khilafah Uthmaniah* di Turki. Lawrence berkata: "*Matlamat kita yang utama ialah menghancurkan kesatuan Islam lantas memusnahkan empayar Islam Uthmaniah.*" Katanya lagi: "*Sekiranya kita mampu mempengaruhi orang Arab untuk berusaha mengembalikan hak-hak mereka daripada orang Turki, maka sudah pasti kita akan dapat menewaskan Islam untuk selama-lamanya, bahkan kita berupaya memastikan agar orang Islam bercakaran sesama sendiri hingga gugurlah daripada mereka kuasa khilafah bagi orang Islam di Turki. Sekiranya perkara ini terjadi, kita tidak akan takut dan terancam dengan Islam buat selama-lamanya.*"

Apabila teretusnya Perang Dunia Pertama pada 1914, Inggeris dan Yahudi telah bersekongkol menentang *Khilafah Uthmaniah*. Kesan daripada peperangan ini ialah tewasnya *Daulah Uthmaniah*. Dengan kekalahan itu, Palestin menjadi milik Britain, lalu Britain menyerahkan Palestin kepada Yahudi pada November 1917. Dengan ini bermulalah penempatan dan penguasaan Yahudi terhadap negara Palestin dan bilangan orang Yahudi yang mendiami Palestin telah bertambah dari semasa ke semasa. Lalu, Yahudi telah mengisytiharkan dengan rasminya kependudukan mereka di Palestin sebagai sebuah negara pada 1948.

Pada 1967, Yahudi bertindak menguasai kawasan Palestin yang belum dikuasai oleh mereka. Dalam usaha ini, Yahudi menggunakan kekuatan tenteranya. Walaupun perjanjian persepadan telah dimeterai selepas perang Arab-Israel pada 1967, namun perjanjian tersebut tidak dipatuhi oleh Israel. Mereka terus menjajah dan merampas tanah, rumah dan harta benda yang telah dimiliki oleh penduduk Palestin sejak ratusan tahun lalu. Rampasan tanah milik rakyat Palestin terus dilakukan secara rakus dan zalim oleh Zionis Israel bagi membina penempatan haram Yahudi. Hakikatnya, Tindakan zalim rejim Zionis itu adalah sebahagian daripada agenda mereka untuk melenyapkan negara Palestin dari peta dunia.

Maka dari sinilah, datangnya fatwa daripada ulama Islam yang menghalang pengunduran umat Islam dari mana-mana bahagian dari bumi Palestin. Ini kerana tanah Palestin melibatkan akidah dan agama umat Islam yang tidak seharusnya sesiapa pun mengabaikan bumi suci yang dipelihara sejak sekian lama. Justeru, menjadi kewajipan umat Islam untuk beristiqamah

mempertahankan dan membela rakyat Palestin dan negara Palestin daripada cengkaman dan kezaliman Zionis Israel.



### JANGAN ALPA DAN ABAI SOLAT DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Pada zaman ini terdapat ramai umat Islam yang tidak mengambil endah dan tidak memberi perhatian terhadap ibadah solat, sedangkan solat ialah suatu ibadat yang terpenting dan disepakati oleh seluruh ulama bahawa selepas iman, solat amalan yang lebih afdal daripada seluruh ibadat fardu yang lain. Solat juga ialah amalan yang pertama sekali akan disoal pada hari kiamat. Justeru, ajaran agama yang paling penting untuk dipelajari dan diajarkan kepada orang lain ialah solat. Hal itu antara lain pernah ditegaskan oleh junjungan kita, Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadis sahih:

أَتَانِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ فِي أَوَّلِ مَا نَزَلَ عَلَيَّ فَعَلَّمَنِي الْوُضُوءَ  
وَالصَّلَاةَ

**Maksud:** "Aku didatangi Jibril AS pada awal-awal turunnya wahyu kepada ku. Dia mengajarku wuduk dan solat."

(Ahmad; 3855)

Ajaran Islam meletakkan solat itu sebagai tiang agama. Ini bermakna jika tiang tidak didirikan, maka seolah-olah

meruntuhkan agama. Oleh itu, sekiranya banyak amalan lain yang dilakukan, tetapi tetap tidak mengerjakan solat maka ia umpama mendirikan rumah dengan bumbung, dinding dan sebagainya, tetapi tidak didirikan tiang pada rumah tersebut. Natiujahnya, rumah itu akan roboh.

Sehubungan dengan itu, sesiapa yang mendirikan solat, maka ia mendirikan agama dan sesiapa yang meninggalkan solat, maka ia meruntuhkan agama! Solat sebagai perkara asas dalam Islam, ia ibarat tiang bagi agama dan ia juga anak kunci untuk memperoleh syurga Allah. Ia rukun kedua daripada rukun Islam yang lima.

Ini jelas sebagaimana diriwayatkan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadisnya:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا  
رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ،  
وَحَجِّ الْبَيْتِ لِمَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

**Maksud:** "Agama Islam itu terbina di atas lima asas, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat, berpuasa pada Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan ibadah haji bagi orang yang mempunyai kemampuan."

(al-Bukhari; 8 dan Muslim; 16)

Justeru, perkara pertama yang akan dihitung di akhirat ialah solat. Solat mempunyai kedudukan yang amat tinggi di dalam Islam. Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya '*al-Ibadah fi al-Islam*', antara tanda yang menunjukkan kedudukan solat itu tinggi ialah ia telah

difardukan di langit berbeza dengan ibadah lain yang difardukan di bumi.

Rasulullah SAW dijemput oleh Allah untuk menerima kefarduan solat dalam peristiwa Israk Mikraj. Sehubungan itu, ulama menyatakan bahawa meninggalkan solat boleh membawa kepada kufur sekiranya ingkar terhadap kefarduan solat. Akan tetapi sekiranya meninggalkan solat kerana malas, maka seseorang itu menjadi fasik.

Solat umpama sebuah rumah yang pasti roboh tanpa tiang. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya (sempadan) antara seseorang dengan syirik dan kekufuran ialah meninggalkan solat."* Solat bukan hanya lambang 'ubudiyah (perhambaan) seorang manusia terhadap Penciptanya, malah falsafahnya amat luas seluas kebaikan yang dijanjikan oleh Allah SWT terhadap orang yang mengambil berat terhadap ibadat besar ini.

Atas dasar itulah, maka setiap orang yang baru memeluk Islam atau bagi Muslim yang sudah akil baligh wajib menunaikan solat. Mereka hendaklah mengetahui ajaran solat sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW yang juga diikuti oleh sahabat baginda. Rasulullah SAW berpesan:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

**Maksud:** *"Tunaikanlah solat sebagaimana kamu melihat aku solat."*

(al-Bukhari; 631)

Allah SWT mencipta dan memberi peluang kita hidup di dunia ini. Allah SWT juga memilih kita menjadi manusia

ialah makhluknya yang paling sempurna. Bayangkan jika kita dilahirkan sebagai haiwan! Sebagai tanda tunduk dan bersyukur kepada Allah SWT, kita hendaklah menunaikan segala perintah-Nya. Antaranya ialah solat lima kali sehari semalam. Muslim yang mengerjakan ibadat solat ialah seorang hamba Allah SWT yang baik dan soleh. Sebaliknya mereka yang enggan solat bermakna mengingkari perintah Allah SWT yang menjadikan mereka. Sudah tentu sikap mereka itu biadab dan tidak wajar.

# Usah taasub ramalan hari kiamat, Muslim kena istiqamah beramal

19

## AZAB PEDIH BUAT 'TEMAN SETIA' BANGSA DIMURKAI ALLAH

Firman Allah SWT:

كَمَثَلِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَرِيبًا ذَاتُوا وَيَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ  
أَلِيمٌ ﴿١٥﴾

**Maksud:** (Keadaan kaum Yahudi itu) samalah seperti orang (daripada suku Yahudi) yang terdahulu sedikit daripada mereka yang telah merasai akibat yang buruk (di dunia) disebabkan bauan kufur mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya (pada hari akhirat kelak).

(al-Hashr; 15)

Dalam ayat ini, Allah SWT mendatangkan kiasan bagi golongan Yahudi dan orang munafik dengan mengingatkan mereka bahawa mereka tentu mendapat keburukan akibat kekufuran mereka serta mendapat kehinaan di dunia serta azab sengsara di akhirat kelak. Orang Yahudi dan munafik yang akan ditimpa kesengsaraan itu umpama musyrikin Quraisy yang tewas dan gugur dalam Peperangan Badar atau umpama orang Yahudi Bani *Qaynuqa'* yang dihalau daripada *al-Madinah al-Munawwarah*. Ini sebagaimana yang dinyatakan

dalam *Tafsir Abu Su'ud*. Orang kafir Quraisy itu merasai akibat buruk kekufuran mereka atas dunia ini dengan kegagalan mereka dalam Peperangan Badar yang berlaku enam bulan sebelum Peperangan Bani *al-Nadhir* sebagaimana disebut oleh al-Shawkani dalam *al-Fath al-Qadir*. Begitulah keadaan orang Yahudi dan orang munafik yang kufur kepada Allah SWT. Mereka akan ditimpa keburukan dan kehinaan atas dunia ini.

Di akhirat pula, Allah SWT menjanjikan azab neraka yang pedih untuk mereka. Penggunaan kiasan dalam ayat ini bertujuan menggambarkan kesesatan dan penyesalan bakal dihadapi golongan Yahudi dan munafik. Oleh yang demikian, umat Islam perlu ambil pengajaran dan iktibar agar tidak terjebak dalam mengikuti jejak langkah Yahudi. Sekiranya umat Islam menjalin kasih sayang dan kerjasama dengan Yahudi, bermakna mereka akan terjebak dalam kesesatan dan penyesalan berpanjangan. Bukan itu sahaja, malahan kesengsaraan menanti di akhirat.

### **Penguasaan Yahudi masa kini**

Penguasaan Yahudi terhadap Baitul Maqdis serta penguasaan mereka ke atas masjid di sana terutama Masjid al-Aqsa ialah suatu kezaliman yang nyata. Oleh itu, menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam untuk berusaha bersungguh-sungguh demi menyelamatkan Al-Quds dan masjid di dalamnya. Bahkan, menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam membebaskan Palestin keseluruhannya daripada cengkaman Yahudi. Hukum syariat Islam menyatakan jika musuh berusaha mendapatkan serta menguasai bumi umat Islam, maka umat Islam di situ wajib berjihad mempertahankan tanah air mereka. Jika penduduk di situ tidak mampu, maka

menjadi kewajiban kepada seluruh umat Islam berjihad membebaskan bumi umat Islam tersebut.

### **Hukum bekerjasama dengan Israel**

Sekiranya seseorang Muslim itu menziarahi atau berurusan dengan Israel sedangkan mereka masih memerangi umat Islam, maka beliau boleh dikategorikan sebagai seorang yang ada ciri munafik. Alasannya jika seseorang itu Muslim sejati, sudah tentu beliau beriltizam dengan hukum Islam yang menghendaki agar memberi *wala'* dan ketaatan kepada Allah, Rasul dan orang beriman. Seseorang Muslim dianggap bekerjasama dengan Israel jika mereka berjual beli makanan, alat senjata serta memperdagangkan barang Israel di negara umat Islam. Jelasnya, perbuatan ini menggalakkan aktiviti ekonomi Israel dan memberi kekuatan kepada mereka untuk terus menguasai bumi umat Islam dengan cara zalim. Sesungguhnya seseorang Muslim yang berurusan dengan Israel dianggap pengkhianat kepada Allah, Rasul-Nya serta orang beriman. Jika bekerjasama dengan Israel yang memerangi Islam, tidak syak lagi itulah suatu pengkhianatan terhadap agama. Inilah dinamakan munafik dalam agama.

Perbuatan *nifak* (munafik) serta mengkhianati Allah, Rasul dan orang beriman adalah sebesar-besar jenayah dan dosa. Kerjasama dilakukan individu Muslim dengan negara Israel seperti menyeludup makanan dan senjata serta menjual barang Israel di negara Arab dan negara umat Islam lain ialah jenayah dan pengkhianatan yang amat besar. Ia kerana individu berkenaan boleh dikatakan terlibat dengan perisikan yang bertujuan menghancurkan Islam. Unit perisikan Israel sudah tentu bekerjasama dengan individu Muslim tertentu untuk

mengetahui kekuatan tentera Islam seperti bilangan anggota tentera, kubu pertahanan dan sebagainya.

Pertolongan itu membolehkan mereka menguasai bumi dirampas daripada tangan umat Islam. Sedangkan bumi itu yang dipertahankan umat Islam sehingga menumpahkan darah mereka. Bumi suci umat Islam ini disebut Allah SWT dalam al-Quran dan disebut Rasulullah SAW dalam hadis baginda. Firman Allah SWT:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى  
الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ  
هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٠١﴾

**Maksud:** "Maha Suci Allah yang memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian tanda (Kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(al-Isra'; 1)

### Menjadi teman setia Yahudi

Telah dinyatakan sebelum ini segala unsur kerjasama dengan Israel seperti penyeludupan barang dan berniaga barangan Israel di negara umat Islam menunjukkan jalinan kasih sayang dan tolong-menolong antara individu Islam tertentu dengan Israel. Perkara ini jelas dilarang Allah dalam al-Quran. Allah menjelaskan individu Muslim yang melakukannya akan menyebabkan gugurnya iman. Contohnya firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ  
تُلْفُونَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ

**Maksud:** "Wahai orang beriman, janganlah kamu mengambil musuhku dan musuhmu menjadi teman setia yang kamu sampaikan kepada mereka (berita tentang Muhammad) kerana rasa kasih sayang dengan mereka."

(al-Mumtahanah; 1)

Ayat al-Quran ini menunjukkan apabila seseorang menjadi teman musuh Islam, ia menafikan keikhlasan dan keredaan Allah. Begitu juga firman Allah dalam surah yang sama:

إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم  
مِّن دِيَارِكُمْ وَظَهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوْهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ  
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

**Maksud:** "Sesungguhnya Allah melarang kamu menjadikan sebagai temanmu orang yang memerangi kamu kerana agama serta mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan sesiapa yang menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang yang zalim."

(al-Mumtahanah; 9)

Firman Allah lagi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ

**Maksud:** "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu jadikan penolongmu kaum yang dimurkai Allah."

(al-Mumtahanah; 13)

Seterusnya terdapat ayat yang khusus ditujukan kepada golongan Yahudi sebagaimana diterangkan sebahagian ahli tafsir yang mentafsirkan surah al-Fatihah ayat 7 iaitu mereka golongan dimurkai Allah. Ayat itu bermaksud: "...bukanlah golongan yang Engkau murkai (Yahudi)...."

Begitu juga terdapat ayat al-Quran yang secara jelas menyatakan bahawa sesiapa yang mengambil mereka sebagai pemimpin, maka akan termasuklah dalam golongan mereka seperti firman Allah:

وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَاِنَّهُ مِنْهُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ  
الظّٰلِمِيْنَ ﴿٥١﴾

**Maksud:** "Sesiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka."

(al-Maidah; 51)

Ayat ini menunjukkan sesiapa yang menjadi teman setia serta memberi ketaatan kepada Yahudi, maka dia termasuk dalam golongan mereka. Firman Allah SWT lagi:

اَلَمْ تَرَ اِلَى الَّذِيْنَ تَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللّٰهُ عَلَيْهِمْ مَا هُمْ مِنْكُمْ  
وَلَا مِنْهُمْ وَيَخْلِفُوْنَ عَلَى الْكُذِبِ وَهُمْ يَعْلَمُوْنَ ﴿١٤﴾ اَعَدَّ اللّٰهُ  
لَهُمْ عَذَابًا شَدِيْدًا ۗ اِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوْا يَعْمَلُوْنَ ﴿١٥﴾

**Maksud:** *"Tidakkah kamu perhatikan orang yang menjadikan suatu kaum yang dimurkai Allah sebagai teman? Orang itu bukan daripada golongan kamu dan bukan (pula) daripada golongan mereka. Dan mereka bersumpah untuk menguatkan kebohongan sedang mereka mengetahui. Allah telah menyediakan bagi mereka azab yang sangat keras, sesungguhnya amat buruklah apa yang mereka kerjakan."*

(al-Mujadilah; 14-15)

Jelasnya, ayat al-Quran menyatakan mereka yang menjadi teman setia kepada Yahudi (yang telah merampas bumi umat Islam), mereka itu jauh daripada keimanan dan keislaman. Apatah lagi di akhirat kelak, mereka akan ditimpakan azab yang pedih sebagaimana ditimpakan ke atas orang munafik. Manakala di dunia ini, mereka tidak akan hidup tenang dan tenteram, sebaliknya sentiasa mengundang bala dan musibah dari Allah. Di dunia mereka sengsara, apatah lagi di akhirat kesengsaraan yang abadi menjadi teman setia mereka.

Wakaf itu amanah, bukan harta warisan

# WAKAF ITU AMANAH, BUKAN HARTA WARISAN

20

## **MALANG AMALAN KEBAJIKAN HILANG GANTI HUTANG ATAS DUNIA**

Pada hari ini, kebanyakan kita terbabit dengan hutang. Kebiasaannya kita membeli kenderaan dan rumah secara hutang dengan bank dan syarikat kewangan. Amat sedikit dalam kalangan kita yang mampu membeli semua itu secara tunai. Malah ada yang membeli kelengkapan rumah secara berhutang atau secara ansuran. Bagi masyarakat bandar pula kad kredit adalah umpama kad ajaib untuk mereka membeli keperluan harian mereka dengan berhutang. Pendek kata, amalan berhutang sudah menjadi budaya biasa dalam kalangan hampir seluruh penduduk Malaysia. Mungkin dalam kalangan mereka itu peniaga yang paling banyak berhutang. Mereka berhutang untuk memulakan perniagaan atau membesarkannya.

Hal ini mungkin tidak dapat dielakkan lagi oleh kebanyakan peniaga kerana tidak memiliki wang simpanan yang dapat memenuhi keperluan perniagaan mereka. Mereka terpaksa menagih hutang dengan institusi kewangan, malah ramai juga yang menjadikan saudara-mara serta sahabat handai sebagai tempat untuk mereka berhutang.

## Hutang wajib dibayar

Satu hal yang amat penting apabila berhutang ialah membayar hutang. Ramai dalam kalangan kita yang pandai berhutang, tetapi tidak pandai membayar atau melengahkan pembayaran hutang. Dalam Islam, hutang dianggap sebagai satu amanah yang wajib dilaksanakan apabila sampai tempoh dijanjikan. Islam menganggap hutang itu sebagai beban yang menjadi amanah untuk diselesaikan dan dilunaskan. Bayangkan jika seseorang yang berhutang itu meninggal dunia, maka dia akan dipertanggungjawabkan ke atas hutang yang belum dilunaskannya.

Jika dia mempunyai harta pusaka, maka hendaklah diselesaikan bahagian hutangnya terlebih dahulu sebelum bahagikan faraid kepada warisnya. Begitu berat tanggungan orang yang berhutang. Oleh itu, Islam menasihatkan umatnya menghindarkan diri daripada berhutang kecuali kerana sangat-sangat memerlukan. Jika pun terpaksa berhutang, hendaklah dengan niat dan azam untuk membayar hutang berkenaan. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَخَذَ  
يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ

**Maksud:** "Sesiapa mengambil harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan mempermudah niatnya itu untuk membayar hutang. Akan tetapi sesiapa mengambilnya dengan niat akan membinasakannya (dengan tidak membayar hutang) maka Allah akan membinasakannya.

(al-Bukhari; 2387).

Orang yang tidak membayar hutang akan menjejaskan amalannya apabila ditagih hutang terbabit selepas kematiannya. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ لَيْسَ عِنْدَهُ قِضَاؤُهُ قُضِيَ عَنْهُ مِنْ  
حَسَنَاتِهِ

**Maksud:** "Sesiapa yang mati sedangkan dia berhutang (dalam bentuk dinar atau dirham), maka akan dilunasinya daripada kebajikannya (pahalanya sehingga habis nilai dinar dan dirham tersebut)."

(Ibnu Majah; 2414)

Amat malang bagi orang yang tidak membayar hutang kerana segala amalan kebajikannya akan hilang untuk menggantikan hutang dilakukan ketika atas dunia. Malah dalam riwayat lain, Rasulullah SAW menyatakan bahawa jiwa orang yang berhutang akan tergantung sehingga dilunasi hutangnya itu.

### **Melengahkan pembayaran hutang ialah satu kezaliman**

Walaupun seseorang itu ada niat untuk membayar hutang, namun dia tetap bersalah jika melengahkan. Sabda Rasulullah SAW:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

**Maksud:** "Perbuatan melengah-lengahkan pembayaran hutang oleh (atau kepada) seorang yang kaya adalah satu kezaliman."

(al-Bukhari; 2287 dan Muslim; 1526)

Ibnu Hajar mentafsirkan maksud (orang kaya) dalam hadis dengan dua andaian. Jika (orang kaya) di sini bermaksud orang yang berhutang, maka maksudnya menjadi perbuatan orang kaya yang melengahkan pembayaran hutang ialah satu kezaliman. Jika (orang kaya) di sini bermaksud orang yang dibayar hutang atau yang memberi hutang, maka maksudnya menjadi perbuatan melengahkan pembayaran hutang kepada orang kaya ialah satu kezaliman.

Berdasarkan tafsiran kedua ini bermakna jika melewati pembayaran hutang kepada orang yang kaya ialah satu kezaliman maka melewati pembayaran hutang kepada orang yang tidak kaya adalah lebih buruk daripada itu.

# TIADA ISTILAH MELANGGAR ADAT

21

## KENALI PERAWAKAN RASULULLAH SAW

Saban tahun majlis sambutan maulidur rasul biasanya akan disambut dengan begitu meriah dengan selawat ke atas nabi secara beramai-ramai, majlis berzanji, mengadakan jamuan makan dan sebagainya. Namun, secara sedar atau pun tidak, di sebalik kehangatan sambutan tersebut, berapa ramaikah yang benar-benar mengenali Rasulullah? Berapa ramaikah juga yang memahami isi kandungan berzanji yang dialunkan dengan begitu merdu yang menceritakan tentang kehidupan nabi? Sedangkan umat Islam mengetahui bahawa dengan kelahiran Rasulullah, ia membawa jutaan rahmat kepada umat manusia keseluruhannya. Allah SWT berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

**Maksud:** "Tidak Kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk memberi rahmat kepada sekalian alam."

(al- Anbiya': 107)

Sesuatu yang tidak diragukan lagi bahawa Rasulullah SAW telah diutus untuk memimpin ummah. Baginda merupakan contoh terbaik yang bersifat universal iaitu

keseluruhan hidup junjungan dapat dijadikan ikutan dan contoh di sepanjang zaman. Allah SWT berfirman:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

**Maksud:** "Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah itu menjadi contoh yang paling baik untuk (menjadi ikutan) kamu."

(al- Ahzab: 21)

Rasulullah SAW ialah pemimpin ummah yang boleh diikuti dan dicontohi dalam segenap kehidupan, peribadi yang luhur dan murni, seorang manusia yang sentiasa menyeru kepada jalan Allah dengan penuh hikmah, seorang ketua negara yang mengemudi bahtera pemerintahan dengan amanah dan cekap, seorang suami mithali, seorang bapa yang bijak menyempurnakan tanggungjawab terhadap anak, seorang sahabat yang setia, seorang jiran yang memahami jirannya dan lain-lain lagi. Jelasnya, kepemimpinan Rasulullah terserlah dalam seluruh kehidupan baginda.

Di samping memiliki akhlak dan keperibadian yang tinggi, Rasulullah SAW juga merupakan insan yang mempunyai perawakan yang menarik dan cantik. Walaupun rupa paras bukan menjadi tuntutan untuk diikuti dan diteladani kerana ia merupakan anugerah Allah SWT secara khusus kepada setiap makhluk-Nya, namun apabila dapat mengenali perawakan seseorang, maka akan bertambah rasa kasih dan dekat padanya. Justeru, pepatah Melayu telah menyatakan 'Tak kenal, maka tak cinta.'

Mengenali perawakan Rasulullah juga akan menghindarkan diri daripada tertipu dengan mainan dan

tipu daya syaitan. Pernahkah kita mendengar ada orang berkata bahawa dia bermimpi bertemu Rasulullah? Memang bermimpi bertemu dengan Rasulullah merupakan sesuatu yang istimewa. Menurut para ulama, terdapat tiga kategori mimpi.

Bermimpi bertemu Rasulullah termasuk dalam kategori yang pertama iaitu mimpi baik daripada Allah. Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ رَأَى فِي الْمَنَامِ فَقَدْ رَأَى، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَتَمَثَّلُ فِي

صُورَتِي

**Maksud:** "Sesiapa yang melihatku di dalam mimpi, maka sesungguhnya benarlah dia melihat diriku kerana syaitan tidak dapat menyerupaku."

(al-Bukhari: 110)

Namun, sesuatu yang harus diberi perhatian ialah walaupun syaitan tidak boleh menyerupai Rasulullah, tetapi ia boleh menyerupai manusia lain seperti Abu Jahal, Abu Lahab dan sebagainya dan mendakwa sebagai Rasulullah. Justeru, untuk mengatasi masalah ditipu dan diperdaya syaitan, umat Islam perlu mengenali perawakan dan rupa bentuk Rasulullah SAW.

Imam Abu 'Isa Muhammad Ibn Isa al-Tirmidhi telah menyatakan bahawa adalah di luar kemampuan manusia untuk melukis gambaran mengenai rupa bentuk Rasulullah SAW. Namun begitu, para sahabat yang amat kasih dan cinta kepada Rasulullah telah sedaya upaya menggambarkan kepada kita tentang perawakan Rasulullah SAW. Imam al-Qurtubi menyatakan bahawa keseluruhan kekacakan Rasulullah tidaklah dizahirkan,

sekiranya dizahirkan manusia tidak dapat menoleh sedikit pandangan pun ke arah baginda.

Telah dinyatakan dalam kitab al-Syifa Bitar'if Huquq al-Mustafa oleh al-Qadi 'Iyad al-Andalusi bahawa terdapat hadis-hadis dan athar-athar sahih yang banyak didatangkan oleh para sahabat tentang perawakan nabi SAW. Antara sahabat yang menceritakan tentang rupa bentuk Rasulullah ialah Ali Bin Abu Talib, Anas Bin Malik, Abu Hurairah, al-Barra' Bin 'Azib, Aisyah Ummul mukminin, Ibnu Abbas, Abu Tufail dan lain-lain. Antara gambaran Rasulullah yang dinyatakan oleh para sahabat ialah kulitnya putih, mata cantik, rambut lebat, wajah bersinar, bulu kening halus memanjang hingga ke penghujung mata, hidung mancung, janggut tebal hingga ke dada, dada yang bidang, sederhana tinggi iaitu tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah, apabila bercakap seolah-olah cahaya keluar dari gigi baginda dan lain-lain lagi. (Rujuk kitab al-Syifa oleh al-Qadi 'Iyad, 1986, cetakan Dar al-Faiha', Amman, juzuk 1 halaman 147-149).

Al-Barra' bin 'Azib berkata bahawa beliau tidak pernah melihat sesiapa yang terlebih tampan daripada Rasulullah SAW. Jabir meriwayatkan bahawa pada suatu ketika semasa malam bulan purnama terang-benderang, beliau melihat kepada wajah Rasulullah dan juga melihat ke arah bulan, dan mengikut pandangannya wajah Rasulullah terlebih cantik dan berseri dari bulan dan cahayanya.

Anas pernah berkata bahawa: "Rasulullah SAW tidaklah tersangat tinggi dan tidak juga tersangat rendah, dan warna wajah Rasulullah tidaklah terlalu putih seumpama air kapur dan tidak pula pucat pudar (warna kulit putih

kemerahan), rambut Rasulullah tidaklah terlalu lurus dan tidak pula terlalu keriting (rambut ikal mayang)...dan uban yang ada pada rambut dan janggutnya tidak melebihi dua puluh helai."

Manakala Saidina Ali pula ketika menceritakan perawakan Rasulullah SAW, beliau berkata: "Rasulullah tidak tersangat tinggi dan tidak juga tersangat rendah tetapi memiliki tubuh sederhana, rambut baginda tidak terlampau lurus dan tidak juga terlampau berketak-ketak tetapi berkeadaan berombak (ikal). Badannya tidak gemuk. Wajahnya tidak bulat tetapi bujur. Warna wajah Rasulullah putih dengan sedikit kemerah-merahan. Matanya tersangat hitam dan bulu keningnya panjang. Tulang-tulang sendi di badannya tebal (besar), (pergelangan tangan, siku, lutut). Bahagian di antara kedua-dua bahu dipenuhi daging-daging (berisi). Badan Rasulullah tidak berbulu di seluruh tubuh badan, walau bagaimanapun terdapat suatu garisan bulu daripada dada terus ke pusat. Tangannya yang mulia penuh dengan isi daging. Apabila Rasulullah berjalan, baginda akan melangkah dengan kukuhnya, seolah-olah baginda berjalan menuruni tanah curam, iaitu menuruni dari tempat yang tinggi ke tempat yang rendah.

Apabila baginda menumpukan perhatian kepada seseorang, baginda melakukannya dengan seluruh jasadnya (memusingkan seluruh tubuh dan menoleh mukanya). Di antara dua bahunya terdapat tanda kenabian. Pangkat kenabian berakhir padanya. Baginda terlebih dermawan daripada segala makhluk dan paling dipercayai percakapannya dan terlebih lembut hatinya daripada semua manusia. Baginda adalah daripada golongan keluarga yang paling mulia." (Sila rujuk kitab *Insan Teladan Sepanjang Zaman* oleh Mufti Ahmed

Ibrahim Bemat, 1996, cetakan Dar al-Nu'man, halaman 10-11).

Kitab sirah juga menggambarkan Rasulullah sebagai insan yang paras mukanya manis dan indah, tidak terlampau tinggi, juga tidak pendek, dengan bentuk kepala yang besar, berambut hitam antara keriting dan lurus. Dahinya lebar dan rata di atas sepasang alis yang lengkung lebat dan bertaut, sepasang matanya lebar dan hitam, di tepi-tepi putih matanya agak kemerah-merahan, tampak lebih menarik dan kuat, pandangan matanya tajam, dengan bulu mata hitam pekat. Hidungnya halus dan merata dengan barisan gigi yang bercelah-celah. Jambangnya lebar sekali, berleher panjang dan indah. Dadanya lebar dengan kedua bahu yang bidang. Warna kulitnya terang dan jernih dengan kedua telapak tangan dan kakinya yang tebal. Bila berjalan badannya agak condong ke depan, melangkah cepat-cepat dan pasti. Air mukanya membayangkan renungan dan penuh fikiran, pandangan mata menunjukkan kewibawaan, membuat orang patuh kepadanya.



## 22

### JAUHI PERKARA DIREKA-REKA DALAM URUSAN IBADAT

Daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah bersabda;

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمُ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ

وَسُنَّةَ رَسُولِهِ

**Maksud:** "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang teguh dengan kedua-duanya; kitab Allah (al-Quran) dan sunah Rasulnya."

(Malik; 1650 dan al-Tirmizi; 2678)

Oleh sebab tidak memahami tuntutan al-Quran dan sunah, didapati segelintir daripada umat Islam di Malaysia masih melakukan perkara bercanggah dengan Islam iaitu melakukan perkara bidaah. Bidaah ialah sesuatu yang bercanggah dengan sunah. Menurut istilah syarak, bidaah ialah sesuatu perbuatan berkaitan masalah agama (untuk mendekati diri kepada Allah) yang tidak ada contoh sebelumnya daripada Nabi SAW dan tidak pernah dilakukan oleh sahabat baginda. Bidaah perbuatan yang bertentangan dengan sunah kerana sunah itu petunjuk sedangkan bidaah ialah perbuatan yang dilakukan tanpa landasan wahyu (al-Quran) atau sunah Nabi SAW dan ijmak ulama. Bidaah ialah ideologi

dan pemikiran yang merosakkan. Diriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersabda;

إِنَّ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ  
بِدْعَةٍ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ

**Maksud:** "Sesungguhnya sebaik-baik perkataan ialah kitab Allah dan petunjuk yang terbaik ialah petunjuk Muhammad SAW, perkara yang paling buruk ialah perkara yang direka-reka (dalam agama) dan setiap perkara yang direka-reka itu bidaah dan sebarang bidaah adalah sesat."

(Muslim; 867)

Sayidatina Aisyah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

**Maksud:** "Sesiapa yang mengadakan dalam urusan kami ini sesuatu yang bukan daripadanya, maka ia tertolak."

(al-Bukhari; 2697 dan Muslim; 1718)

Ibnu Abbas r.a. pula ketika diminta wasiat daripadanya, beliau berkata:

عَلَيْكَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالْإِسْتِقَامَةِ، اتَّبِعْ وَلَا تَبْتَدِعْ

**Maksud:** "Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan beristiqamah serta hendaklah kamu mengikut sunah dan jangan sekali-kali melakukan perbuatan bidaah."

(al-Darimi 141)

Ringkasnya, sesuatu yang boleh dikategorikan sebagai bidaah ialah apabila ia menepati tiga syarat berikut:

1. Sesuatu yang dikategorikan sebagai ibadat.
2. Untuk mendekatkan diri kepada Allah.
3. Tidak ada asal dalam agama.

Perkara bidaah ini datang daripada tiga arah:

1. Akidah, dengan melakukan syirik kepada Allah serta memohon pertolongan kepada selain Allah.
2. Ibadah, dengan berlaku penambahan dan pengurangan atau pengubahsuaian terhadap ibadah.
3. Halal haram, dengan mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram.

Pada zaman Nabi SAW, terdapat tiga orang lelaki pergi ke rumah para isteri baginda dan bertanyakan mereka tentang ibadatnya. Apabila diberitahu kepada mereka tentang ibadat Nabi SAW, seorang daripada mereka berkata: "*Aku akan bangun sepanjang malam untuk solat.*" Seorang lagi berkata: "*Aku akan berpuasa sepanjang masa,*" manakala yang ketiga berkata: "*Aku tidak akan berkahwin.*" Apabila Rasulullah datang, Rasulullah pun bersabda:

أَمَّا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتْقَاكُمْ لَهُ، لِكَيْتِي أَصُومُ  
وَأُفْطِرُ، وَأُصَلِّي وَأَرْقُدُ، وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ، فَمَنْ رَغِبَ عَنِ  
سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي.

**Maksud:** *"Sesungguhnya aku ialah orang yang paling takut dan paling bertakwa kepada Allah, tetapi aku berpuasa dan aku berbuka, aku solat dan aku tidur dan aku juga mengahwini wanita, sesiapa yang tidak suka kepada sunnahku, dia bukanlah daripada golonganku."*

(al-Bukhari; 5063 dan Muslim; 1401).

Kita mesti sedar akal manusia tidak mampu berdikari untuk membezakan antara kebaikan dan keburukan, memahami yang mana mendatangkan bahaya atau sebaliknya daripada segala kejadian yang berlaku kerana akal itu sendiri tidak sempurna dan juga kerana sesuatu kebaikan itu kadangkala bertentangan dengan naluri serta syahwat.

Oleh itu, akal mestilah berpandukan wahyu Allah SWT yang berupa firman-Nya yang bersih daripada segala kekurangan dan kealpaan, kejahilan serta kesamaran. Sebenarnya akal kita dengan segala kekurangan, kejahilan, kealpaan dan ketidakmampuannya memahami perkara yang mempengaruhi nafsu. Ia perlu menerima cahaya wahyu Ilahi agar akal benar-benar dapat melihat kebenaran hakiki dan mengetahui sesuatu itu sama ada bermanfaat atau berbahaya, baik atau buruk, sempurna atau rosak.

Akal manusia diumpamakan seperti mata yang dapat melihat sesuatu di hadapannya hanya jika ada sinar cahaya yang meneranginya. Terang atau pudarnya penglihatan tersebut bergantung kepada kuat atau lemahnya sinaran itu. Sekiranya tidak ada cahaya yang meneranginya langsung, mata tidak akan mampu melihat sesuatu yang ada dalam kegelapan. Begitu juga dengan akal manusia. Andai kata ia dibimbing oleh wahyu Allah

iaitu al-Quran dan sunah, baharulah ia berupaya melihat sesuatu sebagaimana hakikatnya. Baharulah ia dapat melihat yang mana membahayakan dan yang mana dapat memberi manfaat, yang mana baik dan yang mana rosak, yang mana bagus dan yang mana hina. Apabila dikaitkan dengan ilmu dan iman, akal yang dibimbing wahyu Ilahi ini akan mendorong pemiliknya menjadi manusia yang banyak benarnya daripada salahnya dan menerangi hidupnya di atas nur kebenaran dari Allah SWT.

Sesungguhnya, Allah Taala menyempurnakan agama Islam bagi umat manusia. Dengan demikian, umat Islam memiliki sandaran untuk meraih kebahagiaan daripada kesempatan ini yang tidak memerlukan apa-apa lagi tambahan. Allah SWT berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي  
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

**Maksud:** "Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu dan Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan Aku redai Islam itu menjadi agama bagimu."

(al-Maidah; 3)

Namun, apa yang masih mendukacitakan mutakhir ini ialah apabila terdapat dalam kalangan umat Islam yang masih selesa untuk melakukan perkara bidaah. Antara perkara bidaah yang masih dilakukan pada zaman moden ini ialah menolak dan menyelekehkan perintah yang diturunkan oleh Allah.

Sesetengahnya, masih mahu menerima ideologi, pemikiran dan budaya penjajah Barat yang merosakkan

dengan menolak sistem lengkap yang ada pada Islam. Islam menegaskan bahawa riba itu haram, aurat itu wajib, solat itu tiang agama dan Islam itu *is a complete way of life*. Namun begitu, terdapat dalam kalangan umat Islam yang masih tidak menunaikan solat, berurusan dengan riba, tidak menutup aurat, gemar melakukan maksiat dan sebagainya. Kalau maksiat terus bermaharajalela dalam diri, bidaah menjadi penghias diri, ini bererti seseorang belum menjadi seorang Muslim yang hakiki.

## 23

### TANGANI SECARA BAIK DENGAN PENUH HIKMAH

Orang yang berdepan gangguan mental atau gangguan jiwa ialah mereka yang tidak mampu mengawal tindakan atau memahami akibat perbuatannya. Dalam konteks Islam, isu orang yang mengalami gangguan mental memasuki masjid perlu ditangani dengan hikmah memandangkan masjid ialah tempat ibadah yang suci, tetapi Islam juga mengutamakan rahmat dan belas kasihan terhadap golongan lemah. Rasulullah SAW mengajarkan sikap lemah lembut terhadap mereka yang memerlukan, selari dengan prinsip menjaga kehormatan manusia tanpa mengabaikan adab dan kesucian masjid. Masjid ialah tempat suci dan dihormati dalam Islam. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat sosial dan tempat berkumpulnya umat Islam untuk mengeratkan ukhuwah dan silaturahim.

Oleh itu, setiap tindakan yang berlaku di dalam masjid hendaklah mematuhi adab yang ditetapkan oleh syariat. Berdasarkan kepada firman Allah SWT:

فِي بُيُوتِ الَّذِينَ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُمْ يُسَبِّحُ لَهُ  
فِيهَا بِالْعُدْوَةِ وَالْأَصَالِ ﴿٣٦﴾

**Maksud:** "Di rumah ibadat (masjid) yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingati nama Allah SWT padanya, di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah SWT pada waktu pagi dan petang."

(al-Nur; 36)

Berdasarkan ayat itu dapat difahami bahawa masjid ialah sebuah tempat mulia di sisi Allah SWT dan menjadi suatu tuntutan kepada kita untuk menjaga kesuciannya daripada perkara yang boleh membawa kepada kerosakan. Dalam konteks isu yang tular baru-baru ini, terdapat seorang lelaki yang dikatakan mengalami gangguan mental memasuki masjid sehingga menyebabkan kekacauan berlaku.

Setelah menekuni isu ini, kita boleh merujuk kepada sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Wathilah bin al-Asqa' r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda:

جَبِّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صَبِيَانَكُمْ وَمَجَانِينَكُمْ وَشِرَاءَكُمْ  
وَبَيْعَكُمْ وَخُصُومَاتِكُمْ وَرَفَعَ أَصْوَاتِكُمْ وَإِقَامَةَ  
حُدُودِكُمْ وَسَلَّ سِيُوفِكُمْ وَاتَّخِذُوا عَلَى أَبْوَابِهَا الْمَطَاهِرَ  
وَشُنُّوا فِيهَا الْكُحْلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ

**Maksud:** "Jauhkanlah masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak, orang gila, berjual beli, pergaduhan, kebisingan, pelaksanaan hukum hudud dan menghunuskan pedang. Letakkanlah di pintunya tempat bersuci dan harumkanlah masjid itu pada hari-hari Jumaat."

(Ibnu Majah; 750)

Daripada teks hadis ini dapat difahami bahawa baginda Nabi Muhammad SAW melarang orang yang mengalami gangguan mental daripada memasuki masjid. Namun, ulama berpendapat larangan itu bukanlah bermaksud mengharamkannya, tetapi ia dihukumkan makruh. Antara hikmahnya ialah untuk menghindari daripada mencemari kesucian masjid yang mungkin dilakukan oleh mereka. Hal ini bertepatan dengan apa yang disebutkan di dalam kitab *I'lam al-Sajid fi Ahkam al-Masajid* (hlm. 312) karangan Imam al-Zarkasyi, maksudnya: "*Dimakruhkan membawa binatang, orang gila dan kanak-kanak yang belum boleh membezakan (antara yang baik dan buruk) ke dalam masjid tanpa keperluan yang mendesak kerana dikhuatiri mereka akan mencemarkan masjid.*"

Walaupun Imam al-Nawawi meletakkan larangan itu secara mutlak tanpa menyatakan sebab larangan itu, namun Imam al-Zarkasyi (hlm. 313) menjelaskan dengan menyatakan bahawa Imam al-Nawawi dalam *al-Raudhah* menyebut secara umum larangan membawa kanak-kanak kecil dan orang gila masuk ke dalam masjid. Larangan terhadap orang gila adalah jelas jika ditakuti mereka mencemarkan masjid. Namun, jika mereka terhindar daripada mencemarkannya dan *tamyiz* (mampu membezakan antara yang baik dan buruk), maka tidak mengapa mereka memasukinya.

Menjadi kewajipan bapa, penjaga atau wali untuk memerhati anak atau orang yang di bawah jagaan mereka (termasuk orang yang mengalami gangguan mental) daripada memasuki masjid dan sentiasa bersama mereka serta memantau pergerakan mereka ketika berada di dalam masjid supaya dapat dihindari daripada perbuatan yang boleh mencemarkan

kesuciannya. Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab *Ilam al-Sajid fi al-Ahkam al-Masajid*, hlm. 313.

Jika terdapat tingkah laku yang mencemari kehormatan dan kesucian masjid, maka perlulah penjaga atau wali mereka dengan kadar segera membawa mereka keluar dengan cara yang lembut dan baik dengan mempertimbangkan bahawa mereka ini adalah daripada golongan orang kurang upaya. Justeru, disarankan tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkenaan bagi menangani situasi berkenaan;

- a. **Bertindak dengan adab dan akhlak yang baik:** Jika orang yang mengalami gangguan mental memasuki masjid dan tidak menyebabkan gangguan kepada jemaah yang bersolat dan beriktikaf di situ, maka hendaklah disantuni secara baik. Namun, jika individu itu menunjukkan tingkah laku yang mengganggu ketenteraman jemaah, maka langkah berakhlak perlu diambil iaitu dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar yang baik dengan menggunakan bahasa yang lunak dan baik, tidak menengking dan tidak bercakap kasar.

Sekiranya mereka menunjukkan sifat yang agak agresif, maka tangani dengan hikmah tanpa melibatkan kekasaran kerana mereka ialah golongan yang perlu disayangi dan bukan dibenci. Tindakan sedemikian diambil berdasarkan contoh daripada sunah Nabi SAW yang ditunjukkan dalam satu peristiwa yang direkodkan dalam hadis yang bermaksud: Ketika kami berada dalam masjid bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba datang seorang Arab Badwi lalu

berdiri untuk buang air kecil di masjid. Sahabat Rasulullah SAW menggertaknya, tetapi Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُزْرِمُوهُ دَعْوُهُ" فَفَعَلُوا حَتَّى بَالَ، ثُمَّ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَاهُ فَقَالَ لَهُ: "إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَدَرِ، إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالصَّلَاةِ، وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ" أَوْ كَمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: فَأَمَرَ رَجُلًا مِنَ الْقَوْمِ، فَجَاءَ بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّهُ عَلَيْهِ

**Maksud:** "Janganlah kamu menghalangnya, biarkan dia selesai terlebih dahulu" Maka mereka (sahabat) membiarkan orang itu sehingga dia selesai buang air kecil. Setelah itu, Rasulullah SAW pun menasihatinya, "Sesungguhnya masjid ini tidak sesuai untuk kencing dan kekotoran, masjid adalah tempat untuk zikir, solat, dan membaca al-Quran". Setelah itu, Nabi SAW memerintahkan seseorang untuk mengambil satu baldi air dan menyiramnya."

(al-Bukhari; 220 dan Muslim; 284)

Melalui hadis ini dapat difahami, akhlak yang dipamerkan oleh Nabi SAW yang tidak memarahi atau bersikap kasar kepada seorang Arab yang buang air kecil di dalam masjid patut dicontohi. Betapa rahmah sikap Nabi SAW kepada orang itu walaupun mengetahui dia melakukan kesilapan mengotori rumah Allah SWT yang merupakan semulia-mulia tempat di muka bumi.

- b. Meminta bantuan pihak berkuasa:** Jika keadaan sudah tidak dapat dikawal dan membahayakan keselamatan jemaah atau individu itu, pengurusan masjid boleh meminta bantuan pihak berkuasa bagi menyelesaikan isu itu. Ia bagi memastikan situasi itu tidak mencetuskan masalah yang lebih besar. Pastiya pihak berkuasa yang dilatih dengan situasi tersebut dan berkemahiran mampu menyelesaikannya dengan berbagai cara yang berhemah dan baik.

Tuntasnya, dihukumkan makruh membawa atau membenarkan orang yang mengalami gangguan mental memasuki masjid berdasarkan dalil daripada hadis serta kenyataan fuqaha kerana dikhuatiri mereka akan mencemarkan kehormatan dan kesucian masjid. Namun, dalam keadaan terdesak seperti tidak ada sesiapa menemani dan mengawasi mereka di luar masjid, maka diharuskan untuk membawa mereka masuk ke dalam masjid, tetapi pergerakan mereka mestilah dipantau waris atau penjaga supaya dapat menghindari daripada melakukan perbuatan boleh mencemarkan kesucian masjid. Jika orang mengalami gangguan mental masuk ke dalam masjid dengan sendiri serta membuat kekacauan atau gangguan di dalam masjid, maka hendaklah dikeluarkan mereka dengan cara baik dan berhikmah.

# Jadi haram jika peniaga alini peniaga

## **HARAM HILANGKAN KEMAMPUAN REPRODUKSI KECUALI KES DARURAT**

Vasektomi ialah suatu prosedur kawalan kehamilan kekal yang menghalang pergerakan sperma keluar ketika proses ejakulasi semasa persetubuhan. Prosedur ini melibatkan pemotongan struktur tiub atau saluran yang membawa sperma dari testis ke tiub uretra atau zakar (tempat keluar air kencing) yang dikenali sebagai *vas deferens*.

Tujuan prosedur ini dilakukan adalah untuk memastikan bahawa air mani yang keluar tidak mengandungi sperma iaitu benih lelaki. Vasektomi merupakan suatu prosedur yang kekal dan tidak dapat kembali kepada fungsi yang asal. Walaupun terdapat kaedah prosedur pembalikan semula, ia merupakan suatu prosedur yang sukar dan mahal kerana ia melibatkan pakar bedah yang berkemahiran tinggi.

### **Fatwa berkenaan perancangan keluarga**

Daripada segi syarak, pada dasarnya Islam melarang lelaki mahupun perempuan menghilangkan keupayaan mendapatkan zuriat atau memandulkan diri secara kekal melainkan terdapat uzur yang dibenarkan syarak. Ulama kontemporari membahaskan hukum berkenaan

pemandulan yang bersifat kekal dan disebutkan dalam kebanyakan fatwa mereka. Di antaranya:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-12 pada 20 Januari 1977 memutuskan hukum mengenai Perancang Keluarga adalah seperti berikut:

1. Memandulkan lelaki dan perempuan hukumnya adalah haram.
2. Mencegah beranak atau mengehadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang perseorangan.
3. Menyusun keluarga daripada kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang selain daripada (1) dan (2) di atas adalah harus.

Persidangan *Majma' al-Fiqh al-Islami (Majallah al-Majma'* Siri 4 1/7) di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Kuwait pada 1 hingga 6 Jamadilakhir 1409H bersamaan 15 Disember 1988M memutuskan antara lain:

1. Haram menghilangkan kemampuan reproduksi daripada lelaki mahupun wanita, seperti apa yang dikenali dengan pemandulan. Pengecualian diberikan dalam kes darurat yang perlu ditimbang dengan kayu ukur yang syarii.
2. Dibolehkan mengawal secara sementara kemampuan reproduksi dengan tujuan

menjarakkan antara tempoh kehamilan atau menghentikan bagi tempoh tertentu, jika terdapat keperluan yang diambil kira oleh syarak, berdasarkan persetujuan dan keredaan daripada perbincangan antara kedua pasangan yang sah, dengan syarat kaedah kawalan itu tidak mendatangkan mudarat, berdasarkan kaedah yang tepat dengan syariat dan tidak menzalimi kandungan yang sedia ada.

Syeikh Atiyyah pada Mei 1997 melalui *Dar al-Ifta' al-Misriyyah (Fatawa Dar al-Ifta' al-Misriyyah 47/1)* mengeluarkan fatwa atas soalan hukum melakukan pemandulan bagi tujuan perancangan keluarga bahawa dibolehkan pemandulan atas alasan kesihatan atau selainnya bagi tempoh tertentu, dengan syarat kemampuan untuk reproduksi itu kekal dan boleh digunakan kembali apabila masa berlalu.

Justeru, tidak boleh pemandulan itu dilakukan jika kesannya bersifat sempurna dan kekal sehingga hilang kemampuan dan fungsinya, melainkan wujud kemudaratan serius.

Perancangan keluarga merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh pasangan suami isteri untuk merancang bilangan anak dan jarak kelahiran mereka berdasarkan keupayaan dan keperluan semasa. Selain itu, merancang keluarga bertujuan menjaga kebajikan dan kesihatan isteri. Merancang keluarga boleh dibahagikan kepada dua;

- a. *Tanzim al-Nasal*
- b. *Tahdid al-Nasal*

*Tanzim al-Nasal* merujuk kepada usaha untuk menjarakkan anak dengan menggunakan kaedah seperti memakan ubatan pil perancang, melakukan persetubuhan pada waktu tidak subur, memakai kondom, melakukan azal (ejakulasi luar rahim) dan mengeluarkan air mani daripada kemaluan wanita selepas selesai persetubuhan dan memasang peranti *intrauterine* (IUD) bagi tujuan pemandulan sementara.

Kaedah ini diharuskan dengan syarat-syarat berikut:

1. Meyakini bahawa Allah SWT berkuasa untuk mengurniakan anak bila-bila masa dan tiada siapa yang boleh menghalang daripada perkara tersebut berlaku serta wajib ke atas pasangan memelihara kandungan tersebut dan menjaga kebajikannya;
2. Tidak membawa kepada kemudharatan kepada pasangan khususnya isteri;
3. Dilakukan atas kebenaran dan persetujuan pasangan suami isteri.

Hal ini berdasarkan kepada sebuah *athar* daripada Jabir r.a.;

كُنَّا نَعْزِلُ عَلَىٰ عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْقُرْآنُ  
يُنزَلُ

**Maksud:** "Kami melakukan 'azl pada zaman Nabi SAW ketika al-Quran sedang diturunkan."

(al-Bukhari; 5208, dan Muslim; 1440)

Dalam riwayat lain;

كُنَّا نَعْرِزُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَلَغَ  
ذَلِكَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَنْهَنَا

**Maksud:** "*Kami melakukan 'azl pada zaman Rasulullah SAW, lalu perkara itu sampai kepada baginda, tetapi baginda tidak melarang kami.*"

(Muslim; 1440).

Kebanyakan ulama fiqh bersepakat bahawa 'azl (usaha menghalang bertemunya air mani suami dengan ovum isteri) adalah dibolehkan dengan syarat kedua-dua pasangan bersetuju. Tidak dibenarkan salah seorang melakukannya tanpa persetujuan yang lain. Dalil kepada kebolehan ini ialah hadis yang menunjukkan para sahabat Nabi SAW melakukannya pada zaman Rasulullah SAW dan baginda tidak melarangnya. Namun, jika 'azl itu dilakukan dengan bertujuan menghalang kehamilan secara mutlak, ia bertentangan dengan *maqasid syariah* yang amat menggalakkan penjagaan keturunan (*hifz nasl*).

Dalam situasi yang dinyatakan, jika 'azl dilakukan tanpa persetujuan isteri, maka perbuatan itu tidak dibenarkan dan suami pula dianggap berdosa. 'Azl hanya dibolehkan dengan persetujuan bersama pasangan, seperti yang telah disebutkan. Perancangan keluarga yang berbentuk seperti ini dibenarkan dan tujuannya berdasarkan kepada kebajikan serta berada dalam lingkungan yang diharuskan oleh syarak. Hal ini disebabkan tiada unsur menolak ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan tidak mengubah ciptaan-Nya.

Manakala, *Tahdid al-Nasal* iaitu bererti mengehadkan atau menamatkan terus kemampuan pasangan untuk mendapat anak dengan menggunakan kaedah yang melibatkan campur tangan perubatan yang kekal seperti vasektomi, *Bilateral Tubal Ligation* dan melakukan pengguguran. Kaedah ini dianggap haram kerana melibatkan pengubahan ciptaan Allah, merosakkan asas kehidupan dan melakukan pembunuhan.

Selain itu, ia juga merupakan perancangan keluarga yang berdasarkan hawa nafsu kerana bertentangan fitrah sebagai manusia dan menjauhi matlamat asal tujuan perkahwinan itu dibina. Di samping itu, perbuatan ini juga boleh membawa kepada menolak ketentuan Allah SWT serta memutuskan pergantungan harap kepada-Nya.

Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan bagi kes yang melibatkan masalah kesihatan yang mengancam nyawa seseorang wanita seperti risiko besar kematian atau menyebabkan masalah kesihatan yang kritikal bagi ibu akibat mengandung dan bersalin. Maka ketika itu, boleh dilakukan pengguguran sebelum kandungan mencapai umur 120 hari daripada tarikh persenyawaan berlaku atau 106 hari dari hari terakhir haid. Walaupun terdapat kaedah *reverse-vasectomy* yang mampu mengembalikan kebolehmampuan untuk mendapatkan zuriat semula, namun melakukan vasektomi itu adalah haram kerana mengubah ciptaan Allah SWT dan membawa kepada pemandulan kekal.

Dalam konteks Islam, isu ini bukan sahaja perlu diteliti dari sudut pandang hukum syarak, tetapi juga kesan sosial dan moral yang mungkin timbul. Salah satu kebimbangan yang boleh diketengahkan ialah bagaimana prosedur ini berpotensi menggalakkan

amalan perzinaan. Prosedur vasektomi secara asasnya menghapuskan kebimbangan lelaki terhadap risiko yang menyebabkan kehamilan. Ini boleh membawa kepada kecenderungan sesetengah individu untuk terlibat dalam hubungan seksual tanpa ikatan perkahwinan, kerana mereka tidak lagi bimbang akan implikasi kehamilan yang sering menjadi penghalang utama kepada perzinaan. Dalam hal ini, vasektomi boleh mencetuskan normalisasi tingkah laku yang bercanggah dengan syariat Islam.

## 25

### TANGGUNGJAWAB, CABARAN UMAT ISLAM MAKIN HEBAT

Malaysia ialah sebuah negara yang unik dengan masyarakat majmuknya. Islam sebagai agama rasmi negara memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti dan hala tuju negara. Kedudukan istimewa Islam ini termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin status agama Islam sambil menghormati hak penganut agama lain untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Namun, umat Islam di Malaysia perlulah senantiasa memikul tanggungjawab besar untuk mempertahankan kedudukan Islam. Mendidik generasi muda serta memperkasakan dakwah agar kita tidak mudah ditindas dengan segala ideologi baharu yang berpotensi mengucar-ngacirkan institusi agama dan negara. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

**Maksud:** "Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah ialah Islam."

(Ali Imran; 19)

Kedudukan Islam sebagai agama rasmi bukan sekadar simbol semata-mata, tetapi melibatkan hak dan tanggungjawab yang diiktiraf oleh undang-undang. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, namun agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Perkara ini menunjukkan keseimbangan antara menghormati kedudukan istimewa Islam dan memastikan kebebasan beragama bagi semua rakyat Malaysia. Kesedaran terhadap hak dan perlindungan Islam dalam perlembagaan adalah penting bagi setiap umat Islam. Umat Islam perlu memahami bahawa kedudukan Islam ini turut memberikan mereka peluang untuk memperkasakan syiar Islam melalui institusi ini.

Namun, untuk mempertahankan kedudukan ini, umat Islam perlu berhujah secara rasional dan berasaskan fakta, terutama apabila berdepan dengan cabaran daripada pihak yang kurang memahami atau mempertikaikan status ini. Melalui institusi seperti pendidikan Islam di sekolah, serta institusi-institusi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri, peranan penting dimainkan dalam menyebarkan dan memelihara institusi agama Islam di negara kita.

Selain itu, agensi-agensi agama lain seperti Jabatan Mufti Negeri turut berperanan membantu masyarakat dengan memberikan panduan dan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan hukum serta syariat. Namun demikian, tanggungjawab mempertahankan Islam ialah usaha bersama yang memerlukan kerjasama erat seluruh masyarakat.

## Mendidik generasi muda

Firman Allah SWT:

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

**Maksud:** "Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka, dan Kami tambahkan petunjuk kepada mereka."

(al-Kahfi; 13)

Generasi muda ialah pemegang amanah masa depan Islam di Malaysia. Oleh itu, mendidik mereka tentang sejarah, perundangan dan keistimewaan Islam di negara ini ialah suatu keperluan. Sistem pendidikan Islam yang kukuh perlu diterapkan, bukan sahaja melalui kurikulum formal tetapi juga melalui pendidikan tidak formal seperti kelas agama, kem motivasi, dan ceramah yang sesuai dengan jiwa generasi muda. Melalui didikan inilah generasi muda dapat mempelajari serta menelusuri kejayaan tokoh-tokoh terdahulu dan mengambil iktibar daripada mereka.

Generasi muda perlu didedahkan kepada sejarah Islam di Malaysia, termasuk perjuangan ulama dan pemimpin terdahulu yang meletakkan Islam sebagai asas pentadbiran negara. Dengan memahami peranan dan sumbangan Islam dalam pembentukan negara, generasi muda akan lebih menghargai keistimewaan yang dimiliki dan berusaha untuk mempertahankannya. Namun, cabaran besar dalam mendidik generasi muda ialah pengaruh budaya luar yang semakin menular melalui media sosial dan platform digital. Justeru, pendekatan yang lebih kreatif dan relevan perlu diambil untuk memastikan generasi muda tidak terpesong daripada ajaran Islam.

## Memperkasa dakwah Islam dengan teknologi

Sabda Nabi Muhammad SAW:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً، وَحَدِّثُوا عَن بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ،  
وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعِدًّا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

**Maksud:** "Sampaikanlah daripadaku walau satu ayat, dan ceritakanlah mengenai Bani Israel, tiada halangan (untuk itu). Namun, sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka bersiaplah untuk mengambil tempatnya di neraka."

(al-Bukhari; 3461)

Dalam era digital, teknologi menjadi alat yang sangat berkuasa untuk menyampaikan dakwah. Media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, dan *YouTube* boleh dimanfaatkan untuk menyebarkan mesej Islam secara meluas dan efektif. Pendakwah moden perlu mahir menggunakan platform ini untuk menyampaikan ajaran Islam dalam bentuk yang menarik, mudah difahami dan sesuai dengan konteks masyarakat hari ini. Sebagai contoh, video pendek yang mengandungi mesej dakwah, info grafik tentang hukum-hakam Islam, dan sesi soal jawab secara langsung boleh membantu menarik minat golongan muda.

Penggunaan medium seperti ini bukan sahaja mampu menyampaikan mesej Islam secara kreatif, tetapi juga berpotensi memperkukuhkan kedudukan Islam di hati masyarakat, kerana masyarakat hari ini lebih dekat dengan media sosial berbanding media-media yang disediakan di dalam televisyen atau akhbar. Namun, penggunaan teknologi dalam dakwah turut menghadapi

cabaran seperti penyebaran maklumat palsu dan fitnah yang mencemarkan imej Islam. Oleh itu, pendakwah perlu berhati-hati dan memastikan mesej yang disampaikan adalah sahih dan berlandaskan al-Quran dan al-Sunah.

### **Cabaran dan penyelesaian**

Walaupun umat Islam di Malaysia diberi kedudukan istimewa dalam perlembagaan, mereka tidak terlepas daripada cabaran. Antara cabaran utama ialah tekanan globalisasi yang membawa ideologi baharu yang kadangkala bertentangan dengan nilai Islam seperti agenda pluralisme, liberal, feminisme dan sebagainya. Selain itu, cabaran dalaman seperti perpecahan dalam kalangan umat Islam dan kurangnya pemahaman terhadap ajaran Islam yang sebenar turut memberi kesan kepada usaha mempertahankan kedudukan Islam.

Untuk mengatasi cabaran ini, umat Islam perlu bersatu padu dan saling membantu dalam memperkukuhkan kedudukan Islam. Kerjasama antara institusi agama, badan bukan kerajaan (NGO), dan individu yang berpengaruh perlu diperkasakan. Selain itu, pendidikan berterusan berkenaan Islam perlu diberikan kepada semua lapisan masyarakat, termasuk mereka yang bukan beragama Islam, agar mereka lebih memahami dan menghormati kedudukan Islam di negara ini.

### **Kesimpulan**

Islam sebagai agama rasmi Malaysia ialah satu keistimewaan yang perlu dipelihara dengan penuh tanggungjawab. Memahami kedudukan Islam dalam perlembagaan, mendidik generasi muda, dan

memperkasa dakwah melalui teknologi adalah antara usaha penting yang perlu dilakukan oleh umat Islam.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan ideologi asing, umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar dan bersatu dalam mempertahankan agama dan negara. Dengan usaha berterusan, Islam akan terus berkembang sebagai panduan hidup yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira agama dan bangsa. Tanggungjawab ini bukan sahaja amanah, tetapi juga peluang untuk membuktikan keindahan dan kesempurnaan Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

26

## **PERBANYAKKAN AMALAN SUNAT PADA BULAN SYAABAN**

Masa berlalu dirasakan begitu pantas sekali. Ini juga bermakna umur kita semakin meningkat dan sewajarnya kita sentiasa bermuhasabah iaitu sudahkah kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah kepada kita dengan sempurna dan sudahkah kita bersedia dengan amalan yang akan dibawa menemui Allah? Bulan Syaaban menyusul selepas Rejab. Manakala selepas itu, akan datang pula bulan yang mengandungi penuh rahmat iaitu bulan Ramadan al-Mubarak.

Apabila membicarakan mengenai bulan Syaaban, maka sewajarnya kita merujuk kepada riwayat yang sahih dan yang diterima oleh ulama supaya kita tidak termasuk dalam golongan '*pak turut*' yang hanya melakukan sesuatu tanpa ilmu pengetahuan. Sedangkan Islam itu sendiri ialah agama ilmu, maka sewajarnya apa yang hendak dilakukan mesti berteraskan ilmu. Menurut Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi, riwayat yang sahih pada pertengahan bulan Syaaban ialah peristiwa yang berlaku pada tahun kedua hijrah iaitu peralihan kiblat daripada Baitul Maqdis ke Kaabah iaitu dari Masjid al-Aqsa ke Masjid al-Haram. Perkara itu dirakamkan oleh Allah SWT:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا  
فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا  
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

**Maksud:** "Kerap kali kami melihat engkau (wahai Muhammad) berulang-ulang menadah ke langit, maka kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai, oleh itu palingkanlah muka ke arah al-Masjidil Haram (tempat letaknya Kaabah) dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah mukamu ke arahya..."

(al-Baqarah; 144)

Selain peristiwa terbabit, sesuatu yang sahih daripada nabi pada bulan Syaaban ini ialah nabi SAW memperbanyakkan puasa sunat sebagai suatu persediaan menyambut ketibaan Ramadan al-Mubarak. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. menyatakan bahawa:

ان رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ: لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ: لَا يَصُومُ. وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ

**Maksud:** "Adalah Rasulullah SAW sering berpuasa hingga kami menyangka bahawa baginda akan berpuasa berterusan. Dan baginda sering berbuka (tidak berpuasa) sehingga kami menyangka baginda akan berbuka (tidak berpuasa) seterusnya. Aku tidak pernah melihat

*baginda berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat baginda berpuasa sunat dalam sebulan yang lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban."*

(al-Bukhari; 1969, dan Muslim; 1156)

Usamah bin Zaid r.a. pula menceritakan:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَمْ أَرَكَ تَصُومُ مِنْ شَهْرِ مَا تَصُومُ مِنْ  
شَعْبَانَ. قَالَ: "ذَلِكَ شَهْرٌ يَعْمَلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ  
وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ،  
فَأَحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ"

**Maksud:** "Saya telah bertanya kepada Rasulullah SAW, wahai Rasulullah saya tidak pernah menyaksikan banyaknya puasa tuan pada lain-lain bulan seperti di bulan Syaaban", lalu baginda menjawab: "Itulah bulan (Syaaban) di mana ramai manusia lalai mengenainya iaitu di antara bulan Rejab dan Ramadan, ini adalah bulan di mana segala amalan diangkat kepada Tuhan Pemilik Sekalian Alam. Oleh itu, saya (baginda) amat suka kiranya amalan saya diangkat ketika saya sedang berpuasa."

(an-Nasa'i; 2357)

Justeru, daripada hadis di atas, kita mendapati Nabi SAW amat mengambil berat untuk memperbanyakkan puasa pada bulan Syaaban. Di samping itu, sesiapa yang masih berhutang puasa pada Ramadan seperti wanita yang meninggalkan puasa kerana 'datang bulan', maka ini waktu yang sesuai untuk memastikan segala 'hutang'

dilunaskan sebelum tiba Ramadan. Sebagai mencontohi sunnah nabi, kita juga sewajarnya memperbanyakkan berpuasa sunat pada bulan Syaaban yang mulia ini.

Di samping berpuasa, kita juga boleh memperbanyakkan amalan sunat lain untuk mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dan sebagai suatu persediaan untuk memperbanyakkan lagi amalan pada bulan Ramadan. Antara amalan yang boleh dilakukan selain daripada berpuasa ialah membaca al-Quran, bertaubat, beristighfar, berzikir, memperbanyakkan solat sunat, bersedekah bagi menolong meringankan penderitaan fakir miskin atau anak-anak yatim, melakukan amalan kebajikan, memohon keampunan untuk ibu bapa, memohon restu ke hadrat Allah SWT bagi keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat dan sebagainya.

Persoalan seterusnya yang selalu timbul dalam masyarakat kita ialah amalan pada malam Nisfu Syaaban. Biasanya pada malam Nisfu Syaaban, masjid dan surau akan merayakan malam terbabit dengan amalan tertentu. Beberapa buah tempat di negara kita, pada malam Nisfu Syaaban, orang ramai biasanya berkumpul di masjid dan mereka membaca surah Yasin bersama, kemudian melakukan solat sunat dua rakaat dengan niat panjang umur. Menurut al-Qadhi Abu Bakar Ibnul Arabi, tidak ada satu hadis sahih mengenai keutamaan malam Nisfu Syaaban dan semua hadis mengenainya bertaraf daif.

Bagaimanapun, ada hadis mengenai fadilat malam Nisfu Syaaban yang dianggap Hasan oleh sebahagian ulama, walau ia sudah didaifkan oleh sebahagian ulama lain. Hadis terbabit ialah:

إِنَّ اللَّهَ لَيَطَّلِعُ فِي لَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِحَمِيعِ  
خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

**Maksud:** "Allah melihat kepada hamba-hambanya pada malam Nisfu Syaaban, maka Dia ampuni semua hamba-hambanya kecuali musyrik (orang yang syirik) dan yang bermusuhan (orang benci membenci)."

(Ibnu Hibban; 5665)

Hadis ini tidak mengajar kita apa bentuk amalan pada malam berkenaan. Oleh itu, amalan tertentu pada malam terbabit (sekiranya dianggap sebagai satu kemestian dan wajib seperti 'mesti' membaca Yasin sebanyak tiga kali dan menunaikan solat tertentu sempena Nisfu Syaaban) ialah bukan ajaran nabi SAW. Justeru, daripada pandangan ulama seperti yang dikemukakan oleh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi, Sheikh Mutawalli Sya'rawi, Syekh Abdul Karim Zaidan dan sebagainya, adalah menjadi suatu kewajipan kepada kita untuk memahami dengan sejelas-jelasnya supaya kita tidak termasuk dalam golongan yang membuat sesuatu amalan itu secara membuta-tuli.

Ini bukan bermakna bahawa kita tidak boleh melakukan amalan pada malam Nisfu Syaaban, tetapi kita tidak boleh melakukan amalan yang tidak diasaskan oleh nabi dan yang bercanggah dengan hukum syarak seperti menunaikan solat sunat khusus untuk panjang umur pada malam Nisfu Syaaban. Namun, untuk membaca ayat al-Quran tertentu seperti Yasin dan seumpamanya, maka ia boleh dilakukan. Alangkah baiknya juga kalau pada malam itu juga diisi dengan program pengajian ilmu

supaya pemahaman terhadap ajaran Islam semakin meningkat.

Justeru, amalan sunat seperti membaca al-Quran, berzikir, solat sunat, berpuasa dan yang seumpamanya hendaklah dilaksanakan bukan sahaja pada malam Nisfu Syaaban, tetapi kita hendaklah beristiqamah melaksanakan amalan kebajikan terbabit pada bila-bila masa sahaja siang ataupun malam. Sesungguhnya apabila kita dapat melaksanakan sesuatu amalan dengan penuh keikhlasan dan amalan terbabit bertepatan dengan hukum syarak, maka kita akan tergolong daripada umat Islam yang menuju ke arah kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Perbanyakkan amalan sunat pada bulan Syaaban sebagai suatu persediaan menyambut kedatangan bulan Ramadan al-Mubarak!.

27

## **PENDEKATAN HIKMAH TANGANI PENGHINAAN TERHADAP ISLAM**

Penghinaan terhadap agama Islam bukanlah isu baharu. Dari dahulu hingga kini, Islam sering berhadapan dengan cabaran ini dalam pelbagai bentuk, termasuk penghinaan terhadap Rasulullah SAW, al-Quran dan hukum-hukum Islam. Menangani isu ini secara progresif dan harmoni ialah suatu tuntutan yang penting untuk memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat terpelihara. Oleh itu, pendekatan dakwah secara bijaksana dan berhikmah perlu diterapkan dalam jiwa umat Islam.

### **Mencontohi akhlak Nabi**

Dalam menghadapi penghinaan terhadap agama Islam, meneladani sikap dan akhlak Rasulullah SAW ialah perkara yang terbaik. Memetik contoh peristiwa dakwah Rasulullah SAW di Taif, Baginda berhadapan dengan konflik yang sangat dahsyat. Para penduduk Taif bukan sahaja menolak dakwah Rasulullah SAW, tetapi mereka juga menghasut kanak-kanak dan orang awam untuk mengejek dan menyerang Baginda. Nabi SAW dilempari batu sehingga menyebabkan tubuh Baginda cedera parah, dan darah mengalir dari kepala hingga kaki Baginda.

Walaupun dianiaya sedemikian rupa, respons Rasulullah SAW sangat bijaksana dan progresif. Baginda tidak mendoakan kebinasaan ke atas penduduk Taif. Sebaliknya, baginda berharap agar keturunan mereka suatu hari nanti akan menerima Islam. Berkat kesabaran dan pendekatan bijaksana Rasulullah SAW, akhirnya keturunan penduduk Taif akhirnya memeluk agama Islam. Ini menunjukkan bahawa pendekatan yang lemah lembut dan bersikap rahmah akhirnya akan membuahkan hasil.

Selain itu, al-Quran turut menegaskan kepentingan bersikap lembut dalam dakwah. Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ  
لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ  
فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

**Maksud:** "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka

*bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya."*

(Ali Imran; 159)

Ayat ini menunjukkan bahawa pendekatan lembut dan kasih sayang lebih berkesan dalam menarik hati manusia berbanding reaksi yang keras. Oleh itu, umat Islam hendaklah mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam menghadapi sebarang penghinaan atau provokasi.

### **Penggunaan ilmu dalam dakwah**

Ilmu ialah senjata utama dalam menjawab fitnah dan salah faham terhadap Islam. Umat Islam perlu memperkasa diri dengan pengetahuan yang mendalam tentang agama, sejarah dan budaya supaya mampu memberikan jawapan yang tepat dan bernas. Rasulullah SAW sendiri sering menggunakan hujah yang jelas dan logik dalam menyampaikan dakwah kepada golongan yang tidak memahami Islam. Sebagai contoh, terdapat sebuah kisah berkenaan Nasrani Najran yang berdialog dengan Nabi SAW. Dialog tersebut antara Rasulullah SAW dengan delegasi Nasrani Najran menunjukkan kebijaksanaan baginda menggunakan ilmu dan dalil yang kukuh untuk menjelaskan kebenaran Islam. Bahkan, Rasulullah SAW tidak pula menghalau atau menyuruh mereka pulang ke Najran tetapi mengalukan dialog antara mereka. Dialog ini akhirnya membuka ruang perbincangan yang lebih harmoni dan saling menghormati.

Selain itu, Allah SWT turut menggariskan tiga kaedah utama dalam menyampaikan kebenaran iaitu dakwah secara berhikmah, mengajar dengan teladan yang baik, dan berbahas secara bijaksana. Oleh itu, umat Islam perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk menjawab sebarang salah faham terhadap agama ini secara rasional dan profesional. Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ  
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ  
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

**Maksud:** "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(al-Nahl; 125)

### Utamakan dialog damai

Dialog antara agama ialah salah satu cara terbaik untuk menjelaskan keindahan Islam secara terbuka. Dalam suasana dialog yang damai, pihak yang berbeza agama dapat memahami Islam secara langsung daripada sumbernya, tanpa bergantung kepada tanggapan atau fitnah yang tidak berasas. Kisah dialog Rasulullah SAW dengan seorang pemuda Quraisy yang ingin meminta kebenaran untuk berzina ialah contoh pendekatan dialog yang efektif. Baginda tidak marah atau menghina

pemuda tersebut, tetapi menggunakan pendekatan dialog yang rasional dengan melontarkan soalan yang menyentuh jiwa, "Adakah kamu suka jika perkara itu dilakukan kepada ibumu?" Soalan ini menyentuh hati pemuda tersebut dan akhirnya dia meninggalkan niat buruknya. Firman Allah SWT:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ

**Maksud:** "Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang yang zalim di antara mereka..."

(al-Ankabut; 46)

Ayat ini menegaskan dialog adalah asas kepada hubungan harmoni antara umat Islam dan bukan Islam. Dengan membuka ruang dialog yang sopan, umat Islam dapat mempromosikan keindahan Islam sebagai agama yang membawa kedamaian dan rahmat.

## Kesimpulan

Dalam menghadapi penghinaan terhadap Islam, umat Islam perlu mencontohi akhlak Rasulullah SAW yang penuh kesabaran dan kasih sayang, memperkasa diri dengan ilmu pengetahuan untuk menjawab fitnah, dan mengutamakan dialog damai untuk menyebarkan keindahan Islam. Pendekatan ini bukan sahaja mencerminkan keindahan Islam, malah dapat menarik hati manusia kepada agama ini dengan cara penuh hikmah. Sebagai umat Islam, tanggungjawab kita adalah untuk terus berusaha menjadi duta Islam yang terbaik

agar dakwah Islam akan terus relevan dan memberikan manfaat kepada seluruh umat manusia.



# IMAM MUDA SUARA EMAS LARIS

28

## SIANG BERLAPAR, WAKTU BERBUKA 'BERPESTA MAKAN'

Ramadan yang sentiasa ditunggu-tunggu dan dinanti-nanti umat Islam di seluruh dunia, kini dinikmati. Boleh dikatakan seluruh umat Islam amat bergembira dengan kedatangan bulan yang mulia ini. Apatah lagi, sesuatu yang sudah diketahui umum bahawa Allah SWT memberikan ganjaran dan rahmat yang banyak pada Ramadan. Betapa besarnya fadilat bulan ini dapat kita fahami daripada hadis Rasulullah SAW:

إِذَا دَخَلَ رَمَضَانُ فَتُحْتَفَتُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ  
جَهَنَّمَ، وَسُلِسِلَتِ الشَّيَاطِينُ

**Maksud:** "Apabila masuk Ramadan, maka dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka serta dibelenggu semua iblis dan syaitan."  
(al-Bukhari; 1899 dan Muslim; 1079).

Allah juga menyediakan ganjaran yang besar dan tidak ternilai harganya kepada orang yang melaksanakan ketaatan pada Ramadan. Dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

**Maksud:** "Sesiapa yang berpuasa pada Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredaan Allah akan diampunkan segala dosa yang dilakukannya sebelum itu."

(al-Bukhari; 2014 dan Muslim; 760).

Dalam hadis lain yang diriwayatkan daripada Sahl bin Saad r.a. katanya: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ، يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ، إِذَا دَخَلَ آخِرُهُمْ أُغْلِقَ فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ

**Maksud:** "Sesungguhnya di dalam syurga itu terdapat pintu yang dinamakan Ar-Rayyan. Orang yang berpuasa akan masuk melalui pintu tersebut pada Hari Kiamat kelak. Tidak boleh masuk bersama mereka seorang pun selain mereka. Kelak akan ada pengumuman: Di manakah orang yang berpuasa? Mereka lalu berduyun-duyun masuk melalui pintu berkenaan. Setelah orang yang terakhir daripada mereka masuk, pintu tadi ditutup kembali. Tiada lagi orang lain yang akan memasukinya."

(al-Bukhari; 1896 dan Muslim; 1152)

Namun, sebagaimana lazimnya dalam masyarakat kita, apabila tibanya Ramadan, mereka akan berbicara tentang persiapan hari raya, beraneka jenis juadah makanan yang akan disediakan untuk dijadikan santapan ketika berbuka dan yang seumpamanya. Ramadan yang sepatutnya menjadi bulan 'berjimat cermat' bertukar menjadi bulan pembaziran. Fenomena pembaziran yang berlaku dan berleluasa setiap kali menyambut Ramadan

amat menyedihkan. Sepatutnya Ramadan mendidik umat Islam berjimat cermat. Akan tetapi yang berlaku sebaliknya apabila masyarakat sanggup berbelanja besar dengan beraneka juadah makanan ketika tibanya waktu untuk berbuka.

Sesuatu yang amat menghairankan juga apabila melihat setengah orang ketika berpuasa kelihatan amat lesu dan tidak bermaya, namun apabila tiba sahaja waktu petang untuk membeli juadah, badan yang lesu tadi sudah menjadi cergas serta kuat. Lantas, pelbagai juadah dibeli sehingga melebihi keperluan yang sepatutnya. Mereka seolah-olah ingin '*menggada*' sarapan, makan tengah hari dan makan petang yang ditinggalkan ketika berpuasa, lalu berlakulah banyak pembaziran.

Terdapat dalam kalangan masyarakat Islam yang menjadikan waktu berbuka tidak ubah seperti suasana '*pesta makan*'. Masyarakat seolah-olah berusaha untuk mengubah bulan puasa kepada '*bulan makan*'. Sikap sesetengah umat Islam yang lebih pentingkan pesta menjamu selera pada bulan ini menyebabkan kesucian Ramadan sebagai bulan ibadat tidak dapat dihayati dengan sempurna.

Sebenarnya Islam tidak melarang umatnya membeli makanan. Cuma Islam mengajar kita supaya berbelanja secara sederhana setiap masa, termasuk sewaktu berbuka puasa. Kita sebenarnya bukan '*hidup untuk makan*', tetapi '*makan untuk hidup*'. Apabila konsep '*hidup untuk makan*' dijadikan pegangan, keadaan ini menyebabkan berlaku kelalaian hingga melampaui batas berbelanja. Tidak cukup dengan juadah yang dimasak di rumah, dibeli lagi makanan di bazar Ramadan secara berlebihan.

Sesuatu yang perlu disadari bahawa tabiat pembaziran yang berlaku pada Ramadan menyebabkan puasa menjadi sia-sia kerana tidak mencapai ketakwaan sebagaimana diharapkan. Masyarakat Islam perlu sedar puasa ialah ibadat yang memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi, sahsiah dan akhlak hingga mencapai tahap takwa kepada Allah.

Antara ciri insan bertakwa ialah mereka yang berjaya mengawal nafsu makan. Sehubungan itu, umat Islam hendaklah menghindari amalan menjadikan Ramadan bulan untuk berpesta makan dan membeli-belah secara berlebihan.

Pembaziran satu sifat yang dilarang keras di dalam Islam. Justeru, Allah mengumpamakan orang yang membazir itu saudara kepada syaitan. Firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ  
كَفُورًا ﴿٢٧﴾

**Maksud:** "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya."

(al-Isra'; 27)

Sayyid Qutb di dalam tafsirnya 'Fi Zilal al-Quran' menjelaskan Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas mentafsirkan pembaziran itu ialah berbelanja kepada tempat yang tidak wajar (secara yang tidak diharuskan oleh Allah). Oleh itu, berbelanja secara berlebihan juga suatu tindakan yang tidak wajar dan membazir. Rasulullah SAW bersabda dalam hadisnya yang bermaksud:

"Diriwayatkan daripada al-Mughirah bin Syu'bah, katanya: Rasulullah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَيْكُمْ عُقُوقَ الْأُمَّهَاتِ، وَوَادَ الْبَنَاتِ، وَمَنْعًا  
وَهَاتِ، وَكَرِهَ لَكُمْ ثَلَاثًا: قَيْلَ وَقَالَ، وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ،  
وَإِضَاعَةَ الْمَالِ

**Maksud:** *Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas kamu menderhaka kepada ibu, menanam anak perempuan hidup-hidup, enggan memberi (bersedekah) miliknya tetapi meminta-minta milik orang lain dan ditegah ke atas kamu tiga perkara, iaitu mengada-ngadakan cerita, banyak bertanya dan membazirkan harta."*

(al-Bukhari; 1407 dan Muslim; 593).

Jelasnya, segala perbuatan yang menjurus kepada amalan pembaziran baik dalam apa bentuk sekalipun perlu dihindarkan. Tabiat merokok juga pembaziran yang wajib ditinggalkan. Moga Ramadan tahun ini dapat mendidik jiwa perokok ke arah meninggalkan tabiat itu agar pembaziran dapat dibasmi sama sekali.

Hukuman gantung diketepikan, 6 bekas pelajar UPNM kekal dipenjara 18 tahun

29

## KHAZANAH ILMU MEMBENTUK PEMIKIRAN MANUSIA

Al-Quran mukjizat teragung yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW sebagai hidayah dan pedoman dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ  
مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

**Maksud:** "Bulan Ramadan yang diturunkan padanya al-Quran memberi hidayah (petunjuk) kepada manusia dan penjelasan bagi petunjuk itu..."

(al-Baqarah; 185)

Firman Allah SWT lagi:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ  
يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

**Maksud:** "Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang benar (Islam), dan memberikan berita menggembirakan kepada orang beriman mengerjakan amalan soleh, dan mereka akan memperoleh pahala yang banyak."

(al-Isra'; 9)

Menurut Sheikh Manna' Qattan dalam bukunya *'Mabahith fi 'Ulum al-Quran'*, proses penurunan al-Quran berlaku dalam dua peringkat. Peringkat pertama, ia diturunkan daripada *luh mahfuz* ke langit dunia secara sekali gus. Peringkat kedua pula diturunkan dari langit dunia kepada Nabi SAW secara beransur-ansur melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. al-Quran yang diturunkan secara beransur-ansur ini mengambil masa selama hampir 23 tahun. Ayat pertama diturunkan ialah ayat 1-5 daripada Surah al-'Alaq yang diturunkan pada 17 Ramadan 610 Masihi di Gua Hira'. Ayat terakhir diturunkan ialah ayat 281 Surah al-Baqarah yang diturunkan sembilan malam sebelum kewafatan Nabi SAW.

Penurunan al-Quran sebenarnya memberikan sejuta rahmat kepada manusia. Imam al-Razi dalam kitab tafsirnya menjelaskan bahawa al-Quran penawar kepada penyakit rohani dan jasmani. Namun apa yang menyedihkan terdapat ramai masih tidak menghargai al-Quran dan masih terdapat mereka memandangnya sebagai sesuatu yang tidak bernilai. Kalaulah diberi pilihan antara wang dengan al-Quran, rasanya ramai yang memilih wang. Kalau pun ada yang mengatakan bahawa dia memilih al-Quran, mungkin ibarat menanam tebu di bibir, tetapi hakikatnya adalah di sebaliknya. Sehubungan itu, kita wajar bermuhasabah adakah benar-benar menghayati kepentingan al-Quran dalam kehidupan atau sebaliknya?

Masyarakat Islam hari ini masih ketinggalan jauh daripada menghayati isi kandungan al-Quran dengan sebenar-benarnya. Justeru, kita dapati al-Quran hanya akan berkumandang apabila berlaku kematian atau hanya akan dialunkan pada pembukaan majlis tertentu. Selepas itu, al-Quran kembali ditinggalkan. Inilah

fenomena yang sepatutnya diubati agar tidak berterusan. Setiap orang Islam mesti berusaha sedaya upaya untuk membaca, memahami, menghayati dan mengamalkan keseluruhan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan. Dr. Solah Abdul Fattah al-Khalidi dalam bukunya *'Mafatih li al-Ta'amul ma'a al-Quran'* menyenaraikan beberapa tujuan utama al-Quran itu diturunkan. Antaranya ialah:

1. Untuk mendapat hidayah daripada Allah
2. Untuk mewujudkan peribadi Muslim yang unggul dan seimbang.
3. Mewujudkan masyarakat Islam tulen.
4. Sebagai senjata dalam menghadapi musuh Islam yang berusaha untuk menghancurkan Islam.

Oleh itu, marilah bertanya kepada diri kita, sejauh mana usaha untuk menambah keimanan dan keyakinan terhadap al-Quran dan sejauh manakah kita menjadikan al-Quran sebagai pedoman dan petunjuk dalam kehidupan sehari-hari dan sejauh manakah usaha untuk menghayati isi kandungan al-Quran. Untuk melihat bahawa kita benar-benar beriman dan yakin terhadap kandungan al-Quran perlulah ada pada diri kita beberapa ciri sebagai tanda dan ukuran. Ciri-ciri yang dimaksudkan itu ialah:

1. Hendaklah kita sentiasa membaca dan berusaha menghafaznya. Dengan membaca al-Quran ia dapat menambah kebersihan jiwa, ketenangan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Dengan membaca al-Quran itu juga, kita akan mendapat ganjaran pahala dan syafaat daripada Allah

sebagaimana maksud sabda junjungan kita Nabi Muhammad SAW:

أَفْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

**Maksud:** "Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada pembacanya."

(Muslim; 804)

2. Al-Quran hendaklah dibaca dengan tartil iaitu dengan bacaan yang terang, jelas dan betul mengikut ilmu tajwid.
3. Hendaklah kita sentiasa meneliti, memahami kandungan dan pengertian yang disampaikan dalam al-Quran. Allah berfirman:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالهَا ﴿٢٤﴾

**Maksud:** "Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran?"

(Muhammad; 24)

Al-Quran ialah gedung ilmu dan petunjuk yang benar. Ia khazanah ilmu yang mampu membentuk pemikiran dan akal manusia. Sebab itu apabila seseorang berfikir dengan berlandaskan al-Quran, ia menjadi satu pemikiran yang kukuh dan sepadu serta berjaya memimpin diri, keluarga, masyarakat serta negara ke arah yang diredai Allah SWT. Apabila pemikiran berpaksi dengan al-Quran, dengan sendiri kita akan menjadi orang

yang berprinsip dan berpendirian. Jika sebaliknya kita akan menjadi manusia yang tidak mempunyai prinsip dan sentiasa berubah-ubah mengikut arus.

Orang yang tidak berprinsip hanya menjadi pengikut, penterjemah dan pentafsiran pemikiran orang lain tanpa melihat sama ada pemikiran dikemukakan itu benar atau tidak di sisi Allah SWT.

30

### MENGAPA PANDANG SEPI BONUS *LAILATULQADAR*?

Firman Allah SWT:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ  
شَهْرٍ ﴿٣﴾ تَنزِيلُ الْمَلِكِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ  
حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

**Maksud:** "Dan bukankah engkau (Muhammad) sudah mengetahui apakah kebesaran *lailatulqadar* itu? *Lailatulqadar* lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka kerana membawa segala perkara."

(al-Qadr; 2-5)

Dalam merungkaikan maksud '*lebih baik daripada seribu bulan*', al-Tabariy telah menukilkan beberapa tafsiran ulama terhadapnya. Beliau memilih tafsiran yang mengatakan bahawa amalan pada *lailatulqadar* adalah lebih baik berbanding amalan selama seribu bulan yang tidak terdapat padanya *lailatulqadar*. Beliau menukilkan daripada Mujahid katanya: "*Dahulu dalam kalangan Bani Israel terdapat seorang lelaki melakukan ibadat malam*

*hari sehingga menjelang pagi, kemudian dia berperang melawan musuh Allah sehingga menjelang malam. Lelaki tersebut melakukan perkara berkenaan selama seribu bulan. Kemudian Allah pun menurunkan ayat al-Quran dalam surah al-Qadr ayat 3."*

Ibnu Kathir dan al-Suyutiy menukilkan daripada Abu Hatim yang menukilkan daripada Arwah katanya, diceritakan kepada Rasulullah berkaitan empat orang lelaki daripada kaum Bani Israel. Mereka beribadat kepada Allah selama lapan puluh tahun tanpa melanggar perintah-Nya walau sekelip mata. Mereka ialah Ayyub, Zakariyya, Hazqil ibn al-Ajuz dan Yusha ibn Nun. `Urwah berkata, lalu para sahabat Rasulullah pun berasa kagum dengan ketekunan mereka. Lalu Jibril pun datang dan berkata, *'Wahai Muhammad, umatmu kagum dengan lelaki-lelaki tersebut yang beribadat kepada Allah selama lapan puluh tahun tanpa pernah melanggar perintah Allah walau sekelip mata. Sesungguhnya Allah SWT menurunkan kepada kamu perkara yang lebih baik daripada itu. Jibril pun membaca surah al-Qadr ayat 1 hingga 3.'*

Perkara ini lebih utama dikagumi olehmu dan umatmu. Urwah berkata, perkara berkenaan menggembirakan Rasulullah SAW dan sahabat yang bersamanya. Itulah kemuliaan lailatulqadar. Sesiapa yang berjaya menghidupkannya dia diberi ganjaran seumpama ahli ibadat dan mujahid yang beribadat dan berjihad hampir 83 tahun empat bulan. Satu ganjaran yang hampir mustahil diperoleh pada zaman ini. Kemuliaan yang sebegitu sesuailah dirakamkan satu surah daripada 114 surah yang terdapat dalam al-Quran.

Selain itu, kelebihan Ramadan dan juga lailatulqadar juga dapat dilihat pada keampunan yang ditawarkan oleh Allah SWT khusus kepada hamba-hambanya yang berjaya menghidupkan kedua-duanya. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, bermaksud: Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW sabda baginda:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ  
ذَنْبِهِ، وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ  
مِنْ ذَنْبِهِ

**Maksud:** "Barang siapa yang mendirikan lailatulqadar dengan penuh keimanan dan keikhlasan nescaya akan diampunkan dosadossanya yang terdahulu, barang siapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan nescaya akan diampunkan dosadossanya yang terdahulu."

(al-Bukhari; 2014 dan Muslim; 760)

*Lailatulqadar* ialah peluang terbaik kita, oleh itu jangan sia-siakan peluang keemasan ini. Akan tetapi, suatu persoalan yang amat penting, iaitu mengapakah masih ramai di antara hamba Allah yang masih memandang ringan kepada *lailatulqadar*?

Mungkin antara sebabnya ialah:

1. Mereka menghidap penyakit lemah iman, mereka kurang jelas tentang kebesaran dan kemuliaan serta ganjaran pahala pada malam al-Qadar, sebaliknya mereka lebih nampak besar perkara-

perkara materialistik yang boleh didapati dengan segera di dunia ini.

2. Selalu mengikut hawa nafsu sampai mereka tidak berhajat melakukan ibadat pada malam-malam sepuluh akhir Ramadan kerana nafsu ingin berehat, mahu menonton TV, mahu berbual-bual kosong, mahu bersama-sama bantal, tilam dan kain selimut. Ada pula yang sibuk membeli-belah untuk persiapan raya sampai terlupa ganjaran yang disediakan oleh Allah pada malam al-Qadar.
3. Penyakit panjang angan-angan. Mereka berangan-angan akan hidup seratus tahun lagi yang menyebabkan mereka membiarkan malam-malam sepuluh terakhir Ramadan berlalu begitu sahaja tanpa diisi dengan amal ibadat kepada Allah.

Kita mesti mengubati penyakit ini agar ia tidak menjadi semakin parah. Antara yang boleh dilakukan ialah:

1. Wajib kita menanam penuh keyakinan bahawa ganjaran pahala amal ibadat pada malam al-qadr memang amat besar yang mesti kita berlumba-lumba mendapatkannya.
2. Hendaklah kita menanam keazaman untuk jihad melawan kehendak nafsu agar kita dapat patuh kepada seruan al-Quran, panggilan surah al-Qadr serta kita dapat meneladani ibadat yang pernah dikerjakan oleh junjungan besar Nabi kita

Muhammad SAW pada malam-malam sepuluh terakhir Ramadan.

3. Kita mesti membuang penyakit panjang angan-angan, dengan kita sentiasa ingat bahawa kita mungkin akan berjumpa dengan malaikat maut pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, kita amat perlu kepada persediaan amal ibadat sebanyak yang mungkin, lebih-lebih lagi amal ibadat pada malam al-Qadar untuk bekalan kita selepas mati.

Marilah kita sama-sama menerima bonus Allah SWT yang berupa nikmat *lailatulqadar* dengan penuh kesyukuran dan ikhlas hati. Kita menyahut panggilan surah al-Qadr ini dengan azam untuk kita melaksanakan sebanyak-banyak ibadat pada sepuluh malam akhir Ramadan ini dengan melakukan solat fardu berjemaah, beriktikaf di masjid, solat sunat tarawih dan witr, membanyakkan bacaan al-Quran, mengulangi membaca surah al-Ikhlâs, berdoa, bersedekah, berzikir dan berselawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dengan penuh harapan semoga kita termasuk dalam golongan hamba Allah yang soleh.

Bergembira Dengan Rohani Terisi

6.30%

JUMLAH AGIHAN DIVIDEN

RM63.05bil

SIMPANAN SHARJAH

6.30%

JUMLAH AGIHAN DIVIDEN

RM10.19bil

31

## BERGEMBIRA DENGAN ROHANI TERISI

Semasa menjalani ibadah puasa Ramadan, terdapat umat Islam yang tidak sabar menunggu kedatangan 1 Syawal. Golongan tua dengan persepsinya yang tersendiri terhadap hari raya dan begitu juga dengan golongan muda dan kanak-kanak. Biasanya golongan tua dan yang sudah berumah tangga akan menjadikan hari raya ini sebagai hari yang penuh kegembiraan dengan segala peralatan rumah yang baharu dan serba lengkap. Ada yang sanggup berhutang demi memuaskan nafsu pada hari raya. Justeru, tidak hairanlah apabila berada pada penghujung Ramadan iaitu pada 10 hari terakhir, warga Islam di Malaysia biasanya akan sibuk dengan persiapan raya. Gedung pakaian, kedai perabot dan pasar raya akan dipenuhi dengan ribuan manusia membeli-belah untuk membuat persiapan beraya.

Golongan muda pula biasanya akan menjadikan hari raya sebagai hari yang penuh suka ria dengan berkumpul bersama rakan taulan dan menonton wayang bersama. Ada pula yang mengambil kesempatan pada hari raya untuk pergi berkelah bersama teman. Kanak-kanak pula mempunyai agenda yang tersendiri pada hari raya iaitu dengan memikirkan cara yang terbaik untuk memperoleh habuan '*duit raya*' sebanyak mungkin.

Daripada senario yang berlaku pada hari raya Aidilfitri di Malaysia, jelas menunjukkan masyarakat Islam di Malaysia menjadikan hari raya sebagai hari yang penuh kegembiraan! Namun, apakah yang menjadi persoalannya ialah adakah kegembiraan pada hari raya itu disambut sebagai suatu kesyukuran atas kemenangan dapat menjalani ibadah puasa atau semata-mata adat yang hanya dirayakan pada setiap tahun? Apa yang lebih menyedihkan terdapat golongan yang bukan sekadar menganggap hari raya sebagai suatu adat tahunan, tetapi melakukan perkara yang menyalahi syariat Allah. Dalam keghairahan menyambut hari raya yang mulia wajar ia disambut mengikut lunas-lunas yang digariskan oleh syarak dan tidak dicampuradukkan dengan perkara yang dilarang atau yang diharamkan oleh Islam.

Dalam bahasa Arab, hari raya Aidilfitri disebut sebagai *Id al-Fitr*. Perkataan '*Id*' bermaksud kembali, perayaan atau hari ulang tahun. '*Fitr*' pula bermakna berbuka atau makan minum, iaitu pada hari raya (tanggal 1 Syawal) umat Islam dikehendaki untuk berbuka dan haram berpuasa. *Fitr* juga bermaksud fitrah atau tabiat semula jadi. Maksudnya ialah ibadah puasa yang dilakukan oleh seseorang itu sepanjang Ramadan disertai dengan ibadah lainnya seperti solat tarawih pada malam-malam Ramadan, bertadurus al-Quran, *qiamullail*, zikrullah, berdoa, bersedekah dan sebagainya, akan melebur dan membersihkan segala dosa. Sehubungan dengan itu, pada 1 Syawal umat Islam akan kembali kepada fitrah sehingga keadaan mereka seolah-olah kembali bersih seperti bayi baru lahir.

Oleh yang demikian, hari raya Aidilfitri ialah hari kemenangan bagi umat Islam yang berjaya

menundukkan nafsu amarah di sepanjang Ramadan. Apabila muncul anak bulan Syawal, diri mereka telah bersih daripada dosa dan mereka sepatutnya benar-benar menjadi orang yang bertakwa. Inilah matlamat ibadah puasa sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى  
الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

**Maksud:** "Wahai orang yang beriman, diwajibkan puasa atas kamu sebagaimana diwajibkan atas umat-umat terdahulu sebelum kamu agar kamu bertakwa."

(al-Baqarah; 183)

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa apabila Rasulullah SAW tiba di Madinah, baginda mendapati penduduknya mempunyai dua hari perayaan untuk mereka bersuka ria. Baginda pun bertanya: "Hari perayaan apakah ini?" Sahabat menjawab: "Kami menyambutnya dengan bersuka ria sewaktu pada zaman Jahiliah." Lalu Rasulullah SAW pun bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبَدَلَكُمْ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا: يَوْمَ الْأَضْحَى، وَيَوْمَ  
الْفِطْرِ

**Maksud:** "Sesungguhnya Allah SWT menggantikan bagi kamu dua hari yang lebih baik daripada hari-hari tersebut, iaitu hari raya Aidiladha dan hari raya Aidilfitri."

(Abu Daud; 1134 dan an-Nasa'i; 1556)

Aidilfitri sekiranya disambut dengan adab yang digariskan syarak, sudah tentu ia bukan sahaja mendatangkan kegembiraan dan keseronokan, malahan

perayaan tersebut akan diberkati dan diredai oleh Allah SWT. Antara adab menyambut hari raya Aidilfitri sebagaimana yang digariskan oleh syarak ialah menghidupkan malam hari raya dengan melakukan amal ibadah seperti mendirikan solat fardu secara berjemaah, melakukan solat sunat, bertakbir serta melakukan apa jua kebaikan dan kebajikan. Pada malam tersebut juga, hendaklah memperbanyakkan doa ke hadrat Ilahi. Al-Imam al-Syafii menegaskan dalam '*al-Umm*' bahawa malam hari raya adalah di antara malam yang mudah diperkenankan doa oleh Allah.

Kemeriahan hari raya lebih dirasai apabila laungan takbir bergema. Firman Allah SWT:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلِعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

**Maksud:** "Dan sempurnakanlah puasa kamu mengikut bilangan dalam bulan Ramadan (29 hari atau 30 hari) dan bertakbirlah (membesarkan Allah SWT) atas petunjuk-Nya yang diberikan kepada kamu, semoga kamu bersyukur."

(al-Baqarah; 185)

Namun, apa yang terjadi dalam masyarakat kita ialah takbir itu dilaungkan dalam keadaan sedih dan mendayudayu, sehinggakan ada yang menitikkan air mata kesedihan ketika bertakbir. Sepatutnya, takbir dilaungkan dengan lebih bersemangat demi melahirkan kesyukuran dan mengagungkan Allah SWT. Allah memerintahkan agar diakui kebesaran dan keagungan-Nya melalui laungan takbir.

Pada pagi hari raya pula disunatkan mandi sebagaimana hadis yang dikeluarkan oleh Ibnu Majah dan diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas bahawa Rasulullah SAW mandi pada hari raya Fitrah dan hari raya Adha. Di samping itu, disunatkan juga memakai pakaian yang terbaik yang dimiliki, berwangian dan menghilangkan segala bau yang tidak menyenangkan.

Sebelum keluar ke masjid untuk menunaikan solat sunat hari raya Aidilfitri, disunatkan makan dan minum terlebih dahulu kerana mengikut apa yang dilakukan Anas r.a., beliau berkata bahawa:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى  
يَأْكُلَ تَمْرَاتٍ، وَيَأْكُلُهُنَّ وَثْرًا

**Maksud:** "Nabi SAW tidak keluar pada waktu pagi hari raya fitrah sehingga baginda makan (terlebih dahulu) beberapa biji tamar dan baginda memakannya dalam bilangan yang ganjil."

(al-Bukhari; 953)

Solat hari raya Aidilfitri ialah solat sunat dua rakaat yang dilakukan oleh umat Islam pada pagi 1 Syawal. Hukum menunaikan solat ini sunat muakkad. Solat sunat hari raya disyariatkan pada tahun pertama Hijrah, namun kali pertama ia dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah solat sunat hari raya Aidilfitri pada tahun kedua Hijrah. Ibnu 'Abbas juga menyatakan bahawa nabi Muhammad SAW menunaikan solat raya dengan tanpa laungan azan dan iqamat. Justeru, ulama berijmak dengan pensyariatan solat hari raya ini.

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhayliy dalam bukunya *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*, para fuqaha bersependapat waktu untuk menunaikan solat hari raya ialah selepas

terbitnya matahari sekadar segalah atau dua galah (iaitu kira-kira setengah jam selepas terbit matahari) sehinggalah sebelum tergelincirnya matahari iaitu sebelum masuknya waktu Zuhur. Solat hari raya juga sunat ditunaikan di masjid, surau, padang atau di tempat lapang. Menurut ulama mazhab Syafii, yang paling afdal ialah ia ditunaikan di masjid kerana ia semulia-mulia tempat, namun sekiranya masjid tidak dapat menampung bilangan jemaah yang ramai, maka bolehlah ditunaikan di tempat lain seumpama di padang atau di tempat lapang.

Akan tetapi, sesuatu yang menyedihkan berlaku dalam masyarakat kita ialah sambutan Aidilfitri lebih tertumpu dalam bentuk fizikal atau lahiriah sahaja, dan sesetengahnya tidak sesuai dengan roh pengajaran Islam. Setiap individu Muslim wajib menilai kembali segala aktiviti yang berjalan pada hari raya selama ini. Ciri-ciri yang diambil daripada budaya luar Islam atau warisan budaya asing, yang tidak sesuai dengan akidah dan syariah Islam hendaklah ditinggalkan. Makanan, juadah dan kuih-muih boleh disediakan pada hari raya, tetapi hendaklah dalam bentuk yang sederhana. Demikian juga dengan perhiasan rumah, pakaian untuk diri dan anak-anak mestilah sesuai dengan kemampuan ekonomi keluarga.

Amalan ziarah-menziarahi pada hari raya ialah suatu tradisi yang disyariatkan di dalam Islam. Namun, amalan saling menziarahi di antara satu sama lain seperti menziarahi orang tua, saudara-mara, kaum kerabat, jiran, para guru dan sahabat-handai sebenarnya tidak terbatas pada hari raya sahaja, tetapi ia perlulah dilakukan pada hari dan bulan lain yang sesuai dari semasa ke semasa. Kanak-kanak pula perlu

dididik agar mereka tidak mengunjungi rumah seseorang semata-mata untuk mendapatkan duit raya. Sambutan hari raya sebenarnya bukanlah semata-mata kegembiraan atau keseronokan sahaja, tetapi yang lebih penting dan lebih utama untuk mendapatkan keberkatan dan keredaan Allah SWT. Oleh itu, hasilah Aidilfitri pada tahun ini dengan sesuatu yang bertepatan dengan hukum syarak.

## 32

### REBUTLAH GANJARAN SEPERTI BERPUASA SETAHUN PENUH

Diriwayatkan daripada Abu Ayyub al-Ansariy bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ  
الدَّهْرِ

**Maksud:** *"Barang siapa yang berpuasa pada Ramadan, kemudian diikuti puasa enam hari pada Syawal adalah seperti puasa setahun penuh.*

(Muslim; 1164)

Ramadan sudah pun melabuhkan tirainya. Masih terbayang di mata kemeriahan ibadah sepanjang Ramadan. Masjid dan surau dipenuhi dengan jamaah yang beriktikaf, mengerjakan solat secara berjemaah, bertadarus dan sebagainya. Syawal pula disambut dengan laungan takbir yang bergema di seluruh pelosok negara tanda kemenangan menundukkan hawa nafsu di sepanjang Ramadan. Namun, suatu persoalan yang perlu dijawab ialah sejauh manakah komitmen untuk beristiqamah dan meneruskan kesinambungan ketaatan pada Allah pada bulan yang datang selepas Ramadan?

Sudah menjadi adat dan kebiasaan dalam masyarakat kita untuk berlumba-lumba menunaikan ibadah pada Ramadan, tetapi apabila berlalunya Ramadan, segala amal ibadah yang dilakukan terus ditinggalkan begitu sahaja. Amalan yang dilakukan itu seumpama pepatah yang menyatakan '*macam hangat-hangat tahi ayam*'. Kalau dahulunya masjid dan surau dipenuhi oleh para jemaah, kini ia kembali lengang. Kalau pada bulan Ramadan, boleh dikatakan setiap hari kita membaca al-Quran, namun kini al-Quran tersimpan rapi di dalam almari.

Sepanjang Ramadan, masyarakat kita berlumba-lumba untuk bersedekah, namun apabila berlalunya bulan tersebut ramai yang kembali menjadi bakhil. Kalau dalam Ramadan, puasa dapat dilaksanakan selama sebulan, tapi apabila datangnya Syawal, puasa enam hari pun amat berat untuk dikerjakan, sedangkan semua maklum tentang ganjaran '*puasa enam*'.

### **Puasa enam hari dalam Syawal**

Hadis di atas menunjukkan betapa beristiqamah dalam melakukan ibadah puasa menghasilkan ganjaran dan pahala yang banyak di sisi Allah. Justeru, apabila selesai menunaikan puasa pada Ramadan, tidak wajar terhenti amalan puasa setakat itu sahaja, bahkan amat digalakkan untuk meneruskan amalan puasa ketika Syawal sebagai suatu kesinambungan daripada puasa Ramadan.

Puasa enam hari dalam Syawal boleh dilakukan secara berturutan ataupun tidak. Hal ini kerana ungkapan hadis itu bersifat mutlak iaitu boleh memilih mana-mana enam hari dalam Syawal untuk melaksanakan puasa sunat.

Namun begitu, bersegera dalam melaksanakan puasa enam adalah lebih utama. Begitu juga tidak diwajibkan untuk melaksanakan puasa enam dalam Syawal secara terus-menerus akan tetapi hal itu adalah lebih utama. Kata Imam Khatib Syarbini dalam kitabnya, *Mughni Muhtaj*, puasa enam elok dilaksanakan secara berturut-turut, tetapi sekiranya dilakukan secara berselang-seli juga tidak menjadi satu kesalahan.

Antara fadilat puasa enam ialah mereka yang melaksanakan puasa enam setelah berpuasa Ramadan, akan diberi ganjaran seperti berpuasa setahun sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis. Para ulama menghuraikan rahsia di sebalik ganjaran tersebut dengan mendatangkan dalil daripada sabda Rasulullah dalam sebuah hadis:

صِيَامُ شَهْرِ رَمَضَانَ بِعَشْرَةِ أَشْهُرٍ، وَصِيَامُ سِتَّةِ أَيَّامٍ  
بِشَهْرَيْنِ، فَذَلِكَ تَمَامُ صِيَامِ السَّنَةِ

**Maksud:** "Berpuasa pada Ramadan seolah-olah berpuasa selama 10 bulan dan puasa enam pada bulan Syawal seperti berpuasa dua bulan."

(Ibnu Majah; 1715)

Di dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* pula, dinyatakan bahawa setiap amalan kebaikan manusia akan diganjar sebanyak 10 kali ganda. Puasa 30 hari pada Ramadan diganjar sebanyak 300 hari, manakala puasa enam hari pada bulan Syawal pula diganjar dengan 60 hari. Jika dikira jumlahnya ialah 360 hari, ia menyamai jumlah hari di dalam setahun sebanyak 360 hari. Tambahan daripada itu, sebagai manusia yang menjadi hamba kepada Allah, alangkah baiknya amalan puasa yang diwajibkan ke atas kita pada Ramadan ini kita teruskan

juga pada Syawal, walaupun sekadar enam hari. Ini seolah-olah menunjukkan kita tidak melakukan ibadat puasa semata-mata kerana terpaksa atau kewajipan, tetapi melakukannya kerana rasa diri kita sebagai seorang hamba yang benar-benar bersungguh-sungguh untuk *taqarrub* kepada Tuhannya. Semuanya bertujuan membersihkan diri dan menundukkan hawa nafsu.

Antara manfaat puasa enam hari pada Syawal juga adalah sebagai kesinambungan amalan yang dikerjakan seorang hamba untuk mendekati diri kepada *Rabbnya* pada Ramadan tidak terputus dengan berlalunya bulan mulia ini. Oleh sebab itu sebaik-baiknya orang yang memiliki hutang puasa Ramadan memulai membayarnya pada Syawal kerana hal itu mempercepat proses pembebasan dirinya daripada tanggungan hutangnya. Kemudian dilanjutkan dengan enam hari puasa Syawal, dengan demikian dia telah melakukan puasa Ramadan dan mengikutinya enam hari pada Syawal.

Namun begitu, dalam hal yang perlu diutamakan sama ada berpuasa *qada* terlebih dahulu atau berpuasa sunat enam hari dalam Syawal, boleh dirumuskan kepada tiga pandangan mengenainya, iaitu:

**Pandangan Pertama:** *Qada* dahulu, kemudian barulah kerjakan puasa sunat. Dalilnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim seperti di atas. Jadi, dalam hadis ni menyatakan kena selesaikan puasa Ramadan dahulu, kemudian dilengkapi dengan puasa sunat Syawal. Oleh yang demikian, hendaklah *diqada* terlebih dahulu puasa Ramadan yang ditinggalkan, kemudian barulah sambung dengan puasa sunat.

**Pandangan kedua:** Laksanakan puasa sunat Syawal terlebih dahulu, kemudian baru *qada*. Hal ini disebabkan puasa sunat Syawal waktunya terhad hanya dalam Syawal sahaja, manakala *qada* puasa boleh dibuat dalam jangka masa yang lebih panjang. Ia berdasarkan dalil bahawa Aisyah pernah mengakhirkkan hutang puasa Ramadan yang perlu *diqada* hingga ke Syaaban akan datang. Aisyah berkata:

كَانَ يَكُونُ عَلَيَّ الصَّوْمُ مِنْ رَمَضَانَ فَمَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَقْضِيَهُ

إِلَّا فِي شَعْبَانَ، لِمَكَانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنِّي

**Maksud:** "Aku memiliki hutang puasa Ramadan. Aku tidak mampu mengqadanya kecuali pada Syaaban kerana sibuk (melayani) Rasulullah SAW"

(al-Bukhari; 1950 dan Muslim; 1146)

Ulama yang mengemukakan pendapat ini berhujah, sudah tentu tidak mungkin isteri Rasulullah SAW, iaitu Aisyah tidak melaksanakan puasa sunat enam Syawal. Pasti beliau melaksanakannya dan tindakan beliau meng*qada* puasa Ramadan pada Syaaban menunjukkan dibolehkan berpuasa sunat enam Syawal sekalipun seseorang itu memiliki hutang puasa Ramadan.

**Pandangan Ketiga:** Hendaklah berniat puasa *qada* dan apabila puasa *qada* itu berbetulan dengan hari yang disunatkan, maka akan mendapat pahala puasa sunat sekali. Ijtihad dan pandangan ini dikemukakan oleh ulama fiqh seperti Syeikh Zakariyya al-Ansoriy, Syeikh Atiyyah Saqr dan kebanyakan ulama Syafiiyyah. Apabila amalan wajib dilakukan bertepatan dengan waktu yang disunatkan pahala sunat akan turut diperoleh. Contohnya apabila masuk ke dalam masjid dan didapati solat fardu

sedang dikerjakan maka hendaklah terus menunaikan solat fardu berjemaah dan pahala sunat tahiyatul masjid juga akan terhasil. Syeikh Zakariyya al-Ansoriy menyatakan apabila berpuasa *qada* dalam Syawal, pahala puasa enam akan turut diperoleh kerana ia telah mencapai maksud hadis Rasulullah SAW agar berpuasa pada Syawal.

## 33

**ISTIQAMAH UMPAMA ASIAH ISTERI FIRAUN**

Firman Allah SWT:

وَصَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَمْرًا تِ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ  
 أَبْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَنَجِّنِي مِّنْ فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِ  
 وَنَجِّنِي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿١١﴾

**Maksud:** "Dan Allah mengemukakan satu mithal perbandingan (yang menyatakan tidak ada mudharatnya) kepada orang Mukmin (berhubung rapat dengan orang-orang kafir kalau tidak terjejas keadaan imannya), iaitu: hal isteri Firaun, ketika dia berkata: "Wahai Tuhanku! binalah untukku sebuah rumah di sisimu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya (yang kufur dan buas) serta selamatkanlah aku dari kaum yang zalim."

(al-Tahrim; 11)

Apabila disebut sahaja nama Firaun, maka semua sudah mengetahui betapa beliau ialah seorang manusia yang zalim dan menentang Allah. Bahkan, beliau juga telah mengaku dirinya sebagai 'tuhan'. Sehubungan dengan itu, beliau menentang dengan keras dakwah yang disampaikan oleh Nabi Musa a.s. Namun, sesuatu yang

amat 'mengejutkan' ialah kebatilan Firaun itu ditentang oleh isterinya sendiri yang mengetahui betapa Firaun ialah manusia yang sesat lagi zalim. Isteri Firaun amat mengenali suaminya itu, lalu dengan mudah dia menolak 'ketuhanan' yang diakui oleh Firaun. Sebaliknya isteri Firaun itu beriman kepada Allah dan amat komited mempertahankan akidahnya kepada Allah.

Menurut al-Shaukani, Allah SWT menjadikan isteri Firaun sebagai suatu bidalan dan perumpamaan bertujuan untuk memberi perangsang dan semangat kepada orang yang beriman supaya mereka tetap beristiqamah dalam ketaatan kepada Allah SWT serta berpegang kuat dengan ajaran agama dan bersabar dalam menghadapi apa jua cabaran dan rintangan. Walaupun Asiah isteri Firaun ini berada dalam suasana kekufuran yang dicetuskan oleh suaminya Firaun, namun keimanan yang teguh dan kental menyelamatkannya daripada kegelapan kekufuran terbabit. Keimanan kepada Allah adalah sesuatu yang amat bernilai dan berharga. Hal ini adalah kerana natijah bagi orang yang beriman ialah syurga yang disediakan untuknya di akhirat.

Oleh yang demikian, sesuatu nikmat dan kebahagiaan itu bukan boleh didapati secara mudah dan senang. Ia memerlukan kepada pengorbanan dan usaha yang berterusan. Bak kata pepatah, "*berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakitlah dahulu, bersenang-senang kemudian.*" Orang yang ingin berjaya di dunia ini pun perlukan pengorbanan, apatah lagi kejayaan yang diimpikan di akhirat! Sehubungan dengan itu, Nabi SAW menyatakan kepada seseorang yang mengajukan kepada nabi persoalan mengenai apakah amalan yang terbaik dengan sabda baginda:

قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ، ثُمَّ اسْتَقِمْ

**Maksud:** "Katakanlah: Aku beriman kepada Allah, kemudian hendaklah kamu beristiqamah!"  
(Muslim; 38)

### Rintangan dan cabaran

Dalam kehidupan ini, sesuatu kemanisan dan kebaikan tidak akan dapat dicapai dengan mudah melainkan melalui cabaran dan dugaan. Sebagai contoh, seorang pelajar yang ingin berjaya dalam peperiksaan, mahu tidak mahu, dia hendaklah '*bersenggang*' mata menelaah pelajaran untuk mencipta kejayaan. Tanpa sebarang cabaran dan rintangan, maka kejayaan itu sukar diperoleh. Begitu juga kalau dilihat pada seorang kanak-kanak yang baru belajar untuk berjalan. Bukan mudah baginya untuk menapak kaki ke hadapan setapak demi setapak. Baru saja hendak melangkah, ia terus jatuh tersungkur ke hadapan.

Namun, kesabaran dan kecekalan yang ada pada dirinya untuk terus berjalan, maka ia tidak pernah mengenal putus asa segala kesakitan yang dialami ditempuh dengan penuh kecekalan dan semangat. Akhirnya kanak-kanak tersebut boleh berjalan. Apatah lagi dalam menghadapi kehidupan di dunia ini, banyak sekali cabaran dan dugaan yang akan dihadapi dan ditempuhi untuk menuju kejayaan. Orang yang beriman hendaklah bersabar dalam melaksanakan ketaatan dan menjauhi sebarang maksiat demi sebuah kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

## Siapakah isteri Firaun?

Menurut al-Qurtubi dan Ibnu 'Ashur, nama isteri Firaun ialah Asiah binti Muzahim dan sebahagian daripada ahli tafsir mengatakan bahawa beliau ialah emak saudara kepada Nabi Musa a.s. Beliau tetap mempertahankan keimanannya kepada Allah SWT dan kepada Nabi Musa a.s. Walaupun suaminya, Firaun ialah musuh Allah SWT. Dengan keimanannya itu, dia diseksa oleh Firaun hingga meninggal dunia. Menurut al-Tabari dalam kitab tafsirnya, sebagai ganjaran terhadap ketabahan isteri Firaun itu dalam mempertahankan akidah, doanya diperkenankan oleh Allah dengan dibina baginya sebuah mahligai di syurga. Penggunaan bidalan dalam ayat ini adalah bertujuan menanamkan sifat tabah dan cekal dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

## Istiqamah

Istiqamah ialah sesuatu yang amat sukar, namun ia amat bermakna dalam kehidupan seseorang. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ  
أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

**Maksud:** "Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: 'Tuhan Kami ialah Allah' kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (beristiqamah), akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): 'Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan

*janganlah kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."*

(al-Fussilat; 30)

Jadikan diri kita seumpama isteri Firaun yang tetap beristiqamah dalam ketaatan kepada Allah walau terpaksa berhadapan kezaliman dan kekejaman suaminya sendiri. Walaupun beristiqamah itu sukar, namun kemanisannya amat terasa. Renungi pepatah Melayu yang tak lekang dek zaman: "*Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.*" Moga istiqamah dalam ketaatan sebagai hamba Allah akan membawa kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat.

# KUNJUNGAN TAK DIHARUSKAN

34

## REZEKI DIPEROLEH, BARAKAH DIRAIH

Kita tentu pernah menyaksikan segelintir orang kaya atau yang berada tetapi hidupnya tidak bahagia, resah, gundah gulana dan tidak tenteram. Malah tidak kurang juga yang ditimpa dengan pelbagai macam masalah kesihatan, kerosakan akhlak anak-anak dan rumah tangga yang kucar-kacir. Semua kekusutan itu menggambarkan bahawa kebahagiaan yang dicari itu bukannya datang daripada limpahan harta kekayaan. Hakikatnya, perlu kepada muhasabah dan menilai kembali sumber harta tersebut dan bagaimana ia dibelanjakan.

Lantas itu, wujud sungutan yang berbunyi: *"Aku ni gaji besar tapi masih tidak rasa tenteram, rumah tangga pula sentiasa berantakan dan masih tidak cukup-cukup. Bukan itu sahaja, macam-macam masalah lain yang mendatang. Tetapi lihat si Ali itu, gajinya kecil tapi hidupnya tenang dan sentiasa dalam kecukupan. Betul-betul pelik lah!"* Perkara ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang pelik. Tetapi lumrah berlaku dalam kehidupan seorang Muslim. Cuma kita umat-Nya kurang peka dengan peringatan Allah menerusi kitab suci al-Quran.

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنْ كَانَ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ أُقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

**Maksud:** "Katakanlah (wahai Muhammad); jika bapa-bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, pasangan hidup kamu, kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah kediaman yang kamu sukai, (jika semuanya itu) lebih kamu cintai daripada menunaikan perintah) Allah dan Rasul-Nya dan daripada berjihad untuk agama-Nya maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka kepada perintah-Nya)."

(al-Taubah; 24)

Sementara itu, Allah SWT juga berfirman:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

**Maksud:** "Sesiapa yang mengerjakan amal yang soleh sama ada lelaki mahupun perempuan dalam keadaan mereka beriman maka sesungguhnya Kami akan berikan kepada

*mereka kehidupan yang baik (bahagia) dan sesungguhnya Kami akan berikan ganjaran pahala yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan (di dunia)."*

(al-Nahl; 97)

Pengurusan harta merupakan satu topik penting dalam al-Quran dan al-Sunnah. Perbahasan tentang harta dan cara menguruskannya dalam kitab-kitab fikah ketara seawal perbincangan berkenaan rukun Islam ketiga iaitu zakat. Harta ialah milik Allah secara mutlak. Apa yang ada di tangan manusia hanyalah pinjaman untuk digunakan pada jalan Allah sahaja. Sayangnya, ramai yang lupa dan beranggapan merekalah empunya sebenar harta yang dicari sedangkan terpikul amanah besar di sebalik pemilikan tersebut.

Ketelitian ajaran Islam berkenaan dengan harta meliputi setiap tahap dan proses iaitu peringkat mencari, memiliki dan seterusnya menyahmilikan harta. Secara mudahnya Islam menitikberatkan konsep halal dalam perolehan dan perbelanjaan harta dan konsep *infak fi sabilillah* semasa pemilikan harta. Kejayaan dan keuntungan dalam Islam bukanlah berasaskan keuntungan dan pengumpulan kekayaan semata-mata. Tetapi kejayaan itu ialah apabila memperoleh keredaan Allah dan yang ditakrifkan sebagai keredaan Allah itu ialah dengan memperhambakan keuntungan yang dimiliki kepada jalan Allah.

Sejarah mencatatkan bahawa Rasulullah ialah seorang ahli perniagaan yang jujur dan amanah sehingga mendapat keuntungan yang besar, sekali gus kredibiliti baginda itu memikat hati Khadijah, seorang saudagar yang memiliki kemuliaan dan harta. Begitu juga dengan

para sahabat Rasulullah yang lain yang merupakan ahli perniagaan yang berjaya seperti Abdul Rahman bin Auf, Othman bin Affan dan ramai lagi. Mereka ini berkongsi keuntungan dalam perniagaan menerusi jalan *infak fi sabilillah*.

Konsep infak bermaksud membelanjakan harta untuk melaksanakan perintah Allah. Konsep *infak fi sabilillah* dalam pengurusan harta merupakan satu bidang yang amat luas dan mempunyai impak yang besar dalam pembentukan dan pembinaan sosioekonomi ummah. Sebenarnya terdapat puluhan ayat al-Quran yang menyentuh tentang kepentingan, gesaan dan kelebihan *infak fi sabilillah*. Salah satu ayat yang berupa perintah mengenai amalan berinfaq dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ  
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

**Maksud:** "Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berbuat baik."  
(al-Baqarah; 195)

Terdapat dua jenis perniagaan yang perlu diketahui di dalam kehidupan ini iaitu; perniagaan sesama manusia dan perniagaan dengan Allah. Hasil gabungan dua jenis perniagaan itu akan melahirkan peribadi ulung seumpama sahabat nabi. Inilah tokoh korporat yang mahu dibentuk oleh al-Quran. Bukannya ahli korporat yang rakus menimbun kekayaan tanpa memikirkan

kesengsaraan orang lain. Sudahlah tidak mengeluarkan zakat jauh lagi untuk bersedekah. Tidak memikirkan akaun *fi sabillillah* walaupun memiliki pelbagai akaun bank dan saham-saham terkemuka.

Hakikatnya, kewujudan watak-watak korporat seumpama ini tidak akan menguntungkan masyarakat, sebaliknya akan mengundang masalah seperti; salah guna kuasa, rasuah dan banyak lagi. Untuk berjaya dalam perniagaan faktor paling utama yang perlu ada pada setiap yang ingin bergelar usahawan ialah ilmu pengetahuan. Sekiranya berbekalkan sekadar modal dan usaha, ia tidak mencukupi.

Oleh itu, ilmu yang dimaksudkan di sini ialah dua bentuk ilmu iaitu; ilmu tentang perniagaan. Ini merangkumi ilmu pengurusan perniagaan, pemasaran, perakaunan, sumber manusia, gelagat pengguna, pengurusan kredit dan seumpamanya. Ilmu kedua ialah ilmu tentang halal dan haram dalam perniagaan. Kesempurnaan ilmu kumpulan pertama mungkin sekadar menjamin kejayaan di dunia.

Oleh itu, para ulama memberikan perhatian di mana ilmu ini lebih dikenali dalam disiplin ilmu fiqh (fikah) sebagai *fiqh al-buyu'* yang bermaksud fikah jual beli atau mutakhir ini dikenali sebagai *fiqh al-muamalat*, yang mana kepentingan mempelajari serta menguasai ilmu ini setara dengan ilmu-ilmu fardu ain. Seperkara yang sering dilepas pandang ramai daripada usahawan Muslim ialah aspek memperbetulkan niat dalam berniaga. Selama ini, orang hanya pentingkan niat dalam urusan kehidupan seharian berbanding bidang perniagaan.

Jika tiada walau secebis niat untuk membayar zakat, bersedekah dan *berinfak fi sabilillah* maka dia ialah seorang peniaga yang tamak dan tidak akan memperoleh apa-apa pahala di sisi Allah. Walaupun niat kelihatan tidak penting dalam perniagaan kerana ia tidak berkaitan dengan untung dan rugi di dunia tetapi sebenarnya ia amat berpengaruh dengan untung dan rugi di akhirat. Formulanya di sini ialah niat boleh menukarkan sesuatu perniagaan dunia menjadi perniagaan akhirat. Namun kaedah ini bukanlah satu kaedah mutlak. Ia hanya terpakai kepada perniagaan yang betul-betul beroperasi menurut kehendak syarak. Contohnya, berniaga dengan niat yang baik iaitu untuk menyara keluarga, keluarkan zakat dan bersedekah tetapi pada masa sama, terlibat dengan penipuan, maka dia tetap tidak mendapat pahala walaupun niatnya baik.

## 35

### SYAITAN SENTIASA CUBA MENYESATKAN HAMBA ALLAH

Para ulama berbincang panjang tentang perbezaan yang wujud di antara iblis, syaitan dan jin. Kita boleh merujuk perbincangan tersebut dalam kitab tafsir al-Tabari, al-Qurtubi dan lain-lain. Namun, secara ringkasnya boleh dinyatakan bahawa jin ialah makhluk Allah yang diberi tanggungjawab memperhambakan diri kepada Allah seumpama manusia. Firman Allah SWT:

﴿ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

**Maksud:** *"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."*

(al-Zariyat; 56)

Justeru, jin adalah seumpama manusia dari sudut keimanan dan kekufuran. Oleh itu, terdapat dalam kalangan jin golongan yang Islam, soleh, kafir, fasik, munafik dan sebagainya. Firman Allah SWT:

﴿ وَأَنَا مِنَ الصَّالِحِينَ وَمِنَّا دُونَ ذَلِكَ كُنَّا طَرَائِقَ قَدَدًا ﴾

**Maksud:** *"Dan sesungguhnya di antara kami (jin) ada orang yang soleh dan di antara kami ada*

*yang tidak demikian halnya. Adalah kami menempuh jalan yang berbeza-beza."*

(al-Jin; 11)

Jin ialah makhluk Allah yang diciptakan daripada api. Firman Allah SWT lagi:

وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ ﴿٢٧﴾

**Maksud:** "Dan kami telah menciptakan jin sebelum (Adam) daripada api yang sangat panas."

(al-Hijr; 27)

Iblis pula ialah makhluk Allah yang derhaka dalam kalangan jin. Al-Quran menyatakan dengan jelas bahawa iblis adalah daripada jenis jin. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۖ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

**Maksud:** "Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: 'Sujudlah kamu kepada Adam', lalu mereka sujud melainkan iblis, dia adalah berasal daripada golongan jin, lalu dia menderhaka terhadap perintah Tuhannya. Oleh itu, Patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripada-Ku? Sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amat buruklah iblis itu sebagai pengganti bagi orang yang zalim."

(al-Kahfi; 50)

Syaitan pula ialah golongan yang ingkar daripada kalangan jin dan manusia. Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيْطِينِ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

**Maksud:** "Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh daripada syaitan manusia dan jin, sesetengahnya membisikkan kepada sesetengahnya yang lain kata dusta yang indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya, oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (daripada perbuatan yang kufur dan dusta) itu."

(al-An'am; 112)

Menurut al-Raghib al-Asfahani dalam *Mufradat Alfaz al-Quran*, perkataan syaitan bermaksud 'menjauhkan'. Oleh itu, syaitan terdiri daripada golongan jin dan manusia yang cuba menjauhkan serta menyesatkan hamba Allah daripada memperhambakan diri kepada-Nya dengan digunakan pelbagai cara serta tipu daya. Syaitan dalam kalangan jin ialah anak cucu kepada iblis dan mereka sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia. Boleh dikatakan syaitan anak cucu iblis ini ialah golongan 'mafia' yang ingkar dan sesat serta berusaha untuk menyesatkan orang lain. Syaitan berusaha melakukan 'peperangan' dengan anak cucu Adam sebagai balas dendam atas pengusiran nenek moyang mereka, iblis dari syurga kerana keengganan untuk sujud kepada Nabi Adam.

Firman Allah SWT:

قَالَ فِيمَا أَعْوَيْتَنِي لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ  
لَأَتَّيْنَهُمْ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ  
شَمَائِلِهِمْ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَاكِرِينَ ﴿١٧﴾

**Maksud:** "Iblis berkata: 'Oleh kerana Engkau (Wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (daripada menjalani) jalan-Mu Yang lurus, kemudian aku datang kepada mereka, dari hadapan mereka serta dari belakang mereka dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka; dan Engkau tidak akan dapat melihat kebanyakan mereka bersyukur".

(al-A'raf;16-17)

Menurut Ibn Qayyim maksud 'jalan yang lurus' dalam ayat berkenaan ialah Islam, jalan yang membawa kepada Allah SWT. Ini bersesuaian dengan hadis:

إِنَّ الشَّيْطَانَ قَعَدَ لِابْنِ آدَمَ بِأَطْرَفِ كُلِّهَا

**Maksud:** "Sesungguhnya syaitan akan menghalang anak Adam pada semua jalan."

(Ahmad; 15486 dan al-Nasa'i; 3132)

Ibn Qayyim menyatakan lagi: "Jalan yang dilalui oleh manusia hanya empat; kanan, kiri, depan atau belakang. Mana-mana jalan yang dilalui, syaitan sentiasa menunggunya. Jika dia melalui jalan itu untuk melakukan ketaatan, syaitan akan menghalangnya dan melambatkan-lambatkannya. Jika dia melalui jalan itu untuk melakukan maksiat, syaitan akan mengalukan dan membantunya. Kalau perlu untuk masuk dari bawah

(demi menyesatkan manusia), syaitan pun akan melakukannya."

Jelaslah posisi depan dan belakang yang dinyatakan itu memberi gambaran syaitan akan berusaha untuk menghasut manusia melakukan kejahatan dan menghalang manusia daripada melakukan kebaikan daripada segenap penjuru yang ada pada manusia. Bahkan dalam ayat al-Quran al-Karim yang lain menggambarkan syaitan akan memerangi habis-habisan untuk menyesatkan manusia dengan menggunakan keupayaan yang ada padanya.

## 36

## ANTARA CAIR DAN BEKU

Islam agama ilmu dan memerangi kejahilan. Oleh itu, umat Islam diperintahkan agar mencari ilmu. Rasulullah SAW telah bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Maksud:** "Menuntut ilmu diwajibkan kepada setiap Muslim."

(Ibnu Majah; 224)

Dalam buku '*Malamih al-Mujtama' al-Muslim*', Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah menyatakan bahawa berdasarkan hadis nabi SAW, para ulama' Islam telah bersepakat bahawa menuntut ilmu itu wajib kepada setiap individu Muslim. Sekiranya seseorang itu menjadikan falsafah 'iqra' sebagai pegangan dalam kehidupan, maka insya Allah ia tidak akan sesat daripada landasan kebenaran. Ilmu yang didefinisikan sebagai '*pengetahuan sebenar terhadap sesuatu perkara*' mestilah diambil daripada sumber yang sahih iaitu al-Quran dan al-sunnah nabi SAW sebagaimana sabdanya:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ

اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ

**Maksud:** *'Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selamanya selagi kamu berpegang dengan keduanya; iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan sunnah aku (Rasulullah)'*.

(Malik; 1650 dan al-Tirmizi; 2678)

Secara umumnya terdapat dua kategori masyarakat dalam berhadapan dengan penerimaan mereka terhadap hadis nabi SAW. Golongan pertama ialah *'golongan cair'* yang menerima sahaja apa yang disebut sebagai hadis nabi SAW walaupun ia merupakan sebuah hadis palsu. Golongan ini enggan membuat kajian yang lebih mendalam, sebaliknya lebih selesa untuk menerima apa sahaja yang disandarkan kepada nabi SAW untuk diamalkan dalam kehidupan seharian dengan menganggap bahawa ia merupakan sunnah Rasulullah SAW. Justeru, daripada golongan ini, kita dapati mereka adalah daripada jenis manusia yang hanya suka menerima secara membuta tuli dan beramal dengan sesuatu yang dikatakan bahawa ia hadis Rasulullah tanpa mempedulikan sama ada ia datang daripada hadis yang sahih, daif mahu pun hadis palsu.

Sehubungan dengan itu, apabila diuar-uarkan mengenai hadis fadilat beramal dengan amalan-amalan tertentu sempena kedatangan tahun baharu hijrah contohnya, maka mereka akan beramal dengan bersungguh-sungguh dengan anggapan bahawa ia merupakan sesuatu yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Contohnya ialah suatu riwayat yang dianggap sebagai hadis nabi iaitu Sesiapa yang membaca doa akhir tahun, syaitan berkata: *"Kesusahan bagiku dan sia-sia lah pekerjaanku menggoda anak Adam pada setahun ini dan Allah binasakan aku satu saat jua. Dengan sebab*

*membaca doa ini, Allah ampunkan dosanya setahun."* Selepas dibaca doa awal tahun pula, syaitan berkata, *"Telah amanlah anak Adam ini daripada godaanku pada tahun ini kerana Allah mewakilkan dua Malaikat memeliharanya daripada fitnah syaitan."*

Lalu golongan yang 'cair' menerima sahaja apa yang dikatakan sebagai hadis nabi SAW lalu menganggap bahawa membaca doa awal tahun dan akhir tahun dengan 'doa tertentu' itu merupakan sunnah Rasulullah dan beramal dengannya mendapat fadilat yang besar. Mengenai nas hadis tersebut, para ulama seperti Jamaluddin Al-Qasimy, Abu Syamah, Muhammad Abd Salam al-Syuqairy dan sebagainya menerangkan bahawa riwayat tersebut tidak terdapat dalam mana-mana kitab hadis sahih, dan tidak juga tidak terdapat di dalam mana-mana kitab-kitab hadis yang lain. Justeru, ia merupakan suatu 'hadis palsu' sekiranya ia disandarkan kepada Rasulullah SAW. Apatah lagi secara logiknya pun dapat dikenal pasti bahawa ia bukan hadis nabi kerana permulaan tahun baharu hijrah atau peletakan takwim hijrah telah diasaskan oleh Umar al-Khattab pada tahun 17 Hijrah.

Hal ini bermakna pada zaman nabi SAW belum ada tahun hijrah, oleh yang demikian mana mungkin Rasulullah SAW menganjurkan suatu doa dengan dikaitkan dengan fadilat-fadilat tertentu untuk diamalkan pada tarikh yang tidak diketahui. Jelasnya, ini merupakan hadis palsu yang tidak boleh diriwayatkan setelah mengetahui kepalsuannya. Hal ini adalah kerana Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

**Maksud:** *“Barang siapa berdusta atasku dengan sengaja, maka tersedialah baginya satu tempat di dalam api Neraka.”*

(al-Bukhari; 106)

Golongan kedua pula ialah *‘golongan beku’* yang menolak bukan sekadar hadis palsu tetapi menolak juga segala unsur baik yang terdapat dalam sesuatu *‘hadis’* tersebut. Sebagai contohnya ialah apabila ia mendapat tahu bahawa riwayat yang menyatakan *‘awal agama itu adalah makrifatullah (mengenal Allah)’* merupakan hadis palsu apabila ia disandarkan kepada nabi SAW, maka ia bukan sekadar menolak riwayat tersebut sebagai hadis, bahkan ia juga menolak isi kandungannya sekali.

Begitu juga golongan yang *‘beku’* ini mereka bukan sekadar menolak hadis palsu membaca doa awal tahun dan akhir tahun, akan tetapi mereka juga menolak sebarang amalan yang dilakukan pada waktu tersebut dengan dikaitkan amalan itu termasuk dalam bidaah yang sesat yang akan menghumbankan pelakunya ke dalam api neraka. Justeru, manakah di antara dua golongan ini yang berada di atas paksi kebenaran? Syaitan sentiasa memainkan peranan untuk menggoda dan menyesatkan manusia supaya memilih mana-mana antara dua golongan ini supaya umat Islam terus berpecah dan bergaduh terutama dalam menghadapi riwayat-riwayat hadis palsu dan seumpamanya.

Sehubungan dengan itu, umat Islam yang cerdas akan sentiasa mencari jalan penyelesaian dalam menangani apa jua kemelut yang melanda. Sesungguhnya jalan *‘golongan cair’* dan *‘golongan beku’* adalah amat tidak sesuai dalam konteks perkembangan dakwah Islam pada hari ini. Penyelesaian kepada kemelut ini adalah dengan

mengambil ‘jalan tengah’ yang lebih selamat daripada tipu daya syaitan.

Pertama sekali yang perlu dilakukan ialah dengan meneliti terlebih dahulu terhadap hadis-hadis yang disampaikan melalui rujukan kepada golongan pakar dan golongan yang berilmu. Firman Allah SWT:

﴿ فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴾

**Maksud:** “Maka bertanyalah kamu kepada golongan berilmu jika kamu tidak mengetahui.”  
(al-Anbiya’; 7)

Boleh juga dirujuk pada kitab-kitab hadis untuk mengetahui status sesuatu hadis. Seterusnya, setelah dikenal pasti bahawa sesuatu hadis itu adalah tidak *thabit* daripada Nabi SAW, maka menjadi suatu kewajipan untuk tidak menerimanya sebagai suatu hadis dan ia tidak boleh disandarkan kepada Nabi SAW. Menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam untuk menolak periwayatan hadis palsu kerana ia merupakan suatu fitnah kepada Nabi SAW.

Menolak periwayatan hadis palsu tidak bermakna perlu ditolak segala ‘unsur baik’ yang terdapat dalam teks hadis tersebut. Hal ini kerana sekiranya ia bukan hadis nabi SAW sekalipun, mungkin juga ia merupakan kata-kata hikmah yang benar dan baik. Cumanya ia tidak boleh disandarkan kepada nabi kerana nabi tidak pernah mengucapkannya. Justeru, kata-kata hikmah ‘awal agama mengenal Allah’ itu sekiranya ia disandarkan kepada nabi maka ia akan menjadi hadis palsu. Akan tetapi sekiranya ia diambil sebagai kata-kata hikmah maka tidak ada salahnya pada kata-kata hikmah

tersebut. Malahan ia bertepatan dengan firman Allah SWT:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ ﴿١٩﴾

**Maksud:** “Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadanya bagi salah silap Yang Engkau lakukan, dan bagi dosa orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di Akhirat).”

(Muhammad; 19)

Begitu juga dari sudut berdoa pada awal tahun dan akhir tahun ketika menyambut tahun baharu hijrah. Ia sesuatu amalan yang boleh dilakukan asalkan tidak menyandarkan amalan tersebut kepada Nabi SAW. Amalan yang biasa dilakukan sempena menyambut kedatangan awal Muharam sempena tahun baharu hijrah ialah bacaan doa akhir tahun dan doa awal tahun. Walaupun terdapat perbincangan dan kekhilafan tentang bacaan doa sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, namun amalan yang berkaitan dengan doa yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah masih boleh diamalkan, apatah lagi ia sesuatu yang baik untuk umat Islam. Hal ini adalah kerana doa merupakan sesuatu yang sepatutnya dijadikan amalan harian sama ada pada awal tahun, pertengahan tahun, hujung tahun atau pada bila-bila masa sahaja. Sabda Nabi SAW:

## الدُّعَاءُ سِلَاحُ الْمُؤْمِنِ

**Maksud:** *'Doa adalah senjata bagi orang yang beriman.'*

Dalam hadis lain disebut bahawa *'doa adalah asas kepada ibadat.'* Cuma, sekiranya doa tersebut tidak diambil daripada doa yang *ma'thur* daripada al-Quran dan sunnah, maka janganlah menyandarkan amalan tersebut kepada Rasulullah SAW. Tambahan daripada itu, sambutan tahun baharu hijrah juga disulami dengan pelbagai program yang bermanfaat seperti forum, ceramah agama, qiamullail dan sebagainya. Sambutan tahun baharu seumpama ini yang diisi dengan program-program yang bermanfaat merupakan sesuatu yang baik yang tidak bercanggah dengan sunnah Rasulullah SAW.

Ringkasnya, jalan pertengahan antara golongan *'cair'* dan golongan *'beku'* adalah sangat perlu dalam masyarakat hari ini agar tipu daya syaitan dapat dipatahkan. Seterusnya umat Islam dapat menghindarkan diri daripada perpecahan, sebaliknya sentiasa mengukuhkan persaudaraan dan kesepaduan di antara satu sama lain.

# Muhasabah diri Tahun Baharu 2025

37

## HARAM JUAL, MAKAN HARTA WAKAF

Tempoh sekitar 36 jam diambil oleh umat Islam seluruh negara untuk menebus semula tanah Masjid Jamek Ar-Ridzuan Alor Pongsu, Perak bernilai RM1.8 juta selepas tanah wakaf itu dijual oleh waris kepada pihak ketiga menggambarkan keprihatinan semua.

Ia berkait rapat kesedaran umat Islam terhadap tanah wakaf dan hukum menjual tanah yang sudah diwakafkan untuk kebajikan, pembinaan masjid, surau dan pusat pengajian agama.

### Apakah status hukum waris yang bertindak menjual tanah wakaf?

Dalam syariat Islam, tanah yang sudah diwakafkan menjadi milik Allah secara mutlak dan hukum asalnya tidak boleh dijual, dihibahkan atau dipindah milik dan diwarisi. Sabda Nabi SAW:

لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ

**Maksud:** "Tidak harus (bagi pewakaf) untuk menjualnya, menghibakkannya dan mewariskannya."

(al-Bukhari; 2737)

Justeru, perbuatan waris yang cuba menjual atau sudah menjual tanah yang sah diwakafkan adalah batil di sisi syarak dan tidak sah di sisi undang-undang jika terbukti status wakafnya. Jual beli ini dikira sebagai transaksi yang fasid dan perlu dibatalkan. Kebanyakan individu tidak mengetahui perkara ini dan lebih memilih kecenderungan pulangan kewangan hasil penjualan tanah berkenaan.

### **Mengapakah kes penjualan tanah wakaf ini masih berlaku?**

Kes waris menjual tanah wakaf berlaku atas beberapa sebab, antaranya ialah kekeliruan masyarakat terhadap konsep wakaf yang kekal dan terputus hubungan pemilikan waris. Ini yang ramai orang tidak tahu, mereka mengandaikan wakaf itu sifat sementara dan boleh menuntut hak mereka, hak terhadap tanah itu. Tanah wakaf yang tidak didaftarkan secara rasmi, mengakibatkan waris menyangka ia harta pusaka yang boleh diwarisi dan boleh dijual kepada pihak ketiga.

Selain itu, keinginan mengejar keuntungan wang ringgit dalam kalangan segelintir waris yang kurang memahami hukum dan bersifat tamak. Dalam banyak kes, ia berpunca daripada kelemahan pendidikan wakaf dalam masyarakat, terutama generasi muda yang tidak lagi memahami niat pewakaf terdahulu.

### **Mengapakah kes penjualan tanah wakaf ini masih berlaku? Apakah langkah pihak berkuasa agama dalam kes ini?**

Apabila berlaku pertikaian antara waris dan pihak pengurusan wakaf, pihak berkuasa agama negeri seperti

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bertindak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf, akan mengambil tindakan dengan membatalkan urusan jual beli jika ia bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang. Pada masa sama, MAIN akan mengemukakan kes ke mahkamah untuk mendapatkan pengisytiharan sah status tanah wakaf.

Selepas itu, mengemas kini pendaftaran wakaf agar hak milik kekal atas nama wakaf, bukan individu. Itu adalah antara tindakan pihak berkuasa agama yang menjalankan amanah untuk memelihara tanah wakaf sejajar dengan niat asal pewakaf berkenaan.

### **Mengapakah kes penjualan tanah wakaf ini masih berlaku? Apakah peranan sistem pendaftaran wakaf?**

Sistem wakaf yang tidak dikemas kini atau tidak rasmi menyumbang kepada masalah pertikaian tanah wakaf. Tanah yang diwakafkan tetapi masih berdaftar atas nama individu di geran tanah akan membuka ruang kepada waris untuk mendakwa hak milik. Ini berpunca daripada pewakaf dahulu yang tidak membuat pendaftaran rasmi serta tiada penyerahan hak milik kepada majlis agama sebagai pemegang amanah.

Semua pertikaian ini boleh diselesaikan atau boleh dielakkan jika terdapat dokumentasi rasmi berhubung niat pewakaf berkenaan dan bukti itu juga boleh digunakan di mahkamah untuk penyelesaian perundangan.

**Mengapakah kes penjualan tanah wakaf ini masih berlaku? Pada pandangan Dato', apakah bentuk pendidikan dan advokasi masyarakat?**

Untuk memastikan generasi pewaris memahami bahawa harta wakaf tidak boleh dijual atau diwarisi, langkah-langkah khusus perlu diperkukuhkan antaranya kempen kesedaran melalui masjid, media, dan institusi pendidikan.

Pada masa sama, modul pendidikan wakaf dimasukkan dalam kurikulum sekolah serta kursus khas kepada waris pewakaf tentang amanah harta wakaf. Kita juga boleh pemerdaya pengurusan wakaf agar lebih profesional dan telus, supaya masyarakat yakin dan menghormati institusi wakaf. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

**Maksud:** "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya."

(al-Nisa'; 58)

**Mengapakah kes penjualan tanah wakaf ini masih berlaku? Daripada segi pengurusan masjid, apakah pula peranannya?**

Pihak pengurusan masjid perlu memainkan peranan penting. Mereka wajib cakna tentang status dokumen tanah wakaf di bawah jagaan masjid dan memastikan tanah wakaf masjid didaftarkan secara rasmi di bawah nama majlis agama sebagai pemegang amanah.

Mereka juga perlu menyimpan rekod lengkap wasiat pewakaf, geran tanah dan surat kebenaran wakaf kerana

ini dapat mengelakkan pertikaian masa depan dengan mengemas kini pendaftaran dan dokumentasi. Bertindak segera sekiranya terdapat cubaan oleh waris atau individu untuk memindah milik tanah wakaf.

**Mengapakah kes penjualan tanah wakaf ini masih berlaku? Apakah kepentingan wakaf ini untuk umat Islam?**

Tanah wakaf ialah harta umat Islam yang diamanahkan untuk manfaat bersama. Ia tidak boleh menjadi alat untuk mencari keuntungan peribadi, waris perlu menghormati niat pewakaf terdahulu, dan institusi agama pula perlu tegas dalam mempertahankan maruah wakaf.



## 38

### AJARAN SESAT DIASASKAN ABDULLAH BIN SABA'

Islam agama ilmu. Islam juga memerangi kejahilan. Oleh itu, umat Islam diperintahkan agar mencari ilmu. Rasulullah SAW telah bersabda dalam sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Majah bermaksud:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Maksud:** "Menuntut ilmu diwajibkan kepada setiap Muslim."

(Imam Ibnu Majah; 224)

Dalam buku '*Malamih al-Mujtama' al-Muslim*', Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi telah menyatakan bahawa para ulama Islam telah bersepakat bahawa menuntut ilmu itu wajib kepada setiap individu sama ada lelaki atau wanita, dan ilmu yang wajib dituntut itu merangkumi ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Daripada ayat al-Quran yang pertama diturunkan '*Iqra*' iaitu yang diturunkan pada 17 Ramadan tahun 610 Masihi, Allah SWT menghendaki manusia membaca, dan pembacaan itu merupakan pintu kepada memperoleh ilmu. Al-Quran itu sendiri merupakan kitab ilmu, dan al-Quran telah menjadikan ilmu sebagai kayu pengukur kepada kelebihanannya

seseorang manusia atas dunia ini. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ<sup>ط</sup>

**Maksud:** "Katakanlah; adakah sama orang yang mengetahui (berilmu), dengan orang yang tidak mengetahui (tidak berilmu)."

(al-Zumar; 9)

Justeru, ketika menilai sesuatu pegangan dan aliran, mestilah ia dinilai daripada perspektif ilmu agar tidak terpedaya dengan belitan iblis dan syaitan. Sememangnya sekiranya dilihat dari sudut luaran, golongan Syiah agak ke hadapan dari pelbagai sudut seperti ketenteraan, disiplin, penampilan dan sebagainya. Namun, itu semua tidak boleh dijadikan sebagai suatu ukuran untuk terus menerima pegangan dan aliran mereka. Hal ini kerana betapa banyak golongan dan ajaran sesat yang berjaya menzahirkan penampilan yang hebat, namun akhirnya apabila ditimbang dari sudut ilmu, amat mengecewakan bahkan termasuk dalam ajaran yang menyeleweng.

Sekiranya 'persepsi' menjadi ukuran, sudah tentu masyarakat akan mudah terikut dengan akidah dan pegangan orang Jepun. Orang Jepun lagi terkenal dengan semangat kerja mereka, disiplin yang tinggi, bahkan amalan kebersihan yang sangat dipuji sehinggakan ada yang menyatakan bahawa seseorang itu boleh tidur dalam tandas di Jepun lantaran tandas mereka yang sangat bersih!

Namun, apakah kehebatan dan penampilan masyarakat Jepun itu mewajarkan kita mengamal dan menganut agama *Shinto* mereka yang syirik itu? Sudah tentu tidak!

Oleh yang demikian, ilmu hendaklah dijadikan suatu ukuran untuk menerima sesuatu pegangan dan ajaran. Melalui kajian ilmu, didapati bahawa Syiah merupakan golongan yang sesat lagi menyesatkan. Mereka tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal jamaah. Pegangan mereka juga dilihat bercanggah dengan al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Terdapat tiga kategori golongan syiah iaitu: Syiah *Mughaliyah* (pelampau), Syiah *Rafidah* (Imamiyah) dan Syiah *Mu'tadilah* (Zaidiyah).

Daripada tiga golongan Syiah ini, Syiah *Rafidah* atau *Imamiyah* merupakan golongan yang paling dominan dan berkembang dalam dunia pada hari ini. Mereka merupakan majoriti Syiah yang mengatakan imamnya Ali adalah dengan nas, Ali telah menaskan *imamah* anaknya Hassan manakala Hassan telah menaskan *imamah* saudaranya Hussein. Begitulah seterusnya *imamah* itu berpindah dengan nas kepada anak-anak Hussein sehinggalah kepada Muhammad bin Hassan al-Askari yang pada pendapat mereka ia ghaib semasa kecil dan akan muncul sebagai Imam Mahdi dengan pada akhir zaman dengan membawa kebenaran dan keadilan. Mereka dikenali dengan '*Syiah Imamiyah*' kerana pegangan mereka kepada dua belas orang imam yang dianggap sebagai *maksum* dari segala dosa dan kesalahan.

Mereka ini juga dinamakan golongan *Rafidah* kerana mereka menolak *imamah* Abu Bakar, Umar al-Khattab dan Uthman Affan dengan hujah bahawasanya Nabi saw telah mewasiatkan kepada Ali sebagai khalifah selepasnya. Namun wasiat ini pada dakwaan Syiah telah di ketepikan oleh kebanyakan sahabat selepas kewafatan Rasulullah SAW. Oleh yang demikian mereka

telah mengkafirkan para sahabat Nabi SAW termasuk sahabat-sahabat yang rapat dengan Nabi SAW seperti Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar dan selainnya.

Jelasnya, Syiah bukanlah suatu ajaran yang boleh diikuti, bahkan ia merupakan ajaran sesat yang diasaskan oleh seorang Yahudi dari Yaman yang bernama Abdullah bin Saba'. Dia merupakan Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam. Dia pandai mengada-adakan cerita palsu dan bijak menipu orang. Dia juga digelar Ibnu Sauda`. Syiah merupakan ajaran sesat yang paling lama dapat bertahan sehingga ke hari ini. Mereka yang terpedaya dengan ajaran Syiah telah terperangkap dengan belitan iblis dan syaitan yang sememangnya sentiasa berusaha untuk menyesatkan umat Islam daripada persada kebenaran.

### **Konsep 'Taqiyyah' yang terdapat dalam pegangan Syiah**

Sebenarnya konsep *taqiyyah* itu ialah konsep yang berasaskan kepada perbuatan berdusta, berbohong dan berpura-pura. Namun, konsep ini telah dijadikan asas oleh golongan Syiah dalam memartabatkan keimanan mereka kepada Allah SWT. Disebabkan sifat '*taqiyyah*' ini, para ulama Islam tidak mahu menerima riwayat yang bawa oleh golongan Syiah ekoran sikap pembohongan yang dilakukan oleh mereka. Imam Syafii pernah berkata: "*Tidak pernah aku melihat golongan yang menurut hawa nafsu yang lebih pembohong dari golongan Syiah.*" Dalam kitab hadis golongan Syiah, dinyatakan bahawa *taqiyyah* merupakan perkara yang penting dalam agama. Al-Kulaini meriwayatkan dalam kitabnya *al-Kafi* bahawa: "*Tiada iman dan tiada agama bagi orang yang tidak mengamalkan tuqyah (taqqiyyah).*"

Sebagai penjelasan, golongan Syiah menolak hadis-hadis yang terdapat dalam sahih Bukhari, sahih Muslim, sunan al-Tirmizi dan kitab-kitab hadis Ahli Sunnah Waljamaah yang lain. Bagi mereka, kitab hadis yang menjadi pegangan mereka ialah *al-Kafi* tulisan al-Kulaini. Menurut golongan Syiah, *taqiyyah* merupakan amalan yang disukai oleh dua belas orang *Imam Maksum* mereka dan ia juga merupakan amalan yang meninggikan darjat seseorang di sisi Allah. Al-Kulaini meriwayatkan dari *Imam Maksum* bahawa beliau berkata: *“Demi Allah, tiada sesuatu di atas muka bumi ini yang lebih disukai olehku daripada taqiyyah.”* Dalam riwayat lain dalam *al-Kafi* dinyatakan bahawa: *“Allah mengangkat darjat orang yang mempunyai taqiyyah dan merendahkan orang yang tidak mempunyai taqiyyah.”*

Ajaran Syiah itu sendiri sebenarnya ditegakkan di atas dasar *taqiyyah*. al-Kulaini meriwayatkan dalam kitab beliau *al-Kafi*: *“Sesungguhnya kamu berada di atas agama yang sesiapa menyembunyikannya akan dimuliakan Allah dan sesiapa menyebarkannya akan dihina oleh Allah.”* Pemimpin agung Syiah iaitu Khomeini sendiri mengajarkan kepada orang Syiah untuk mengamalkan *taqiyyah*. Sebagai contohnya, ketika beliau membicarakan tentang perkara-perkara yang membatalkan solat dalam kitab *Tahrir al-Wasilah*, beliau menyatakan: *“Perkara kedua (yang membatalkan solat) ialah meletakkan satu tangan di atas tangan yang lain (dakap qiam) seperti yang dilakukan oleh orang-orang bukan dari kalangan kita. Tetapi tidak mengapa melakukannya dalam keadaan taqiyyah.”*

Beliau juga menyatakan bahawa *“perbuatan sengaja mengucapkan ‘amin’ selepas selesai membaca Fatihah*

*(juga membatalkan solat) kecuali kerana taqiyyah, tidak mengapa untuk mengucapkannya.”*

### **Amalan pelik dalam ajaran Syiah**

Terlalu banyak kepercayaan khurafat dan amalan pelik yang menyeleweng di sisi golongan Syiah. Antaranya ialah:

1. Golongan Syiah menganggap Kufah ialah tanah haram. Menunaikan solat dan berbuat kebajikan padanya pasti mendatangkan pahala yang besar.
2. Tanah Karbala dianggap sebagai tanah yang suci. Tanahnya juga digunakan oleh orang Syiah sebagai tempat sujud ketika mereka menunaikan solat.
3. Golongan Syiah juga merayakan hari-hari besar orang-orang Majusi dan menganggap sunat mandi pada hari itu seperti perayaan *Nairuz*.
4. Mereka mengamalkan upacara 10 Muharam yang sungguh memalukan umat Islam, perbuatan-perbuatan yang dilakukan pada 10 Muharam itu, tidak ada bezanya dengan upacara-upacara keagamaan Hindu seperti Thaipusam dan Kavadi.

39

## **LAHIR MASYARAKAT MALAS BERUSAHA, JUMUD**

Khurafat ialah mempercayai sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kesan paling besar yang akan dihadapi oleh umat Islam apabila mempercayai perkara khurafat ini ialah ia akan menjerumuskan umat Islam ke lembah kekufuran dan kesyirikan. Mengamalkan perkara-perkara khurafat atau kepercayaan karut adalah nyata ditegah oleh syarak. Di samping itu, amalan khurafat tidak mendatangkan sebarang faedah, sebaliknya hanya boleh merosakkan akidah seseorang.

Oleh yang demikian, umat Islam hendaklah menjauhkan diri daripada sangkaan atau kepercayaan karut dan khurafat supaya terselamat daripada amalan-amalan yang boleh membawa kepada syirik. Amalan khurafat juga boleh menjejaskan kegiatan sosial dan ekonomi umat Islam. Ia akan melahirkan budaya malas berusaha, minda menjadi jumud dan beku, kegiatan ekonomi terbantut, mudah berputus asa, tidak bertawakal kepada Allah serta menjejaskan martabat Islam yang syumul. Apabila seseorang itu percaya kepada makhluk selain Allah, maka ia akan membawa kepada lenyapnya keimanan kepada rukun Islam keenam iaitu percaya kepada qadak dan qadar Allah SWT.

Kepercayaan dan amalan khurafat yang masih membelenggu umat Islam hari ini adalah berpunca daripada akidah yang tidak mantap dan tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang hukum-hakam yang terdapat di dalam Islam. Kepercayaan dan amalan khurafat hanya boleh dibanteras jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran Islam dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan dalam segala tindakan.

Dalam hal ini, Nabi SAW telah menjelaskan kepada kita melalui sabda baginda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُم بِهِمَا: كِتَابَ  
اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ

**Maksud:** "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya sekiranya berpegang dengan kedua-dua perkara tersebut, iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku."

(al-Tirmizi; 2678)

Kepercayaan dan amalan khurafat memang tidak memberikan manfaat langsung, malah lebih menjuruskan kepada perkara-perkara negatif. Oleh itu, bagi menangani masalah khurafat, akidah umat Islam hendaklah diperteguhkan agar tidak terus berada di dalam kepompong kejahilan. Apabila akidah sudah mantap, maka minda umat Islam tidak mudah terpengaruh dengan unsur khurafat, sebaliknya akan lebih terbuka serta 'berpijak di bumi yang nyata'.

## Kepercayaan khurafat boleh membawa kepada syirik

Mungkin masih ada yang tertanya-tanya, apakah maksud syirik sebenarnya? Syirik ialah perbuatan menyekutukan Allah dalam apa juga bentuk sama ada perkataan, pegangan, perbuatan dan iktikad iaitu dengan menjadikan sesuatu yang lain iaitu makhluk sekutu bagi Allah. Firman Allah SWT:

إِنَّهُ مَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَهُ النَّارُ<sup>ط</sup>

**Maksud:** “Bahawasanya, sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah ke neraka.”

(al-Maidah; 72)

Allah berfirman lagi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ  
وَمَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

**Maksud:** “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa seseorang yang syirik kepadaNya dan Allah akan mengampunkan kepada sesiapa yang Dia kehendaki iaitu selain dari dosa syirik. Barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.”

(al-Nisa’; 48)

Dalam sebuah hadis Nabi SAW telah bersabda:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ " الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَأَكْلُ الرِّبَا وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

**Maksud:** "Jauhilah kamu daripada tujuh perkara yang membinasakan; iaitu mensyirikkan Allah, melakukan perbuatan sihir, membunuh nyawa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan jalan yang benar, memakan harta anak yatim, memakan riba, lari daripada medan peperangan dan menuduh perempuan Mukmin suci melakukan zina."

(al-Bukhari; 2766 dan Muslim; 89)

Syirik ini boleh berlaku melalui salah satu daripada tiga keadaan iaitu:

- Menerusi iktikad: Contohnya ialah meragui atau menafikan kewujudan Allah dan berkeyakinan bahawa sistem ciptaan manusia lebih baik dan sempurna daripada sistem dan perundangan yang diciptakan Allah.
- Menerusi perbuatan atau amalan: Contohnya adalah seperti perbuatan menyembah patung, berhala, batu, pokok, matahari, bulan bintang atau objek tertentu. Begitu juga termasuk dalam kategori ini ialah perbuatan memuja kubur atas dakwaan kubur itu keramat atau memohon

perlindungan daripada makhluk halus dan sebagainya.

- Menerusi lidah atau perkataan: Contohnya adalah seperti menghalalkan perkara haram atau mengharamkan sesuatu yang dihalalkan.

### Siapa hantu sebenarnya

Hantu merupakan suatu istilah yang digunakan dalam masyarakat Melayu sebagai penjenamaan kepada makhluk halus. Pelbagai nama diberikan kepada hantu seperti hantu raya, toyol, pelesit, pocong, hantu galah, langsuyar, puntianak dan sebagainya. Sebenarnya kesemua nama tersebut hanya merujuk kepada satu jenis makhluk sahaja iaitu jin. Jadi, secara realitinya, hantu itu adalah nama yang dinisbahkan kepada golongan jin.

Jin adalah seumpama manusia dari sudut keimanan dan kekufuran. Oleh itu, terdapat dalam kalangan jin golongan yang Islam, soleh, kafir, fasik, munafik dan sebagainya. Firman Allah SWT:

وَأَنَّا مِنَّا الصَّالِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَلِكَ كُنَّا طَرَائِقَ قَدَدًا ﴿١١﴾

**Maksud:** “Dan sesungguhnya di antara kami (jin) ada orang-orang yang soleh dan di antara kami ada yang tidak demikian halnya. Adalah kami menempuh jalan yang berbeza-beza.”

(al-Jin; 11)

Jin merupakan makhluk Allah yang diciptakan daripada api. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 27:

وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِن قَبْلُ مِن نَّارِ السَّمُومِ ﴿٢٧﴾

**Maksud:** *Dan kami telah menciptakan jin sebelum (Adam) dari api yang sangat panas.”*  
(al-Hijr; 27)

Golongan yang jahat dalam kalangan jin dikenali sebagai iblis dan syaitan. Iblis ialah makhluk Allah yang derhaka daripada kalangan jin. Al-Quran telah menyatakan dengan jelas bahawa Iblis adalah daripada jenis jin. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ  
مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۖ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ  
مِن دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

**Maksud:** *“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; lalu mereka sujud melainkan Iblis; ia adalah berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya. oleh itu, Patutkah kamu hendak menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripadaku? sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amat buruklah Iblis itu sebagai pengganti bagi orang-orang yang zalim.”*

(al-Kahfi; 50)

Manakala syaitan pula ialah golongan yang ingkar daripada kalangan jin dan manusia. Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحِي  
بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا  
فَعَلُوهُ<sup>ط</sup> فَذَرَّهُمْ وَمَا يُفْتَرُونَ ﴿١١٢﴾

**Maksud:** “Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. oleh itu, biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan (dari perbuatan yang kufur dan dusta) itu.”

(al-An'am; 112)

# TIADA ISTILAH MELANGGAR ADAT

40

## PERBEZAAN SEKADAR ISTILAH

Menjadi suatu kewajipan kepada manusia untuk mengenal Penciptanya. Oleh itu, para hukama telah menyatakan bahawa *'awal agama ialah mengenal Allah'*. Syeikh Abdul Majid al-Zindani dalam muqaddimah kitabnya *'al-Iman'* telah menyatakan bahawa *"sesungguhnya perkara wajib yang pertama ke atas setiap manusia ialah mengenali Allah melalui jalan ilmu, berdasarkan firman Allah SWT:*

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

**Maksud:** *Maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah."*

(Muhammad; 19)

Sehubungan dengan itu, ilmu merupakan wasilah yang sangat penting untuk mengenali Allah dan seterusnya dapat memperhambakan diri dengan sebenar-benarnya kepada Allah yang Maha Esa. Namun begitu, syaitan sentiasa mencari jalan agar manusia tersasar dari jalan kebenaran. Bagi mereka yang tiada ilmu atau kurang ilmunya, amat mudahlah bagi syaitan memperdayakan mereka sebagaimana yang telah dilakukan oleh syaitan

dalam menyesatkan Ratu Saba' dan rakyatnya. Firman Allah SWT:

وَجَدْتَهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِن دُونِ اللَّهِ وَرَبِّينَ لَهُمُ  
الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾

**Maksud:** “Aku (burung hud-hud) mendapati dia dan kaumnya menyembah matahari, selain Allah; dan syaitan telah menjadikan mereka memandangi indah perbuatan-perbuatan mereka lalu menghalangi mereka dari jalan (Allah), sehingga mereka tidak dapat petunjuk”.

(al-Naml; 24)

Bagi golongan yang berilmu pula, syaitan mencari jalan lain yang penuh dengan ‘strategi’ untuk mempengaruhi serta menyesatkan mereka. Antaranya ialah dengan meniup sifat ego dan tidak mudah mengalah kepada pihak yang tidak bersetuju dengannya dalam sesuatu perkara dan isu. Akibatnya, berlakulah pertelingkahan dan pergaduhan sesama Muslim sehingga bermasam muka di antara satu sama lain yang sudah tentu dibenci oleh Allah, akan tetapi sebaliknya disukai oleh syaitan dan iblis. Kadang-kala berlaku dalam kalangan masyarakat Islam yang sanggup mengkafirkan sahabat seagama hanya semata-mata tidak bersetuju dengan pegangan, aliran atau sesuatu ideologi yang masih termasuk dalam perkara *khilafiah* yang masih boleh dibincangkan dan diperjelaskan. Dalam hadis yang sahih, Nabi SAW bersabda:

إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ: يَا كَافِرُ، فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا

**Maksud:** “Barang siapa berkata kepada saudaranya ‘wahai kafir’, maka pengkafiran itu akan kembali kepada salah seorang daripada

*mereka; sama ada ungkapan itu benar atau ia akan kembali kepadanya.”*

(al-Bukhari; 6104 dan Muslim; 60)

Dalam hadis yang lain, daripada Ibnu Umar r.a., Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ أَحَدٌ يَرْمِي رَجُلًا بِالْفُسُوقِ، وَلَا يَرْمِيهِ بِالْكَفْرِ، إِلَّا  
ارْتَدَّتْ عَلَيْهِ، إِنْ لَمْ يَكُنْ صَاحِبَهُ كَذَلِكَ

**Maksud:** “Tidaklah seseorang itu menuduh seorang yang lain sebagai fasik atau mengkafirkannya melainkan ia akan terpantul semula kepadanya sekiranya saudaranya tidak sebegitu”.

(al-Bukhari; 6104)

Sikap ego, sombong dan ‘tidak mahu mengalah’ merupakan sikap yang tercela yang diwarisi daripada iblis. Akibat kesombongan dan keegoan, iblis tidak mahu menurut perintah Allah untuk sujud dan menghormati nabi Adam, lantas dia rela mendapat kecelakaan dan kebinasaan asalkan kesombongan itu terus dipertahankan. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى  
وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿۳۶﴾

**Maksud:** “Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: “Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam.” Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir.”

(al-Baqarah; 34)

Justeru, setiap individu Muslim wajib menjauhi sifat sombong dan takabbur kerana ia merupakan sifat yang boleh merosakkan serta membinasakan kehidupan seseorang di dunia dan di akhirat. Dalam usaha untuk mengenali Allah, pelbagai cara dan metodologi boleh dilakukan. Antaranya ialah dengan pembelajaran '*Sifat 20*' dan '*Tauhid Rububiyah, Uluhiyyah dan Asma' wa Sifat*'. Kedua-dua cara yang digunakan ini merupakan suatu kaedah dan metodologi untuk mengenali Allah yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Para ulama telah meletakkan pelbagai cara, kaedah dan metodologi untuk mengenal sifat-sifat dan keagungan Allah SWT agar manusia merasai diri sebagai seorang hamba yang wajib taat dan patuh kepada-Nya. Dalam masa yang sama, manusia tidak boleh menyamakan iaitu mentasybihkan Allah dengan segala makhluk yang diciptakan Allah.

Namun, sesuatu yang mendukacitakan yang berlaku mutakhir ini ialah berlakunya pergaduhan dan permusuhan dalam kalangan '*ilmuwan*' dalam persoalan metodologi mengenal Allah SWT. Masing-masing menuding jari ke arah pihak lawan dengan mendakwa bahawa metodologi yang digunakan mereka tidak betul dan bercanggah dengan hukum syarak, bahkan sampai ke tahap sanggup kafir mengkafirkan!

Akibatnya, masyarakat menjadi bertambah keliru dan perbalahan tersebut tidak sedikit pun dapat meningkatkan kefahaman mereka serta mendekatkan diri mereka kepada para '*ilmuwan*' tersebut, malahan mereka semakin jauh dan secara tidak langsung menjatuhkan kredibiliti para ilmuwan di kaca mata masyarakat. Sesuatu yang amat menyedihkan apabila terdapat golongan yang ekstrem yang menghukumkan

sesat terhadap pengajian sifat 20 dengan mengaitkannya dengan ajaran falsafah dan seumpamanya. Begitu juga dengan pihak yang menyesatkan pengajian *Tauhid Rububiyah, Uluhiyyah dan Asma' wa Sifat* yang cuba dikaitkan dengan konsep *trinititi* Kristian. Perbalahan golongan ekstrem ini tidak akan berkesudahan apabila masing-masing mahu menunjukkan kehebatan dan 'hero' masing-masing. Apa untungnya perbalahan ini, melainkan hanya mendapat kerugian semata-mata. Inilah tipu daya licik syaitan yang berjaya memporak-perandakan kasih sayang yang sepatutnya wujud dalam kalangan umat Islam yang dinyatakan oleh Allah bahawa: "*Orang beriman itu bersaudara.*"

Sebagaimana yang diketahui, pada zaman Nabi SAW tidak ada istilah 'Sifat 20', mahu pun istilah '*tauhid dalam bentuk Rububiyah, Uluhiyyah dan Asma wa Sifat*'. Istilah-istilah tersebut dibentuk oleh para ulama untuk memahamkan masyarakat dalam usaha mengenali Allah yang Maha Esa. Namun begitu, ia bukan dihasilkan begitu sahaja, akan tetapi ia berdasarkan *istinbat* daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Inilah yang dinamakan metodologi dan kaedah. Sesuatu metodologi dan kaedah itu merupakan jalan yang digunakan untuk memahamkan sesuatu yang dipelajari.

Kadang-kala metodologi mengenal Allah juga dapat diperoleh melalui pemerhatian dan dengan menggunakan dalil aqli. Seorang arab badwi ditanya, "*Bagaimanakah kamu mengenal tuhanmu?*" Lalu beliau menjawab, "*Tahi unta menunjukkan adanya unta, kesan tapak kaki menunjukkan adanya orang yang berjalan, oleh itu, langit berserta dengan bintang-bintangnya, serta bumi dengan segala gunung dan lurahnya tidakkah*

*menunjukkan kepada adanya Yang Maha Mengetahui iaitu Allah SWT.”*

Maka apabila dilihat kepada pengajian sifat 20 yang diasaskan oleh Abu Hassan al-Asy’ari , didapati bahawa ia merupakan suatu metodologi pembelajaran akidah untuk mengenal Allah yang bersandarkan dalil-dalil *naqli* iaitu al-Quran dan al-Hadis yang bertujuan untuk menjawab tuduhan yang ditimbulkan oleh pihak yang menyeleweng seperti kaum *Mu’tazilah*, kaum *Jabariyyah*, kaum *Qadariyyah* dan lain-lain. Jadi, ia merupakan suatu metodologi pengajian akidah yang dapat membantu umat mengenali Allah SWT dan menjadi hamba Allah dengan sebenarnya.

Begitu juga *Tauhid Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *Asma wa Sifat* yang juga merupakan metodologi untuk mengenal Allah. Menurut kitab *‘Perisai Bagi Sekalian Mukalaf’* tulisan Syeikh Abdul Qadir al-Mandili yang juga terkenal dengan kitabnya *‘Penawar Bagi Hati’*, *Tauhid Rububiyyah* itu ialah mentauhidkan Allah pada perbuatan Allah iaitu hanya Allah yang mentadbir, mencipta, memberi rezeki dan sebagainya. Manakala *Tauhid Uluhiyyah* ialah mentauhidkan Allah dalam perbuatan hamba iaitu sebagai hamba Allah tidak boleh sama sekali mensyirikkan Allah. Manakala *Tauhid asma wa sifat* ialah mengimani semua yang disebut dalam al-Quran dan al-hadis tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah yang maha sempurna.

Jadi, kedua-dua metodologi ini merupakan suatu jalan mengenali Allah tanpa menyamakan Allah dengan makhluk. Oleh yang demikian, tidak perlu lagi untuk bergaduh dan bertelingkah dalam soal kaedah dan metodologi ini, sebaliknya hendaklah bersatu bagi

memperkukuhkan keimanan dan tauhid dalam kalangan masyarakat agar dapat sama-sama membentuk manusia yang benar-benar beriman kepada Allah SWT. Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli ketika ditanya tentang perbalahan yang berlaku dalam hal ini, beliau sendiri dengan tegas menyatakan agar tidak melayan dan jangan dihiraukan perbalahan tersebut, kerana perbezaan hanya melibatkan istilah sahaja, sebaliknya bersatulah untuk mengajak manusia beriman kepada Allah SWT.

## Biografi Penulis

**Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman** dilahirkan pada 23 Januari 1974 di Kg. Jarak Atas, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Beliau kini berkhidmat sebagai **Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang**, setelah menabur bakti sebagai pensyarah dan tokoh akademik di Universiti Putra Malaysia sejak tahun 1997.

Beliau memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Usuluddin (al-Quran dan al-Hadis) dari Universiti Malaya, Sarjana Pengajian Islam dari UKM, dan Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Arab dan Syariah dari Universiti Yarmouk, Jordan. Beliau turut memiliki Diploma Profesional dalam Terjemahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kepakaran beliau merangkumi bidang akidah, fiqh, tasawuf, i'jaz al-Quran, dan bahasa Arab. Beliau aktif menulis dengan lebih 100 buah buku, 50 artikel jurnal akademik, dan lebih 500 artikel majalah serta akhbar yang telah diterbitkan. Antara karyanya yang terkini ialah *Surah al-Fatihah dari Perspektif 12 Ulama Tafsir* dan *Terjemahan serta Ulasan Minhaj al-Talibin*.

Beliau turut menuntut ilmu secara talaqqi dengan ramai ulama besar di Timur Tengah seperti al-Marhum Syeikh Nuh 'Ali Salman al-Qudah, Syeikh Dr. Hasan Hitou dan Syeikh Prof. Dr. Ali al-Qaradaghi. Sumbangannya dalam bidang dakwah, pendidikan dan penulisan menjadikan beliau salah seorang tokoh ilmuwan Islam tanah air yang dihormati.



